

**PERLINDUNGAN KEPADA MANGSA PENDERaan  
SEKSUAL KANAK-KANAK: KAJIAN  
DI BRUNEI DARUSSALAM**

**NURUL MUNIRAH BINTI AWANG JUMAT**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2019**

**PERLINDUNGAN KEPADA MANGSA PENDERJAAN  
SEKSUAL KANAK-KANAK: KAJIAN  
DI BRUNEI DARUSSALAM**

**NURUL MUNIRAH BINTI AWANG JUMAT**

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2019**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama:

No. Matrik:

Nama Ijazah:

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

# **PERLINDUNGAN KEPADA MANGSA PENDEREAAN SEKSUAL KANAK-KANAK: KAJIAN DI BRUNEI DARUSSALAM**

## **ABSTRAK**

Penderaan Kanak-Kanak merupakan permasalahan sosial yang sering menjadi isu perbincangan di peringkat global. Salah satu konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu Konvensyen Hak Kanak-Kanak (KHKK) 1989 telah diratifikasi oleh Brunei pada 27 Disember 1995. Konvensyen tersebut merupakan dokumen komprehensif yang mengandungi hal-hal yang berkaitan dengan hak kemanusiaan dan perlindungan kanak-kanak. Brunei sebagai sebuah negara yang berideologikan Melayu Islam Beraja juga tidak terkecuali dari menghadapi kes penderaan terhadap kanak-kanak sama ada dari segi fizikal, seksual, emosi dan pengabaian. Kajian ini menumpukan kepada perlindungan terhadap mangsa kanak-kanak yang didera seksual di Brunei. Penderaan berbentuk seksual ini agak sukar untuk dikaji kerana ianya merupakan masalah sosial yang terselindung berbanding dengan bentuk penderaan lainnya. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor dan kesan penderaan terhadap kanak-kanak yang didera seksual menurut kes-kes yang dilaporkan ke agensi-agensi kerajaan Brunei. Juga untuk mengkaji undang-undang dan usaha agensi-agensi kerajaan dalam memberikan perlindungan terhadap mangsa kanak-kanak dan juga hukuman kepada pelaku. Bagi mencapai objektif kajian, kajian perpustakaan, kajian lapangan iaitu temu bual dan kajian dokumen digunakan untuk menyempurnakan kajian. Daripada kajian yang dibuat, didapati bahawa statistik penderaan seksual kanak-kanak menunjukkan perbezaan jumlah kes kerana aduan kes datang dari sumber yang berbeza, juga didapati bahawa banyak lagi kes penderaan seksual yang tidak dilaporkan kepada pihak beautoriti. Kesemua informan bersepakat bahawa penderaan seksual berlaku kerana pelbagai faktor dan kesannya terhadap mangsa meliputi kesan psikologi, tingkah laku dan fizikal mangsa. Perlindungan undang-undang didapati mencukupi bagi membendung penderaan seksual kanak-kanak

di Brunei. Brunei memiliki sistem perlindungan yang dijalankan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan mengikut tanggungjawab dan peranan masing-masing. Perlindungan ini turut dinyatakan dalam peruntukan undang-undang, terutamanya Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219 yang digunakan sebagai dasar perundangan yang meliputi perkara yang berkaitan dengan kanak-kanak. Selain itu, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 dan juga Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 (PKHJS 2013) memperuntukkan hukuman bagi kesalahan-kesalahan seksual kepada pelaku. Ini menunjukkan Brunei memandang serius terhadap masalah ini dan telah mempunyai kaedah penyelesaian ke arah perlindungan yang sewajarnya dilakukan.

*Kata Kunci:* Penderaan Kanak-Kanak, Penderaan Seksual, Faktor, Kesan, Perlindungan.

# **PERLINDUNGAN KEPADA MANGSA PENDERJAAN SEKSUAL KANAK-KANAK: KAJIAN DI BRUNEI DARUSSALAM**

## **ABSTRACT**

Violence against children is a frequently discussed issue globally. The United Nations Convention on the Rights of the Child (UNCRC) 1989 is one of the conventions by the United Nations Children's Fund (UNICEF) which is ratified by Brunei on 27 Disember 1995. It is a comprehensive document detailing issues relating to human rights and child protection. Brunei as a nation of Malay Islamic Monarchy ideology is also of no exception to dealing with child abuse cases in the forms of physical, sexual, emotional and child neglect. This study concentrates on the protection of sexually abused children from the perspectives of social welfare and legislation in Brunei. Sexual abuse is somewhat difficult to study as it is a hidden social problem in comparison to other forms of abuse. The objective of this study is to identify the risk factors and the effects of sexual abuse children, based on the cases reported to the relevant government agencies in Brunei. Furthermore, this is also to study the laws and efforts undertaken by the government agencies in providing protection to abused children and legal punishment on the perpetrator. To achieve the objectives, several methods were used including library research, interviews and document research. The outcome of the research shows that sexual abuse children marked a substantial difference between reported and unreported cases. The informants agreed that there are still many more sexual abuse cases that went unreported to the authorities. All the informants unanimously agreed that sexual abuse happens due to the combination of various factors and that the impact on the victims would encompass the psychology, behavioural and physical aspects. Brunei current laws pertaining to issues surrounding child sexual abuse are adequately implemented. In an effort to curb sexual abuse incidence, Brunei has a protection system in place, carried out in collaboration with government agencies in line with their own roles and

responsibilities. This protection is also specified in the law, particularly the Children and Young Persons' Act Chapter 219 (CYPA CAP.219) which is used as a legal policy that covers any matters relating to children. Apart from that, the Brunei Penal Code Chapter 22 and the Brunei Syariah Penal Code Order 2013 provisioned punishments to the perpetrator for sexual crimes. This shows that Brunei is looking into this matter seriously and has established methods and solutions towards providing proper and necessary protection for the children in the country.

*Keywords:* Violence against children, Sexual Abuse, Factors, Effects, Protection.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan izinnya juga penulis dapat menyelesaikan kajian ini serta dengan ‘inayahnya juga segala kesulitan dan kesukaran dapat dihadapi dan diselesaikan bagi melengkapkan kajian ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga khas buat Bapa, Awang Jumat Bin Hj Md. Tahir dan Mama, Dayang Asmah Binti Haji Durahim yang tidak pernah putus-putus mendorong dan memberikan sokongan sepenuhnya kepada penulis agar terus bersemangat dan tidak berputus asa dalam meneruskan kajian ini. Begitu juga buat kakak penulis, Nuruljannah Binti Awang Jumat yang menjadi individu inspirasi diri, terima kasih kerana banyak membantu dan sentiasa memberikan kata-kata semangat untuk penulis.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada penyelia disertasi Profesor Madya Dr. Siti Zubaidah Binti Ismail atas segala tunjuk ajar dan teguran yang membina kepada penulis untuk menghasilkan kajian yang baik dan berkualiti. Terima kasih kerana membimbang penulis sepanjang kajian ini dijalankan, hanya Allah SWT sahaja yang dapat membalas jasa baik beliau.

Sekalung apresiasi ditujukan kepada para pensyarah Akademi Pengajian Islam yang memberikan sumbangan ilmu yang tidak ternilai harganya kepada penulis, segala tunjuk ajar dan nasihat yang tidak jemu-jemu diberikan, terima kasih kerana berkorban waktu dan tenaga untuk menjadikan penulis seorang yang lebih berfikiran ke hadapan dari sebelumnya.

Tidak dilupakan juga kepada para sahabat seperjuangan Jabatan Syariah dan Undang-Undang yang sama-sama berkongsi ilmu dan pengalaman yang berharga sepanjang pengajian penulis di Akademi Pengajian Islam, terima kasih diucapkan.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga dirakamkan kepada ASP Mohammad Amerol Bin Haji Metusin (Pegawai Penyiasat, Unit Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah), Puan Dk Nurizni Pg Hj Sallehuddin (Ketua Perkhidmatan Kebajikan Perubatan, Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha), Puan Siti Noorlilawati binti Abd Rahman (Pegawai Ugama, Bahagian Penguatkuasaan Ugama), Puan Hjh Rozaimah Hj Abd Rahman (Penasihat Undang-Undang Timbalan Pendakwaraya, Bahagian Keadilan Jenayah, Jabatan Peguam Negara), Puan Dr. Hjh Mawarni Hj Abd Hamid (Konsultan Pediatrik, Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha), Puan Hajah Alus binti Kula (Penolong Pengguna Rumah Kebajikan, Kompleks Rumah Kebajikan dan Tuan Muhammad Tauhiduddin bin Haji Rosli (Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat, Unit Kanak-Kanak, Jabatan Pembangunan Masyarakat) serta Jabatan Perisikan Jenayah. Terima kasih kerana meluangkan masa, memberikan input kepada penulis dan memberikan data yang diperlukan untuk melengkapkan kajian penulis serta menyokong agar kajian ini dapat dilakukan dengan sebaiknya.

Sekian.

Nurul Munirah Binti Awang Jumat  
No.12, Simpang 82, Jalan 39  
RPN Kg. Rimba Gadong  
BE 3319  
Negara Brunei Darussalam

## **DAFTAR ISI KANDUNGAN**

Abstrak .....	iii
Abstract .....	v
Penghargaan .....	vii
Daftar Isi Kandungan .....	ix
Senarai Jadual.....	xiv
Senarai Rajah .....	xv
Senarai Kependekan.....	xvi
Senarai Statut.....	xviii
Senarai Kes.....	xix

### **BAB 1: PENGENALAN ..... 1**

1.1 Pendahuluan.....	1
1.2 Latar Belakang Masalah Kajian.....	3
1.3 Pernyataan Masalah Kajian.....	9
1.4 Objektif Kajian.....	11
1.5 Persoalan Kajian.....	11
1.6 Kepentingan Kajian.....	11
1.7 Skop Kajian.....	12
1.8 Limitasi Kajian.....	13
1.9 Ulasan Kajian Lepas.....	13
1.10 Metodologi Kajian.....	19
1.10.1 Kaedah Pengumpulan Data .....	20
1.10.2 Kaedah Analisis Data.....	23
1.11 Pecahan Bab.....	24
1.12 Kesimpulan.....	26

<b>BAB 2: PENDEREAAN SEKSUAL KANAK-KANAK SEBAGAI MASALAH SEJAGAT.....</b>	<b>27</b>
2.1 Pengenalan.....	27
2.2 Penderaan Kanak-Kanak Sebagai Masalah Sejagat.....	27
2.3 Penderaan Kanak-Kanak: Definisi dan Bentuk-Bentuk.....	29
2.3.1 Definisi Penderaan Kanak-Kanak.....	30
2.3.2 Kedudukan Kanak-Kanak Dalam Islam.....	31
2.3.3 Bentuk Penderaan Kanak-Kanak.....	35
2.4 Dinamik Penderaan Seksual Kanak-Kanak.....	37
2.5 Kerangka Teori.....	40
2.6 Isu Sekitar Sumbang Mahram.....	42
2.7 Faktor-Faktor Penderaan Seksual Kanak-Kanak.....	45
2.8 Kesan-Kesan Dialami Oleh Mangsa.....	49
2.9 Perlindungan Bagi Mangsa Penderaan Kanak-Kanak.....	51
2.10 Perlindungan Mangsa Penderaan Kanak-Kanak di Brunei.....	57
2.11 Kesimpulan.....	59

<b>BAB 3: PENDEREAAN SEKSUAL KANAK-KANAK DI BRUNEI DARUSSALAM: REALITI SEMASA.....</b>	<b>61</b>
3.1 Pengenalan.....	61
3.2 Fakta Penderaan Seksual Kanak-Kanak di Brunei.....	61
3.2.1 Status Hubungan Pendera Dengan Mangsa Kanak-Kanak Seksual.....	65
3.3 Faktor Penderaan Seksual Kanak-Kanak di Brunei.....	67
3.4 Kesan-Kesan Penderaan Seksual Kanak-Kanak di Brunei.....	72
3.5 Kesimpulan.....	76

<b>BAB 4: PERANAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN BRUNEI DALAM MEMBERIKAN PERLINDUNGAN MANGSA PENDEREAAN SEKSUAL KANAK-KANAK.....</b>	<b>77</b>
4.1 Pengenalan.....	77
4.2 Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Brunei.....	78
4.2.1 Prosedur Penyiasatan.....	79
4.2.2 Khidmat Perlindungan Yang Diberikan oleh Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak.....	80
4.3 Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS).....	80
4.3.1 Prosedur Menangani Kes Penderaan Kanak-Kanak.....	81
4.3.2 Khidmat Perlindungan Yang Diberikan oleh JAPEM.....	82
4.4 Perkhidmatan Kebajikan Perubatan.....	83
4.4.1 Prosedur Menangani Kes Penderaan Kanak-Kanak.....	83
4.5 Jabatan Peguam Negara.....	84
4.6 Kompleks Rumah Kebajikan (KRK).....	85
4.6.1 Prosedur Kemasukan Penghuni dan Residen ke KRK.....	86
4.6.2 Tempoh Perlindungan di KRK.....	86
4.6.3 Jenis Rumah-Rumah Perlindungan di KRK.....	87
4.6.4 Perkhidmatan Yang Disediakan di KRK.....	88
4.7 Permasalahan dan Kekurangan Dihadapi oleh Komiti Perlindungan Kanak-Kanak.....	90
4.8 Kesimpulan.....	92

## BAB 5: RESPON UNDANG-UNDANG BRUNEI DALAM MENANGANI ISU

PENDERAAN	SEKSUAL	KANAK-
Kanak.....		94
5.1 Pengenalan.....		94
5.2 Sorotan Ringkas Mengenai Penggubalan Undang-Undang Brunei Berkaitan Dengan Penderaan Kanak-Kanak di Brunei.....		94
5.3 Perintah Kanak-Kanak 2000.....		97
5.4 Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219 (Children and Young Persons Act Chapter 219).....		98
5.4.1 Tafsiran Kanak-Kanak.....		99
5.4.2 Peruntukan-Peruntukan Berkaitan Dengan Perlindungan Mangsa Kanak-Kanak.....		100
5.5 Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak dan Orang Muda (Tempat Keselamatan), 2010.....		103
5.6 Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 Dengan (Pindaan) 2012 dan (Pindaan) 2017.....		104
5.6.1 Kesalahan Rogol.....		105
5.6.1.1 Pindaan 2012 Bagi Kesalahan Rogol.....		107
5.6.2 Kesalahan Sumbang Mahram.....		109
5.6.3 Kesalahan Menjatuhkan Maruah.....		111
5.6.3.1 Pindaan 2012 Bagi Kesalahan Menjatuhkan Maruah.....		111
5.6.4 Kesalahan Kelakuan Luar Tabii.....		112
5.6.4.1 Pindaan 2017 Bagi Kesalahan Luar Tabii.....		113
5.7 Akta Persetubuhan Bawah Umur (Unlawful Carnal Knowledge Act CAP.29)		114

5.8	Kesalahan-kesalahan Lain Yang Termasuk Dalam Pindaan 2012.....	115
5.9	Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013.....	118
5.10	Perbezaan Antara Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013.....	122
5.11	Kesimpulan.....	124
<b>BAB 6: ANALISIS DAPATAN KAJIAN.....</b>		<b>126</b>
6.1	Pengenalan.....	126
6.2	Analisis Dapatan Kajian Secara Menyeluruh.....	126
<b>BAB 7: PENUTUP.....</b>		<b>135</b>
7.1	Pengenalan.....	135
7.2	Saranan.....	135
<b>Bibliografi.....</b>		<b>147</b>
<b>Lampiran</b>		

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 1.1: Jumlah Penderaan Seksual Kanak-Kanak.....	6
Jadual 1.2: Jumlah Kes Penderaan Seksual Kanak-Kanak Secara Online.....	8
Jadual 3.1: Jumlah Kes Penderaan Seksual Kanak-Kanak Yang Dilaporkan ke Jabatan Pembangunan Masyarakat dari tahun 2013 sehingga 2017.....	62
Jadual 3.2: Jumlah Kes Penderaan Seksual Kanak-Kanak Yang Dicatatkan oleh Perkhidmatan Kebajikan Perubatan dari tahun 2013 sehingga 2017.....	63
Jadual 3.3: Jumlah Penderaan Seksual Kanak-Kanak Yang Dicatatkan oleh Jabatan Perisikan Jenayah, Polis Diraja Brunei dari tahun 2013 sehingga 2017.....	63
Jadual 3.4: Jumlah Kemasukan Penghuni Kompleks Rumah Kebajikan dari tahun 2013 sehingga 2017.....	64
Jadual 3.5: Status Perhubungan antara Pelaku dan Mangsa Rogol Yang Dicatatkan oleh Kompleks Rumah Kebajikan dari tahun 2013 sehingga 2017.....	66
Jadual 3.6: Status Perhubungan antara Pelaku dan Mangsa Rogol Yang Dicatatkan oleh Jabatan Perisikan Jenayah dari tahun 2013 sehingga 2017.....	67
Jadual 3.7: Jumlah Kes Kanak-Kanak Berisiko Yang Dicatatkan oleh Perkhidmatan Kebajikan Perubatan dari tahun 2013 sehingga 2017.....	69
Jadual 3.8: Jumlah Kes Kehamilan Di Bawah Umur Yang Dicatatkan oleh Perkhidmatan Kebajikan Perubatan dari tahun 2013 sehingga 2017.....	72

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 2.1: The Ecological Framework.....	41
Rajah 7.1: The Public Approach.....	143

## **SENARAI KEPENDEKAN**

(B)	:	Bersara
AITI	:	Authority for Info-Communications Technology Industry
ATOCP	:	Action Teams on Child Protection
COPF	:	Child Online Protection Framework
CYPA 219	:	Children and Young Persons Act 219
Ed.	:	Edisi
HYPPC	:	The Hospital Children and Young Adults/Person Protection Committee
JAPEM	:	Jabatan Pembangunan Masyarakat
JPKE	:	Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
KDYMM	:	Kebawah Duli Yang Maha Mulia
KHKK	:	Konvensyen Hak Kanak-Kanak
KKBS	:	Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
KPK	:	Komititi Perlindungan Kanak-Kanak
KRK	:	Kompleks Rumah Kebajikan
No.	:	Number
OICCRCI	:	The Organisation of Islamic Cooperation's Covenant on the Rights of the Child in Islam
PBB	:	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PKHJS 2013	:	Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013
PTSD	:	Post-Traumatic Stress Disorder
SOP	:	Standard Operating Procedures
STD	:	Sexually Transmitted Diseases
SWT	:	Subhanahu Wa Ta'ala

UNCRC 1989 : The United Nations Convention on the Rights of the Child 1989

Vol. : Volume

WHO : World Health Organization

YB : Yang Berhormat

## **SENARAI STATUT**

Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219.

Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77.

Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak dan Orang Muda (Tempat Keselamatan) 2010.

Perintah Kanak-Kanak 2000.

Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22.

Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 (Pindaan) 2012.

Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 (Pindaan) 2017.

Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.

*Unlawful Carnal Knowledge Act Chapter 29.*

## **SENARAI KES**

*Public Prosecutor v Cpl. 6690 M bin T* [Criminal Trial No.10 of 2005], 103.

*Public Prosecutor v Haji Bakar Bin Haji Bulat* [Criminal Trial No.11 of 2009], 67.

*Public Prosecutor v Hj Junaidi* [Criminal Appeal No.18 of 2001], 102.

*Public Prosecutor v Hamran Bin Bakar* [Criminal Appeal No.6 of 2016], 102.

*Public Prosecutor v Harun* [Suit No.10 of 2004], 102.

*Public Prosecutor v JBJ* [Criminal Trial No.5 of 2014], 102.

*Public Prosecutor v Kamaruddin bin Kamis* [Criminal Appeal No.24 of 2010], 101.

*Public Prosecutor v MRRMA* [Criminal Trial No.2 of 2010], 71.

*Public Prosecutor v Mohammad Rieful Rizalmey Bin Mohd Azmi* [Criminal Appeal No.7, 2010], 67.

*Public Prosecutor v Norin Bin Pungut* [Criminal Appeal No.16 of 2016], 108.

*Public Prosecutor v Wan Yunus bin Hj Wan Idrus* [Criminal Trial No.13 of 2010], 106.

*Public Prosecutor v Zainal Abidin Bin Hj Md Hashim* [Criminal Appeal No.8 of 2016], 108.

## BAB 1: PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Penderaan Kanak-kanak bukan merupakan fenomena yang baru bahkan sudah lama wujud sejak dahulu lagi sehingga ianya sekarang menjadi isu perbincangan antara negara-negara di peringkat antarabangsa. Golongan kanak-kanak mempunyai hak untuk diberikan perlindungan dengan sentiasa menambahbaik keadaan mereka di seluruh dunia untuk perkembangan dirinya, pendidikannya dan memastikan keselamatannya terjamin. Ini menyebabkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah konvensyen khusus untuk perbincangan yang berkaitan dengan hal ehwal kebijakan dan pengiktirafan hak kanak-kanak yang dinamakan sebagai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Konvensyen Hak Kanak-Kanak (*The United Nations Convention on the Rights of Child*).<sup>1</sup>

Pertubuhan konvensyen ini telah dipersetujui melalui sepakat negara-negara pada 20 November 1989 dan telah berkuatkuasa pada 2 September 1990.<sup>2</sup> Konvensyen ini merupakan dokumen komprehensif yang mengiktiraf hak kemanusiaan kanak-kanak yang berumur sehingga 18 tahun, maka negara-negara yang telah bersetuju meratifikasinya hendaklah membentuk dan mengubahsuai undang-undang yang sedia ada agar selaras dengan kehendak-kehendak di bawah Konvensyen tersebut.<sup>3</sup>

Seperti yang kita maklum, sejak kebelakangan ini semakin banyak kes dan isu-isu yang melibatkan kanak-kanak terutama sekali dalam kes penderaan, pengabaian dan juga

---

<sup>1</sup> Hasnah Hassan, “Pemeliharaan Kanak-Kanak Di Bawah United Nations Convention On the Rights of the Child Dan Perbandingannya Dari Perspektif Undang-Undang Islam Dan Sivil,” *Jurnal Undang-Undang Syariah Brunei Darussalam*, No.2 (Januari-Jun, 2002), 2: 71-72.

<sup>2</sup> Ibid, 71.

<sup>3</sup> Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) Memahami Konvensyen Hak Kanak-Kanak, [https://www.unicef.org/malaysia/msl/Microsoft\\_Word\\_-\\_UNICEF\\_FS\\_-\\_Understanding\\_the\\_CRC\\_BM.pdf](https://www.unicef.org/malaysia/msl/Microsoft_Word_-_UNICEF_FS_-_Understanding_the_CRC_BM.pdf) (dicapai 29 Julai 2018).

pengeksplotasian terhadap golongan ini. Buktinya sahaja pada tahun 2016, Pertubuhan Kesihatan Sedunia melaporkan 80 peratus sehingga 95 peratus kanak-kanak telah dianiaya dan didera melalui pelbagai bentuk setiap tahun yang mana seramai 53 ribu kanak-kanak didera sehingga membawa kepada kematian. Manakala 150 juta kanak-kanak perempuan dan 73 juta kanak-kanak lelaki dianggarkan mengalami penderaan bentuk seksual dan 1.8 juta pula dilaporkan terlibat dalam industri pornografi serta 1.2 juta menjadi mangsa aktiviti perdagangan manusia.<sup>4</sup>

Berdasarkan kepada laporan tersebut, negara-negara yang menyertai konvensyen ini telah mempelbagaikan lagi usaha dalam menangani masalah sosial ini dari terus berlaku. Pendekatan yang diambil tentunya adalah secara holistik yang merangkumi aspek pencegahan, intervensi dan perlindungan. Semuanya perlu dilaksanakan dengan penuh efisien supaya berkesan membendung kejadian yang tidak diingini ini berlaku terhadap kanak-kanak lain di serata dunia.

Antara bentuk usaha yang biasa dijalankan adalah mengadakan program-program yang berbentuk seminar, ceramah, kaunseling, khidmat nasihat, aktiviti-aktiviti berkebajikan, aktiviti yang melibatkan ahli keluarga, seperti Sambutan Hari Keluarga, Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia dan sebagainya. Semuanya bertujuan untuk memupuk kesedaran masyarakat umumnya untuk terus peka akan bahayanya penderaan ini terhadap golongan kanak-kanak yang sememangnya perlu dilindungi dan bukannya dijadikan mangsa penganiayaan dan penderaan oleh orang yang tidak berperikemanusiaan. Ini kerana kesannya terhadap mangsa bukannya bersifat sementara

---

<sup>4</sup> Khartini Hamir, “NBD Mengutamakan Perlindungan Keselamatan Kanak-Kanak,” laman sesawang *Pelita Brunei*, 22 November 2015, <http://www.pelitabrunei.gov.bn/nasional/item/23061-nbd-mengutamakan-perlindungan-selamatan-kanak-kanak>.

tetapi berlarutan sehingga menganggu kehidupan sehariannya kelak. Oleh yang demikian, isu kanak-kanak tidak boleh dipandang sebelah mata, tetapi perlu sentiasa diambil tahu isu semasa yang melibatkan golongan ini dari mata dunia.

## 1.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Penderaan kanak-kanak adalah isu global yang merupakan salah satu masalah sosial dunia pada masa kini kerana ia melibatkan kanak-kanak yang merupakan golongan '*vulnerable*' iaitu lemah dan tidak mampu untuk melawan kekuatan orang dewasa. Penderaan berlaku tidak kira di mana-mana tempat sama ada di rumah, sekolah, jalanan atau di kalangan sesebuah masyarakat itu sendiri.

Secara umumnya, penderaan kanak-kanak bererti perbuatan menyakiti atau menyeksa kanak-kanak yang dilakukan oleh orang dewasa. Ia terbahagi kepada empat kategori iaitu penderaan fizikal, seksual, emosi dan juga pengabaian.<sup>5</sup> Penderaan dari segi seksual yang menjadi fokus kajian ini adalah merujuk kepada pelbagai bentuk aktiviti seksual yang bertujuan untuk memenuhi nafsu seks orang dewasa dengan cara mencabul kehormatannya, dirogol, dipaksa melacur, melakukan aktiviti berbentuk pornografi, mengambil gambar, merakam suara, filem, merakam video atau mengeksploitasi bahagian sulit kanak-kanak.<sup>6</sup>

Isu-isu berkaitan dengan kes penderaan kanak-kanak di Brunei Darussalam telah mendapat liputan meluas dari media massa dan dada-dada akhbar tempatan. Seawal tahun 1998 di dalam *Borneo Bulletin* keluaran 17/18 Oktober, sebuah artikel yang ditulis oleh Ignatius Stephen dengan judul “*Man charged with abusing boy, aged 5*”<sup>7</sup> telah

---

<sup>5</sup> Lawrence S. Wissow, “Current Concepts Child Abuse and Neglect,” *The New England Journal of Medicine*, Vol.332 (1995), No. 21, 1425.

<sup>6</sup> Khadijah Alavi dan Ann Wan Seng, *Memahami Latar Belakang Penderaan Kanak-Kanak* (Darul Makmur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd,2003), 17.

<sup>7</sup> Ignatius Stephen, “Man Charged with abusing boy, aged 5”, *Borneo Bulletin*, 17/18 Oktober 1998,3.

memaparkan seorang budak lelaki berumur 5 tahun dimasukkan ke rumah sakit selepas didera secara seksual oleh seorang lelaki berumur 31 tahun. Tertuduh, Haji Idris bin Haji Johari, berstatus kahwin dan mempunyai empat orang anak telah didakwa di Mahkamah Majistret atas kesalahan mendera kanak-kanak tersebut pada 23 September 1998 di sebuah rumah di Kampong Lamunin, Tutong.

Seterusnya, dalam Pelita Brunei keluaran 28 September 2000 dengan judul artikel “*Dad escapes with a warning*”<sup>8</sup> telah memaparkan seorang pemandu lori, Masail bin Ambang, berumur 40 tahun telah menggunakan kayu berukuran 2 kaki untuk memukul anak perempuannya, Emma Kasmah binte Masail sebanyak 3 kali di lengan tangannya yang menyebabkan sikunya Bengkak dan tangan kirinya tercedera.

Antara kes-kes kebelakangan ini, artikel keluaran 2 Julai 2015 dalam Media Permata dengan tajuk “Liwat: Nasib Shahdon diketahui hari ini”<sup>9</sup> telah memaparkan bahawa Mohammad Shahdon bin Mohammad Ramlee, 28 tahun, didakwa meliwat dua orang budak lelaki di dalam kejadian yang berasingan. Tertuduh juga didakwa mengedarkan gambar dan rakaman video lucah ke kumpulan WhatsApp yang terdiri dari kanak-kanak sekolah yang juga rakan mangsa. Turut dipaparkan satu artikel berjudul “Suspek kes cabul diberkas”<sup>10</sup> atas cubaan mencabul pelajar perempuan di Sekolah St. Andrew.

Kemudian dalam artikel keluaran *Borneo Bulletin* bertarikh 1 Julai 2015 dengan tajuk “*Call to save Brunei's young girls from sexual abuse*”<sup>11</sup> menekankan tentang kesan

---

<sup>8</sup> Liza Mohamad, “Dad escapes with a warning”, Pelita Brunei, 28 September 2000,<sup>6</sup>.

<sup>9</sup> Rafidah Jumat, “Liwat: Nasib Shahdon diketahui hari ini,” laman sesawang *Media Permata*, 2 Julai 2015, <http://mediapermata.com.bn/liwat-nasib-shahdon-diketahui-hari-ini/>.

<sup>10</sup> \_\_\_\_\_, “Suspek kes cabul diberkas,” laman sesawang *Media Permata*, 2 Julai 2015, <http://mediapermata.com.bn/suspek-kes-cabul-diberkas/>.

<sup>11</sup> Siti Hajar, “Call to save Brunei's young girls from sexual abuse,” laman sesawang *Borneo Bulletin*, 1 Julai 2015, <http://borneobulletin.com.bn/call-to-save-bruneis-young-girls-from-sexual-abuse/>.

inses terhadap mangsa kanak-kanak yang dilaporkan ke Jabatan Pembangunan Masyarakat. Antaranya adalah mangsa merasa tidak mempunyai harga diri, mengalami depresi, diselubungi perasaan rendah diri dan beranggapan masa depan mereka menjadi suram. Mangsa inses juga seperti mangsa penderaan yang lain, sukar untuk meluahkan dan mendedahkan insiden yang berlaku, mereka lebih suka berdiam diri kerana takut dengan tanggapan masyarakat terhadap mereka dan takut dianggap menjadi punca kepada berlakunya penderaan tersebut. Bagi membendung persepsi negatif sebegini dari terus merebak, kesedaran untuk sama-sama membantu mangsa ini perlu dipupuk kerana mereka tidak tahu ke mana dan kepada siapa hendak dituju apabila berlaku insiden tersebut kepada mangsa.

Seterusnya dalam artikel keluaran *The Brunei Times* 15 Januari 2016 berjudul “*Brunei needs firm child protection strategy*”<sup>12</sup> memaparkan bahawa Brunei tidak meletakkan penekanan yang cukup dalam mengendalikan isu berkaitan kanak-kanak. Maka ianya sangat penting untuk membuat suatu strategi yang tetap bagi perlindungan kanak-kanak dari sebarang ancaman dan segala bentuk bahaya. Kerajaan memang mengusahakan beberapa program bertujuan mendedahkan betapa pentingnya perlindungan terhadap golongan kanak-kanak, tetapi kebanyakannya tidak dilaksanakan sepenuhnya, mungkin atas sebab kekurangan kakitangan dan kewangan yang menyebabkan usaha tersebut tinggal di atas kertas sahaja. Program yang dijalankan pula kebanyakannya bersifat sementara, sedangkan kanak-kanak memerlukan sokongan dan pendedahan yang berterusan untuk mengelakkan penderaan ini dari berlaku.

---

<sup>12</sup> Rachel Thien, “Brunei needs firm child protection strategy,” laman sesawang *The Brunei Times*, 15 Januari 2016, <https://btarchive.org/news/national/2016/01/15/brunei-needs-firm-child-protection-strategy>.

Menurut Dr. Hajah Norlila binti Haji Abdul Jalil, Setiausaha Tetap dari Kementerian Kesihatan menyatakan terdapat peningkatan mangsa kanak-kanak yang terdedah kepada keganasan dan penderaan di Brunei. Tambahan lagi dengan meningkatnya jumlah penduduk di negara ini, tidak mustahil isu penderaan pun besar kemungkinan turut meningkat. Beliau menjelaskan lagi bahawa jenayah penderaan ini merupakan masalah sosial yang agak kompleks dan sukar untuk ditangani, namun sudah menjadi tanggungjawab orang dewasa berperanan sebagai pelindung mereka yang masih kecil dari terlibat dalam kancalah permasalahan ini. Kegagalan menjalankan tanggungjawab tersebut boleh membawa kerugian yang besar kepada negara kerana golongan ini merupakan harapan dan peneraju sesebuah negara kelak.<sup>13</sup> Berikut adalah jumlah penderaan seksual yang dikeluarkan oleh Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak :

**Jadual 1.1: Jumlah Penderaan Seksual Kanak-Kanak**

<b>Kes</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>
Rogol	32	26	16	23	18
Inses	8	3	5	8	7
Menjatuhkan Maruah	20	29	37	36	38
Sodomi	2	-	1	1	1
<b>Jumlah</b>	<b>62</b>	<b>58</b>	<b>59</b>	<b>68</b>	<b>64</b>

Sumber: Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak

Pada tahun kebelakangan ini, jenayah yang semakin menular di peringkat global adalah jenayah siber. Jenayah ini diertikan sebagai menjalankan dan melakukan apa sahaja aktiviti yang tidak sah di sisi undang-undang dengan penggunaan teknologi siber

---

<sup>13</sup> Aimi Sani, "Penderaan Ganggu Pertumbuhan Kesihatan Kanak-Kanak," laman sesawang *Pelita Brunei*, 9 April 2013, <http://www.pelitabrunei.gov.bn/nasional/item/2140-penderaan-ganggu-pertumbuhan-kesihatan-kanak-kanak>.

untuk merealisasikannya.<sup>14</sup> Perkaitan jenayah siber dengan penderaan seksual kanak-kanak adalah penderaan atau penganiayaan boleh terjadi melalui penggunaan teknologi terkini dalam zaman yang serba serbi moden ini.

Menurut YB Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada tahun 2015, dalam ucapan beliau sempena Majlis Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia, kanak-kanak merupakan golongan yang diberikan keutamaan dari aspek perlindungan dan keselamatan dari ancaman-ancaman negatif seperti penderaan dan penganiayaan, selaras dengan tanggungjawab Brunei sebagai salah sebuah negara yang menyertai Konvensyen Hak Kanak-Kanak 1989 (KHKK 1989). Tambahan beliau lagi, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam laporan mereka menyatakan kebanyakan mangsa eksploitasi seksual secara ‘*online*’ atau dalam talian adalah dari kalangan kanak-kanak. Lebih menyedihkan lagi, Brunei juga tidak terkecuali dari terjebak dalam masalah ini. Berdasarkan kepada kes yang dilaporkan kepada Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Brunei, hampir separuh daripada kes rogol dan persetubuhan di bawah umur pada tahun 2014 dan 2015 bermula dari perjumpaan dengan orang yang tidak dikenali melalui dalam talian.<sup>15</sup> Berikut adalah jumlah kes yang dilaporkan ke Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak:

---

<sup>14</sup> Mohd Dahlan A. Malek dan Ida Shafinaz Mohamed Kamil, “Jenayah dan Masalah Sosial Di Kalangan Remaja: Cabaran dan Realiti Dunia Siber,” Program Jenayah Cyber dan Isu Pemerdagangan Manusia di Malaysia, 26 Ogos 2010, Resital Hall, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, 4.

<sup>15</sup> \_\_\_\_\_, “Utamakan Perlindungan, Keselamatan Kanak-Kanak dari ancaman negatif,” laman sesawang *Pelita Brunei*, 2 Disember, 2015, <http://www.pelitabrunei.gov.bn/haluan/item/23300-utamakan-perlindungan-keselamatan-kanak-kanak-dari-ancaman-negatif>.

**Jadual 1.2. Jumlah Kes Penderaan Seksual Kanak-Kanak Secara *Online***

Tahun	Jumlah	Di bawah 16 tahun	Mangsa Berjumpa Pelaku Secara Online
2012	48	35	27
2013	40	22	7
2014	36	28	13
2015	35	23	9
2016	27	13	-

Sumber: Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak

Antara punca berlakunya kes seperti ini adalah penyalahgunaan kemudahan internet dan komunikasi digital di kalangan kanak-kanak serta kurangnya pengawasan dari ibu bapa untuk mengawal anak mereka dalam penggunaan teknologi masa kini. Maka bagi membendung masalah ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) mengambil inisiatif untuk membentuk satu rangka kerja yang dipanggil *Child Online Protection Framework* (COPF) yang dirasmikan pada bulan Mac 2014 dengan kerjasama pelbagai agensi untuk kepentingan melindungi kanak-kanak dari jenayah siber. Rangka kerja ini mendasari lima tunggak utama iaitu melalui struktur organisasi, pembangunan kapasiti, perundangan, perlaksanaan dan kerjasama antarabangsa.<sup>16</sup>

Menurut Marianne Clark-Hattingh, wakil dari PBB, Brunei merupakan negara yang pertama sekali yang membangunkan rangka kerja COPF sebagai inisiatif negara dalam *The International Telecommunications Union – Child Protection Initiative*. Tambahan lagi menurut beliau, Brunei juga memiliki talian *Child Helpline 141* sebagai mekanisma orang ramai untuk membuat sebarang aduan sekiranya disyaki berlakunya penderaan terhadap kanak-kanak. Walaupun begitu, beliau melihat adanya peningkatan dalam penganiayaan dan penderaan seksual terhadap kanak-kanak di Brunei melalui medium penggunaan internet. Kanak-kanak perempuan terutamanya dilaporkan

---

<sup>16</sup> \_\_\_\_\_, “Handover Ceremony of Child Online Protection (COP) Framework,” laman sesawang rasmi AITI, 5 Mac 2014, [http://www.aiti.gov.bn/news/allnews/Pages/Handover-ceremony-of-Child-Online-Protection-\(COP\)-framework.aspx](http://www.aiti.gov.bn/news/allnews/Pages/Handover-ceremony-of-Child-Online-Protection-(COP)-framework.aspx).

berkenalan dan berjumpa dengan orang yang tidak dikenali sehingga ada yang dianiaya seksual. Kanak-kanak sekarang banyak terdedah kepada risiko kerana terlalu meluangkan masa di media sosial, oleh itu menurut beliau, pendidikan dan ajaran yang betul perlulah dipupuk untuk melindungi mereka dari terlibat dalam masalah sosial ini.<sup>17</sup>

### 1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Brunei dalam usahanya memberikan komitmen yang tinggi untuk menjaga kebajikan kanak-kanak telah menjadi salah sebuah negara yang menyertai Konvensyen Hak Kanak-Kanak 1989 (KHKK 1989) pada 27 Disember 1995. Langkah ini diambil agar Brunei lebih peka dan dapat menumpukan perhatian sewajarnya terhadap keselamatan kanak-kanak dengan menambahbaik perundangan yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak di negara ini.<sup>18</sup>

Dari aspek perundangan, Brunei telah menggubal undang-undang yang berkaitan dengan isu kanak-kanak melalui Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 beserta dengan beberapa pindaan ke atas undang-undang kesalahan seksual di bawahnya selaras dengan matlamat negara dalam mengutamakan perlindungan kanak-kanak dari sebarang bentuk keganasan dan penganiayaan.<sup>19</sup>

Pengkaji ingin menganalisis peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan isu penderaan seksual kanak-kanak dari segi perlindungan bagi mangsa dan hukuman kepada pendera. Seterusnya mengkaji sebarang kekurangan atau permasalahan yang

---

<sup>17</sup> James Kon, “Brunei’s cyber protection of children draws UN applause,” *Borneo Bulletin*, Nov 16, 2017, <https://borneobulletin.com.bn/bruneis-cyber-protection-of-children-draws-un-applause/>

<sup>18</sup> Jabatan Pembangunan Masyarakat, *Report on The Convention on the Rights of the Child*, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Julai 2001, 95.

<sup>19</sup> Ibid.

timbul dan memasukkan elemen penambakan untuk memantapkan lagi peruntukan yang sedia ada.

Dengan peruntukan undang-undang tentang isu penderaan yang melibatkan kanak-kanak yang tentunya bertujuan untuk menjamin perlindungan kepada mangsa dan juga hukuman kepada pelaku dera, penganiayaan terhadap kanak-kanak terus berlaku. Bahkan kes jenayah penderaan kanak-kanak kini di tahap yang membimbangkan masyarakat.

Keadaan ini menarik perhatian pengkaji untuk mengetahui dengan lebih terperinci tentang perkembangan semasa isu yang berkaitan dengan penderaan kanak-kanak di Brunei. Pengkaji memilih untuk membuat penyelidikan berkenaan dengan penderaan kanak-kanak khusus dalam bentuk seksual kerana implikasinya terhadap mangsa adalah lebih teruk dan terkesan dari segi mental, emosi dan fizikal mangsa. Bukan sahaja cedera dari luaran, bahkan kesan dalamannya lebih intens dan parah kerana sudah tentunya mangsa merasa malu dan tertekan kerana harga dirinya sudah dinodai oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Berikutnya dengan itu, pengkaji ingin mengetahui realiti semasa penderaan seksual kanak-kanak yang berlaku di Brunei sekarang berdasarkan kepada temu bual bersama dengan wakil dari agensi-agensi kerajaan Komiti perlindungan kanak-kanak. Antaranya adalah Jabatan Pembangunan Masyarakat, Perkhidmatan Kebajikan Perubatan, Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Kompleks Rumah Kebajikan dan Jabatan Peguam Negara. Melalui temu bual tersebut, pengkaji ingin mengenal pasti bentuk, faktor, kesan dan perlindungan yang disediakan kepada mangsa berdasarkan kepada peranan agensi masing-masing.

#### **1.4 Objektif Kajian**

- a) Mengenal pasti faktor-faktor penderaan seksual kanak-kanak menurut kes yang dilaporkan ke Komiti Perlindungan Kanak-Kanak.
- b) Mengenal pasti kesan yang dialami mangsa dera seksual kanak-kanak menurut kes yang dilaporkan ke Komiti Perlindungan Kanak-Kanak.
- c) Menganalisis undang-undang Brunei yang berkaitan dengan isu penderaan seksual kanak-kanak.
- d) Mengkaji usaha agensi-agensi kerajaan dari sudut perlaksanaannya dalam memberikan perlindungan terhadap mangsa seksual kanak-kanak di Brunei.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Pengkaji ingin menganalisis beberapa permasalahan yang timbul seperti berikut:

- a) Apakah faktor-faktor penderaan seksual kanak-kanak yang dilaporkan ke Komiti Perlindungan Kanak-Kanak?
- b) Apakah kesan penderaan seksual terhadap mangsa dera kanak-kanak yang dilaporkan ke Komiti Perlindungan Kanak-Kanak?
- c) Adakah undang-undang Brunei yang berkaitan dengan isu kanak-kanak sekarang mencukupi dan dilaksanakan secara berkesan untuk menangani jenayah penderaan seksual kanak-kanak dari terus berlaku?
- d) Sejauh manakah usaha agensi-agensi kerajaan dilaksanakan dalam memberikan perlindungan terhadap mangsa seksual kanak-kanak di Brunei?

#### **1.6 Kepentingan Kajian**

Pada dasarnya, kajian ini adalah penting dilaksanakan untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai isu-isu penderaan seksual kanak-kanak yang berlaku sekarang di Brunei, agar isu ini tidak diambil ringan. Kedua, kajian ini penting untuk mengenal pasti bentuk perlindungan yang diperuntukkan dalam undang-undang Brunei terutama sekali Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219 dan Perintah Kanun

Hukuman Jenayah Penggal 22 sebagai undang-undang utama bagi menyelesaikan masalah berkaitan dengan isu penderaan. Ketiga, kajian ini dapat membantu pihak berkuasa dan pengamal undang-undang supaya menilai undang-undang yang sedia ada atas dasar keadilan terhadap mangsa. Keempat, juga diharapkan dapat mencetuskan idea kepada pihak berkaitan sama ada daripada agensi kerajaan mahu pun bukan kerajaan seperti pertubuhan kebajikan untuk mengadakan aktiviti dan program yang bersesuaian dengan keadaan masyarakat sekarang yang bertujuan untuk mengukuhkan institusi keluarga agar tidak terjadi penyelewengan fitrah manusia yang sepatutnya menjadi pelindung kepada kanak-kanak. Seterusnya, kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada pengkaji seterusnya tidak kira dalam apa sahaja aspek penyelidikan.

Selain itu, kajian ini dijalankan bukan sahaja untuk meningkatkan pengetahuan diri sendiri tetapi turut untuk memperkayakan koleksi bahan bacaan dan rujukan ilmiah kepada para ahli akademik lainnya.

### **1.7 Skop Kajian**

Kajian ini tertumpu kepada kes penderaan seksual kanak-kanak menurut agensi-agensi dibawah Komiti Perlindungan Kanak-Kanak. Kajian ini dilaksanakan di beberapa buah lokasi yang berkenaan seperti Jabatan Pembangunan Masyarakat, Perkhidmatan Kebajikan Perubatan, Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kompleks Rumah Kebajikan, Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Polis Diraja Brunei, Jabatan Peguam Negara dan Bahagian Penguatkuasaan Ugama. Temu bual telah dijalankan dengan wakil daripada setiap agensi yang terpilih.

Kajian ini juga tertumpu kepada perlindungan dan hukuman kepada pendera yang diperuntukkan dalam perundangan Brunei. Antara peruntukan undang-undang yang menjadi fokus dalam kajian ini adalah Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Penggal 219), Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 beserta Pindaan (2012) dan Pindaan

(2017) ke atas kesalahan seksual. Manakala dari sudut undang-undang Syariah, pengkaji turut memasukkan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 dan turut menyelitkan beberapa prinsip hukum Islam untuk melihat persamaan dan perbezaan di antara perundangan tersebut.

### **1.8 Limitasi Kajian**

Terdapat beberapa limitasi dalam kajian ini. Antaranya, hasil kajian ini bergantung kepada kejujuran informan dalam memberikan jawapan dan respon kepada soalan yang dikemukakan. Ia bergantung sepenuhnya kepada pengalaman dan kepakaran informan terhadap kes-kes penderaan seksual kanak-kanak yang pernah diadukan kepada agensi masing-masing. Selain itu, analisis dibataskan kepada beberapa statistik yang diberikan yang menyentuh tentang statistik jumlah kes penderaan, perhubungan pelaku dengan mangsa, jumlah kemasukan mangsa ke tempat perlindungan dan seumpamanya.

### **1.9 Ulasan Kajian Lepas**

Terdapat beberapa kajian yang berkait secara langsung dan tidak langsung dengan tajuk kajian yang ditulis. Pengkaji mendapati lebih ramai penulis luar negara membuat kajian berkenaan dengan isu penderaan kanak-kanak dari pelbagai aspek. In menunjukkan isu keganasan, pengabaian dan penderaan terhadap golongan kanak-kanak ini mendapat perhatian para penyelidik di serata dunia.

Antaranya ialah buku yang ditulis oleh Freda Briggs dan Russell Hawkins yang bertajuk *Child Protection A guide for teachers and child care professionals*<sup>20</sup> adalah kajian yang memfokuskan kepada perlindungan dan sokongan yang sewajarnya dijalankan bagi menangani masalah penderaan ini dari terus berlaku. Mereka juga

---

<sup>20</sup> Freda Briggs dan Russell Hawkins, *Child Protection A guide for teachers and child care professionals*. (Allen & Unwin, 1997).

menyelitkan punca dan kesan jangka pendek dan panjang yang dialami sendiri oleh mangsa serta menjelaskan ciri-ciri seorang pelaku dera. Buku ini juga digunakan sebagai panduan kepada pendidik dan penjaga supaya mereka mengetahui apa yang perlu dilakukan apabila berdepan dengan kanak-kanak yang menjadi mangsa dera melalui kaedah-kaedah yang disarankan agar mereka mampu mewujudkan persekitaran yang positif dan keselamatan yang terjamin.

Sementara buku yang berjudul *Child Sexual Abuse*<sup>21</sup> yang ditulis oleh Danya Glaser dan Stephen Frosh merupakan kajian khusus yang membincangkan tentang isu penderaan seksual bagi kanak-kanak. Kajian ini lebih cenderung kepada mangsa yang didera pada waktu kanak-kanak dan bukan fokus kepada orang dewasa yang pernah menjadi mangsa dera seksual pada zaman kanak-kanak. Penulis menumpukan kajian tentang praktikal terapi melalui beberapa peringkat yang dimulai dengan wujudnya syak wasangka berlakunya penderaan terhadap kanak-kanak tersebut, kemudian apabila mangsa sendiri bercerita dan mendedahkan apa yang sebenarnya berlaku, proses pengesahan dan pemeriksaan kesihatan pun dijalankan terhadap mangsa. Seterusnya diadakan perbincangan untuk menangani isu tersebut dengan melibatkan pakar-pakar kesihatan. Penulis turut membincangkan terapi intervensi dengan menggunakan pendekatan sama ada secara berkumpulan dengan mangsa-mangsa lain supaya sama-sama berkongsi pengalaman atau melalui sokongan dari keluarga mahupun terapi secara perseorangan sahaja.

Manakala kajian dari penulis negara jiran yang berjudul “Memahami Latar Belakang Penderaan Kanak-Kanak”<sup>22</sup> oleh Khadijah Alavi dan Ann Wan Seng menumpukan kepada kes penderaan dan pengabaian yang dilaporkan di Hospital

---

<sup>21</sup> Danya Glaser dan Stephen Frosh, *Child Sexual Abuse*, (The Macmillan Press LTD, 1993).

<sup>22</sup> Khadijah Alavi dan Ann Wan Seng, *Memahami Latar Belakang Penderaan Kanak-Kanak*.

Universiti, Kuala Lumpur. Penulis cuba meneliti empat bentuk penderaan yang dialami oleh mangsa iaitu dari segi fizikal, seksual, emosi dan pengabaian serta menganalisis faktor-faktor yang menyumbang kepada penderaan kanak-kanak. Pendekatan yang diambil oleh kedua penulis ini adalah model interaksi penderaan kanak-kanak dan ia digunakan sebagai rangka kajian mereka.

Seterusnya kajian yang bertajuk “Memahami Jiwa Kanak-Kanak”<sup>23</sup> yang ditulis oleh Dr. Kasmini Kassim cuba untuk memberikan garis pandu kepada ibu bapa dan juga penjaga kerana mereka berperanan penting dalam mengenal pasti sekiranya terdapat perubahan pada tingkah laku atau personaliti anak mereka. Buku ini juga menjelaskan tentang masalah penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak yang berpandukan kepada kes yang dirawat sendiri oleh penulis. Penulis juga turut memberikan cadangan dan saranan tindakan yang perlu diambil untuk membendung masalah sosial ini berlaku. Di akhir perbincangan buku ini, terdapat perhitungan kepada setiap ibu bapa untuk menilai sendiri adakah mereka sudah menjalankan tanggungjawab dengan sebetulnya atau sebaliknya.

Kemudian diikuti dengan buku yang berjudul “Jenayah Penderaan Kanak-Kanak”<sup>24</sup> yang ditulis oleh Jal Zabdi Mohd Yusoff merangkumi perbincangan mengenai teori-teori yang berkaitan dengan penderaan dan pengabaian kanak-kanak iaitu teori sosial, teori psikologi, teori pembelajaran dan teori ekologi. Seterusnya penulis memfokuskan kepada teori pencegahan jenayah yang selaras dengan usaha perlindungan dan pemulihan bagi mangsa dera. Penulis juga membincangkan dua dasar undang-undang baru yang diperkenalkan pada tahun 2009 iaitu Dasar Kanak-Kanak dan Dasar

---

<sup>23</sup> Kasmini Kassim, *Memahami Jiwa Kanak-Kanak* (Kuala Lumpur: ‘K’ Publishing & Distributors Sdn. Bhd, 1990)

<sup>24</sup> Jal Zabdi Mohd Yusoff, *Jenayah Penderaan Kanak-Kanak* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2010).

Perlindungan Kanak-Kanak dengan membuat kajian tentang kedua dasar tersebut dalam menangani isu pengabaian dan penderaan kanak-kanak.

Seterusnya kajian yang bertajuk “Mangsa Dera Seksual”<sup>25</sup> yang ditulis oleh Nor Shafrin Ahmad merangkumi perbincangan menyeluruh tidak kira dari golongan kanak-kanak atau remaja mahupun dewasa yang menjadi mangsa penderaan seksual. Penulis dalam kajiannya menjelaskan secara terperinci tentang tanda-tanda berlakunya kes penderaan seksual dan turut menjelaskan kesan yang dialami mangsa dari sudut pemikiran, emosi, tingkah laku dan fisiologi. Penulis turut menekankan betapa pentingnya memberikan pendedahan kepada masyarakat awam tentang situasi penderaan seksual supaya mereka memahami keadaan mangsa untuk sama-sama membantu mangsa menjalani kehidupannya dengan baik dan tenteram.

Sementara Rosanida Awang dalam kajiannya bertajuk “Penderaan Seksual Kanak-Kanak”<sup>26</sup> membincangkan tentang penderaan dari segi seksual secara menyeluruh. Antaranya penulis menekankan bahawa trauma yang dialami oleh mangsa adalah berbeza-beza berdasarkan kepada punca timbulnya penderaan tersebut seperti dari segi perhubungan antara mangsa dan pendera, umur mangsa ketika insiden itu berlaku dan sebagainya. Penulis juga menerangkan bahawa mangsa kanak-kanak lebih cenderung untuk merahsiakan dan tidak meluahkan apa yang terjadi kepada siapapun. Maka sokongan sosial perlu diberikan kepada golongan ini sebagai dorongan untuk menyakinkan mereka untuk meluahkan kejadian yang menimpa mereka agar mereka dapat diberikan pembelaan dan perlindungan yang sepatutnya.

---

<sup>25</sup> Nor Shafrin Ahmad, *Mangsa Dera Seksual* (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2012).

<sup>26</sup> Rosanida Awang et al., *Penderaan Seksual Kanak-Kanak* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015).

Dari sudut perundangan pula, “Meninjau Isu Penderaan Kanak-Kanak dari Perspektif Akta Kanak-Kanak 2001”<sup>27</sup> yang ditulis oleh Zulazhar Tahir meninjau kepada isu penderaan yang berlaku di Malaysia mengikut perspektif Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) dengan menjelaskan maksud kanak-kanak dan penderaan di bawah akta tersebut. Penulis juga menghuraikan bentuk perlindungan di bawah Akta 611 dengan beberapa peruntukan yang berkait dengan hukuman kepada pendera dan juga usaha untuk memberikan bantuan kepada kanak-kanak yang terbabit. Di akhir artikel ini, penulis menyimpulkan bahawa Akta 611 secara langsung dan tidak langsung akan dapat memastikan keselamatan dan kebijakan kanak-kanak dari terbiar begitu sahaja.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Wan Noor Hazlina Wan Jusoh dengan tajuk “Penganiayaan Kanak-Kanak: Suatu Kajian Mengikut Undang-Undang di Malaysia,”<sup>28</sup> yang ditulis sebagai disertasi Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya lebih memfokuskan kajian dari segi peruntukan undang-undang Malaysia bagi menangani jenayah penderaan, juga menjelaskan perlindungan-perlindungan termasuk hak yang diberikan oleh Islam terhadap kanak-kanak dan melakukan perbandingan di antara Undang-Undang Malaysia dan prinsip hukum Islam dalam masalah sosial ini.

Kajian seterusnya dilakukan oleh Nurwahidah yang bertajuk “Kejahatan Terhadap Anak dan Solusinya Menurut Hukum Islam,”<sup>29</sup> membincangkan tentang keganasan dan penganiayaan kanak-kanak yang berlaku di Indonesia seperti penderaan

---

<sup>27</sup> Zulazhar Tahir, *Meninjau Isu Penderaan Kanak-Kanak dari Perspektif Akta Kanak-Kanak 2001*. Siti Zaharah Jamaluddin et al. (ed), *Siri Undang-Undang Mimi Kamariah Akta Kanak-Kanak 2001*. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya,2002).

<sup>28</sup> Wan Noor Hazlina Wan Jusoh, “Penganiayaan Kanak-Kanak: Suatu Kajian Mengikut Undang-Undang di Malaysia” (Disertasi Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya,2003).

<sup>29</sup> Nurwahidah, “Kejahatan Terhadap Anak dan Solusinya Menurut Hukum Islam,” *Syariah Jurnal Ilmu Hukum*, Vol.15 (2), Disember 2015, 125-140.

fizikal yang mengakibatkan kematian, pemerkosaan, penculikan dan perdagangan anak. Pengkaji memuatkan prinsip hukum Islam iaitu *qisas* dan *ta'zir* dalam pembincangan beliau. Pengkaji kemudiannya menumpukan perhatian kepada kes *hadhanah* kerana bagi beliau kurang penghayatan tentang hakikat *hadhanah* dan pendidikan yang baik menjadi antara sebab berlakunya penganiayaan anak.

Manakala bagi kajian dalam negara, terdapat artikel yang ditulis oleh Hasnah Hassan dengan tajuk “Pemeliharaan Hak Kanak-Kanak di bawah United Conventions on the Rights of the Child dan Perbandingannya dari perspektif Undang-Undang Islam dan Sivil”<sup>30</sup> memberikan penjelasan mengenai satu konvensyen berkait dengan perlindungan hak kanak-kanak dari serata dunia iaitu Konvensyen Hak Kanak-Kanak (*UN Convention on the Rights of the Child*) dengan huraian hak-hak yang diambil kira oleh konvensyen tersebut. Penulis juga membuat satu perbandingan di antara hak kanak-kanak di bawah undang-undang Islam dan di bawah Konvensyen ini serta menyimpulkan bahawa terdapat kekurangan dari segi hak kanak-kanak dalam pemilikan dan pentadbiran harta kerana tiada peruntukan dibuat ke atas dua perkara tersebut. Kemudian penulis meneruskan perbincangannya mengenai pemeliharaan hak kanak-kanak di Brunei selepas menyertai konvensyen tersebut, Brunei telah menggubal satu undang-undang khusus bagi perlindungan kanak-kanak yang teraniaya iaitu Perintah Kanak-Kanak 2000. Penulis menyimpulkan di akhir artikel tersebut bahawa setelah beliau meneliti kehendak Konvensyen dan hak kanak-kanak dalam perundangan Islam, penulis mendapati walaupun terdapat perbezaan di antara keduanya tetapi jelas menunjukkan matlamat utama kedua-duanya adalah sama iaitu memberikan hak perlindungan kepada kanak-kanak.

---

<sup>30</sup> Ibid.

Seterusnya dalam artikel yang ditulis oleh Amy Young et al. dengan tajuk “*Children in Brunei Darussalam: Their educational, Legal and Social Protections*”<sup>31</sup> mengkaji tentang perlindungan kanak-kanak dari sudut sistem pendidikan, perjanjian antarabangsa seperti UNCRC dan *the Organisation of Islamic Cooperation’s Covenant on the Rights of the Child in Islam* (OICCR) dengan menyatakan perbandingan di antara kedua-duanya. Begitu juga perlindungan dari sudut perundangan Brunei terutamanya Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda dan juga Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013. Menurut penulis, perbincangan mengenai kanak-kanak di Brunei tidak mendapat perhatian dalam penulisan akademik tempatan. Walaupun begitu, penulis berpendapat Brunei memiliki dasar institusi dan latar belakang yang mampu membangun sistem perlindungan kanak-kanak yang komprehensif melalui gabungan kerjasama pihak tertentu. Bagi penulis, kekurangan sumber dan tenaga kerja yang berkemahiran menjadi isu yang perlu diketengahkan dalam isu perlindungan kanak-kanak di negara ini.

### **1.10 Metodologi Kajian**

Bahagian ini menerangkan dan membincangkan mengenai perkara yang berkaitan dengan kaedah penyelidikan yang dijalankan. Berdasarkan tajuk dan objektif kajian, terdapat pelbagai kaedah yang dikenal pasti boleh digunakan untuk menjalankan sesuatu kajian. Reka bentuk kajian ini dijalankan sepenuhnya dengan menggunakan pendekatan Kualitatif.

---

<sup>31</sup> Amy Young et al., “*Children in Brunei Darussalam: Their Educational, Legal and Social Protections*,” *International Journal of Islamic Thought*, Vol 11: (June) 2017, 6-16.

### **1.10.1 Kaedah Pengumpulan Data**

#### **(a) *Kajian Perpustakaan***

Pengkaji mengumpulkan beberapa bahan yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan untuk mengetahui konsep dan teori kajian yang bersesuaian dengan keadaan semasa di Brunei. Seterusnya untuk memberikan tumpuan kepada penulisan-penulisan dulu sama ada dalam dan luar negara. Antaranya adalah rujukan dari buku-buku terbitan yang berautoriti, jurnal, artikel tempatan dan luar negara, disertasi kajian lepas dari Universiti Malaya, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Universiti Brunei Darussalam.

#### **(b) *Kajian Lapangan: Temu bual***

Kaedah temu bual ini akan memberikan penjelasan secara lebih terperinci pada soalan yang kabur dan kelebihannya juga informan dapat memberikan keterangan lanjut mengenai soalan yang ditujukan itu. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur dengan pihak-pihak yang berkaitan dengan masalah kajian. Kaedah ini adalah lebih fleksibel kerana ia membolehkan pengkaji mengajukan soalan spontan untuk meneruskan soalan yang disenaraikan terlebih dahulu berdasarkan kepada reaksi dan tindak balas individu yang ditemubual.<sup>32</sup>

Bagi kaedah ini, pengkaji menemu bual seramai 7 orang informan terpilih dari agensi-agensi tertentu bagi menjawab beberapa persoalan pengkaji dengan menggunakan alat perakam suara selepas mendapat persetujuan informan. Sepanjang temu bual dijalankan, pengkaji memfokuskan sepenuh perhatian kepada informan dengan mencatat nota-nota penting, sambil menanyakan persoalan yang timbul dari jawapan informan atau apabila pengkaji memerlukan penjelasan lanjut. Setelah sesi temu bual selesai, pengkaji

---

<sup>32</sup> Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Selangor: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn.Bhd, 2013), 327.

mendengar kembali dan mencatat seluruh kandungan temu bual dalam bentuk transkrip di fail *Microsoft Word*.

Di antara individu yang ditemubual bagi kajian ini adalah:

1. ASP Mohammad Amerol Bin Haji Metusin, Pegawai Penyiasat dalam Penyiasatan Kanak-Kanak, Unit Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah.
2. Puan Dk Nurizni Pg DP Hj Sallehuddin, Pegawai Kebajikan Perubatan, Ketua Perkhidmatan Kebajikan Perubatan, Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).
3. Puan Siti Noorlilawati Binti Abd Rahman, Pegawai Ugama, Bahagian Penguatkuasaan Ugama.
4. Puan Hjh Rozaimah Hj Abd Rahman, Penasihat Undang-Undang Timbalan Pendakwaraya, Bahagian Keadilan Jenayah, Jabatan Peguam Negara.
5. Puan Dr Hjh Mawarni Hj Abd Hamid, Konsultan Pediatrik, Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.
6. Puan Hajah Alus Binti Kula, Penolong Penguasa Rumah Kebajikan, Kompleks Rumah Kebajikan (KRK).
7. Tuan Muhammad Tauhiduddin Bin Haji Rosli, Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat, Unit Kanak-Kanak, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Kesemua informan ditemu bual mengikut peranan mereka dalam memberikan perlindungan terhadap mangsa seksual kanak-kanak. Para informan ini terpilih kerana mereka merupakan individu yang secara langsung mengendalikan kes-kes penderaan kanak-kanak di Brunei. Temu bual dijalankan untuk mengetahui kedudukan penderaan kanak-kanak secara menyeluruh dan khususnya bagi penderaan seksual di Brunei. Faktor dan kesan penderaan seksual kanak-kanak turut dikenal pasti mengikut kes-kes yang

dilaporkan melalui agensi-agensi tersebut. Pengkaji juga menemu bual pengamal undang-undang dari Jabatan Peguam Negara dan Bahagian Penguinkuasaan Ugama untuk menanyakan persoalan yang berhubung dengan peruntukan yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak dan hukuman yang diberikan kepada pelaku dari sudut perundangan Brunei.

*(c) Kajian Dokumen*

Selain mendapatkan maklumat melalui temu bual, pengkaji turut menggunakan kaedah kajian dokumen dalam pengumpulan data. Dokumen juga merupakan sumber untuk mendapatkan data dalam penyelidikan kualitatif. Dokumen termasuk rekod-rekod rasmi, persuratan, rekod syarikat, dokumen kerajaan, diari, minit mesyuarat, rekod mahkamah, banci penduduk dan sebagainya.<sup>33</sup>

Maka bagi kajian ini, pengkaji mengumpulkan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk menyokong data-data yang telah didapati sebelumnya. Oleh itu, pengkaji memerlukan dokumen berupa statistik berkenaan kes penderaan seksual kanak-kanak di Brunei dari Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Perkhidmatan Kebajikan Perubatan, Bahagian Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Perisikan Jenayah dan Kompleks Rumah Kebajikan. Pengkaji juga mendapatkan data dari rekod fail kes di Bahagian Keadilan Jenayah, Jabatan Peguam Negara. Kes-kes yang dirujuk ialah kes-kes rogol, sumbang mahram atau inses, liwat, kesalahan menjatuhkan maruah atau mencabul kehormatan, kesalahan memiliki gambar dan memperlihatkan video pornografi kepada kanak-kanak. Kes-kes tersebut dirujuk

---

<sup>33</sup> Sharan B. Merriam dan Elizabeth J. Tisdell, *Qualitative Research A guide to Design and Implementation*, Fourth Edition, (San Francisco, US: Jossey-Bass, A Wiley Brand, 2016), 162.

dengan meneliti butir-butir maklumat keterangan peribadi mangsa dan pelaku, ulasan kes dan catatan keputusan mahkamah.

### **1.10.2 Kaedah Analisis Data**

#### *(a) Analisis Kandungan*

Analisis ini bermaksud menganalisa data yang diperolehi sama ada dari temu bual dan dokumen yang memerlukan pengkaji untuk menginterpretasikan data tersebut mengikut susunan kod.<sup>34</sup>

Selepas pengkaji mencatat semula dapatan temu bual dalam bentuk transkrip, pengkaji kemudiannya memilih isi temu bual, dengan mana-mana yang berkaitan dengan persoalan kajian. Kaedah ini merupakan satu parafrasa di mana bahan dapatan direduksi, iaitu parafrasa yang mempunyai persamaan akan digabungkan dan dirumuskan ke dalam kategori masing-masing. Pengkaji menemu bual 7 orang informan berkenaan dengan kesan penderaan seksual terhadap kanak-kanak, dan melalui jawapan masing-masing, contoh kesannya adalah trauma, kemurungan, hilang kepercayaan diri dan seumpamanya. Dari sini, pengkaji menginterpretasikan dan menggabungkan respon kesemua informan tadi kepada 1 kod, iaitu kesan psikologi.

Seterusnya kaedah ini juga digunakan untuk menganalisis peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan kanak-kanak, terutamanya bagi Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 beserta pindaan dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 dengan fail kes-kes dan statistik sebagai bahan sokongan. Analisis peruntukan ini dilakukan dengan meneliti persamaan dan perbezaan antara peruntukan yang ada sekarang di Brunei yang kemudiannya dibuat

---

<sup>34</sup> Siti Uzairiah Mohd Tabi, *Kajian Kualitatif dan Analisis Temu Bual*, (Kuala Lumpur, Malaysia: Aras Publisher, Jun 2017), 54.

kesimpulan dari data-data ini dengan memasukkan pandangan informan berkenaan dengan undang-undang Brunei.

*(b) Analisis Tematik*

Analisis Tematik adalah kaedah untuk mengenal pasti, menganalisa dan melaporkan tema-tema yang didapati dalam data dapatan kajian. Ia bertindak untuk menyusun dan menjelaskan data dengan terperinci mengikut tema yang disusun.<sup>35</sup> Selepas proses transkrip temu bual selesai dilakukan, pengkaji menggunakan kaedah analisis ini untuk menetapkan tema bagi jawapan-jawapan informan, dalam erti kata lain, kesemua jawapan disusun dan dimasukkan menurut tema masing-masing agar bersesuaian dengan permasalahan yang dikaji. Contoh, jawapan informan berkenaan dengan objektif kedua mengenai kesan penderaan, pengkaji meneliti setiap jawapan yang diutarakan oleh 7 informan, kemudian dimasukkan ke tema ‘Kesan’, begitu juga jawapan bagi perlindungan kanak-kanak, pengkaji memasukkan pernyataan informan ke dalam tema ‘perlindungan dari sudut kebijakan sosial’ dan tema ‘perlindungan dari sudut perundangan Brunei’.

### **1.11 Pecahan Bab**

Pengkaji membahagikan aturan penulisan kepada tujuh bab. Bab pertama mengandungi pendahuluan, latar belakang masalah kajian, pernyataan masalah kajian, objektif dan persoalan kajian, ulasan kajian lepas, skop, kepentingan, limitasi dan metodologi kajian.

Bab kedua mengandungi senario penderaan seksual kanak-kanak sebagai masalah sejagat yang merangkumi definisi-definisi dan bentuk-bentuk penderaan kanak-kanak.

---

<sup>35</sup> Braun, V. and Clarke, V., “Using thematic analysis in psychology”, Qualitative Research in Psychology, 3(2), pp. 77-101., (Bristol, University of the West of England), 6.

Kemudian penerangan secara sorotan literatur tentang faktor, kesan, perlindungan kebajikan sosial dan perundangan sekitar mangsa penderaan seksual kanak-kanak.

Bab ketiga meliputi realiti semasa penderaan seksual kanak-kanak di Brunei Darussalam dengan menjelaskan fakta sekitar penderaan seksual kanak-kanak, status perhubungan antara pelaku dengan mangsa, faktor-faktor penderaan seksual dan kesan yang dialami oleh mangsa. Kajian dilakukan melalui temu bual bersama dengan wakil terpilih dari agensi-agensi kerajaan.

Bab keempat menyentuh tentang peranan dan usaha agensi-agensi kerajaan di bawah Komiti Perlindungan Kanak-Kanak melalui prosedur, jenis perkhidmatan yang disediakan kepada mangsa penderaan seksual kanak-kanak dan seumpamanya.

Bab kelima pula meneliti respon undang-undang Brunei berkaitan dengan perlindungan terhadap kanak-kanak yang diperuntukkan dalam Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Penggal 219). Begitu juga peruntukan kesalahan seksual yang dilakukan oleh pelaku dengan penyataan hukuman di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 dengan pindaan-pindaannya beserta dengan peruntukan di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013.

Bab keenam merupakan analisis dapatan kajian secara menyeluruh dari permulaan bab sehingga bab kelima.

Bab ketujuh adalah penutup kepada penulisan ini. Ia mengandungi beberapa saranan atau cadangan penulis untuk menambah baik sistem perlindungan kanak-kanak di Brunei.

## **1.12 Kesimpulan**

Penderaan seksual kanak-kanak merupakan masalah sosial yang membimbangkan Negara Brunei Darussalam berikutan berleluasanya jenayah ini pada masa sekarang. Ini bukan sahaja tugas kerajaan semata-mata, bahkan semua golongan masyarakat perlu membuka mata untuk melihat sendiri dan menilai betapa bahayanya gejala ini dari terus berlaku. Oleh itu, kerjasama semua lapisan masyarakat sangat diperlukan untuk menangani masalah ini dan tidak membiarkannya begitu sahaja tanpa usaha yang sewajarnya. Golongan kanak-kanak perlu dilindungi kerana mereka merupakan aset yang penting dan bakal menjadi peneraju utama dalam memimpin negara pada masa hadapan. Maka, langkah-langkah pencegahan perlu diambil bagi membendung masalah sosial ini dari merebak dengan menyediakan program kesedaran dan pengetahuan bagi kanak-kanak dan seterusnya kepada golongan masyarakat. Usaha-usaha perlindungan hendaklah ditingkatkan lagi demi menjamin keselamatan dan kebajikan kanak-kanak yang terbabit.

## **BAB 2: PENDEREAAN SEKSUAL KANAK-KANAK SEBAGAI MASALAH SEJAGAT**

### **2.1 Pengenalan**

Bab kedua ini mengupas tentang penderaan seksual kanak-kanak sebagai masalah sejagat yang dimulai dengan penerangan umum tentang isu ini di mata dunia. Diikuti dengan penjelasan beberapa definisi yang berkaitan, faktor, kesan, bentuk perlindungan dan pemulihan terhadap mangsa didera seksual secara sorotan literatur. Sorotan literatur merupakan kumpulan ulasan maklumat yang didapati melalui buku, jurnal, artikel, dokumen dan penyelidikan lepas. Tujuan proses ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti sama ada penyelidikan yang dibuat pernah diselidik oleh pengkaji lain atau pun belum.<sup>36</sup> Berdasarkan kepada penelitian dan pembacaan pengkaji terhadap kajian-kajian lepas berkaitan dengan isu penderaan kanak-kanak umumnya dan penderaan seksual secara khusus, pengkaji mendapati pelbagai bahan bacaan yang membahaskan isu berkaitan sama ada dalam dan luar negara. Kesemua maklumat yang diperolehi disusun mengikut tema masing-masing.

### **2.2 Penderaan Kanak-Kanak Sebagai Masalah Sejagat**

Kanak-kanak mempunyai hak untuk diberikan perlindungan dari segala bentuk kekejaman, eksploitasi dan penderaan, tetapi berjuta-juta dari golongan kanak-kanak di seluruh dunia tidak kira status, umur, agama dan bangsa berhadapan dengan pelbagai isu kekejaman setiap hari. Kekejaman terjadi di mana-mana tempat, sama ada di rumah, sekolah atau pun melalui penggunaan internet yang mana pelakunya terdiri dari kalangan ahli keluarga sendiri, guru, jiran atau orang yang tidak dikenali.<sup>37</sup>

---

<sup>36</sup> Ibid.

<sup>37</sup> \_\_\_\_\_, “Protecting children from violence, exploitation and abuse,” laman sesawang UNICEF, 21 Mac 2011, dicapai 4hb Januari 2018, [https://www.unicef.org/protection/57929\\_57972.html](https://www.unicef.org/protection/57929_57972.html).

Pada tahun 2014, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (selepas ini PBB) melaporkan sekurang-kurangnya 120 juta kanak-kanak perempuan di bawah umur 20 tahun terlibat dalam rogol dan perbuatan seksual selainnya. Kanak-kanak lelaki juga mengalami penderaan seksual yang sama tetapi dilaporkan lebih sedikit dari perempuan. Tetapi sejauh mana skala penderaan seksual di serata dunia masih tidak dapat diketahui kerana ia dianggap sebagai isu sensitif yang jarang dibahaskan. Kebanyakan mangsa dan keluarga tidak membuat laporan penderaan kerana adanya stigma, perasaan takut dan kurang kepercayaan kepada pihak berautoriti. Penderaan seksual berpotensi memberikan kesan serta merta seperti terkena penyakit kelamin, hamil dan kesan berpanjangan seperti masalah psikologi yang dialami oleh mangsa.<sup>38</sup>

PBB menggunakan istilah perlindungan kanak-kanak untuk merujuk kepada pencegahan dan tindak balas kepada kekejaman, eksloitasi dan penderaan kanak-kanak dalam semua konteks.<sup>39</sup> Perlindungan kanak-kanak dari segala bahaya adalah hak kemanusiaan asasi yang dijamin oleh Konvensyen Hak Kanak-Kanak (KHKK) 1989 dan perjanjian-perjanjian antarabangsa selainnya.<sup>40</sup> Antaranya, perjanjian *the Organisation of Islamic Cooperation's Covenant on the Rights of the Child in Islam* (selepas ini OICCRCI) iaitu perjanjian antara negara-negara Pertubuhan Kerjasama Islam (*Organisation of Islamic Cooperation*) yang mengetengahkan hal kebijakan kanak-kanak. Walaupun Brunei menyertai KHKK 1989, negara mempunyai beberapa reservasi dalam perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti hak kebebasan dalam

---

<sup>38</sup> \_\_\_, "Sexual violence against children," laman sesawang UNICEF, dikemaskini 3 Januari 2018, dicapai 4hb Januari 2018, [https://www.unicef.org/protection/57929\\_58006.html](https://www.unicef.org/protection/57929_58006.html).

<sup>39</sup> \_\_\_, "UNICEF seeks to prevent and respond to violence, exploitation and abuse of children everywhere," laman sesawang UNICEF, dikemaskini Disember 2017, dicapai 4hb Januari 2018, <https://data.unicef.org/topic/child-protection/overview/#>.

<sup>40</sup> \_\_\_, "Children from all walks of life endure violence, and millions more are at risk," laman sesawang UNICEF, dikemaskini Disember 2017, dicapai 4hb Januari 2018, <https://data.unicef.org/topic/child-protection/violence/#>.

beragama. Oleh itu Brunei turut menyertai OICCRCI bagi menguatkan lagi sistem perlindungan kanak-kanak agar seiring dengan tuntutan agama.<sup>41</sup>

Realitinya, kekejaman tetap berlaku terhadap golongan lemah ini di seluruh dunia tanpa mengambil kira latar belakang ekonomi, budaya atau agamanya. Sejak tahun kebelakangan ini, kesedaran terhadap isu penderaan dan implikasinya terhadap mangsa kanak-kanak semakin meningkat tetapi masalah sosial ini kebanyakannya masih tidak dicatat dan dilaporkan. Besar kemungkinan ada sebahagian bentuk penderaan diterima oleh sesebuah masyarakat sebagai suatu yang normal dan menjadi kebiasaan atau kerana kebanyakan mangsa masih terlalu muda dan tidak mengetahui apa yang patut dilakukannya. Adapun bila mana mangsa membuat laporan, pihak pengamal undang-undang pula gagal untuk melaksanakan hukuman sewajarnya atau yang lebih teruk lagi apabila sesebuah negara itu tidak memiliki perkhidmatan atau sistem untuk melindungi kanak-kanak yang teraniaya.<sup>42</sup>

PBB sentiasa mempromosi penguatkuasaan sistem perlindungan kanak-kanak yang merangkumi tenaga manusia, kewangan, peruntukan undang-undang, pentadbiran, pemantauan dan perkhidmatan. Berdasarkan kepada konteks negara masing-masing, sistem perlindungan kanak-kanak merangkumi faktor perlindungan dari sudut kebijakan sosial, pendidikan, kesihatan dan sektor-sektor keselamatan. PBB dan rakan-rakan negara sentiasa menambahbaik polisi dan perundangan untuk mengukuhkan lagi sistem perlindungan bagi menjamin keselamatan kanak-kanak dipelihara di negara masing-masing.<sup>43</sup>

---

<sup>41</sup> Amy Young et al., 6-16.

<sup>42</sup> Ibid.

<sup>43</sup> “UNICEF’s approach to child protection,” laman sesawang UNICEF, dikemaskini 28 November 2017, dicapai 4hb Januari 2018, [https://www.unicef.org/protection/57929\\_57990.html](https://www.unicef.org/protection/57929_57990.html).

## **2.3 Penderaan Kanak-Kanak: Definisi dan Bentuk-Bentuk**

### **2.3.1 Definisi Penderaan Kanak-Kanak**

Menurut Kamus Dewan, perkataan ‘Penderaan’ berasal dari ‘dera’ yang bererti pukulan (dengan rotan, cemeti) sebagai hukuman. Kata kerja ‘mendera’ bermaksud memukul dengan rotan, cemeti dan sebagainya sebagai hukuman, ia juga bererti menyeksa, menyakiti, mendenda dan menghukum. ‘Penderaan’ membawa maksud perbuatan mendera.<sup>44</sup>

‘Kanak-kanak’ adalah budak lelaki atau perempuan yang masih kecil biasanya belum berumur lebih daripada 7 atau 8 tahun.<sup>45</sup> Manakala menurut Kamus Undang-Undang, tidak ada definisi yang tepat mengenai kanak-kanak; ia digunakan untuk orang yang di bawah umur 14 tahun atau 16 tahun dan kadang-kadang di bawah 18 tahun bergantung kepada konteks dan perkataan yang digunakan mengikut statut kes yang dikendalikan di sesebuah negara.<sup>46</sup>

Menurut Undang-Undang Brunei, “Kanak-Kanak” ditafsirkan sebagai orang yang belum mencapai umur 14 tahun dan “Orang Muda” pula ditafsirkan sebagai orang yang sudah mencapai umur 14 tahun tetapi belum mencapai umur 18 tahun sepertimana yang dinyatakan dalam Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219.<sup>47</sup> Manakala tafsiran “Kanak-Kanak” di bawah Konvensyen Hak Kanak-Kanak 1989 menyatakan bahawa kanak-kanak adalah seseorang yang di bawah umur 18 tahun melainkan ada peruntukan undang-undang domestik yang meletakkan umur dewasa lebih awal dari 18 tahun.<sup>48</sup>

---

<sup>44</sup> Kamus Dewan, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 339, entri “dera”.

<sup>45</sup> Kamus Dewan, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 668, entri “kanak; kanak-kanak”.

<sup>46</sup> Kamus Undang-Undang, Selangor Darul Ehsan, 86, entri “child”.

<sup>47</sup> Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219, (Bab 2).

<sup>48</sup> Convention on the Rights of the Child, (Article 1).

Penderaan dan pengabaian kanak-kanak diertikan sebagai tingkah laku devian iaitu tingkah laku sosial yang melanggar norma-norma masyarakat. Menurut Khadijah Alavi, tingkah laku ini merupakan suatu perkara yang rumit dan kompleks untuk dianalisis, sama ada ia merupakan kemalangan, penyakit atau sengaja mencederakan.<sup>49</sup>

Penderaan kanak-kanak bermaksud pencabulan kanak-kanak oleh ibu bapa atau orang lain. Ia juga dikenali dengan ‘*battered child*’ yang bermaksud anak yang teraniaya, iaitu anak yang menjadi mangsa keganasan fizikal atau pencabulan oleh ibu bapa kandung, ibu bapa tiri atau sesiapa sahaja yang menjaganya.<sup>50</sup> Pencabulan berbentuk seks, antaranya perlakuan sumbang atau kelucuan melampau ke atas kanak-kanak, mengambil gambar bogel kanak-kanak dengan mengedarkan, menayangkan atau mengiklankan tanpa alasan munasabah menjadi satu kesalahan statutori khas.<sup>51</sup>

### **2.3.2 Kedudukan Kanak-Kanak Dalam Islam**

Islam mengklasifikasikan usia belum baligh adalah termasuk dalam kategori kanak-kanak. Sebelum baligh bererti sebelum kedatangan haid bagi perempuan dan sebelum bermimpi bersama dengan perempuan bagi lelaki. Apabila sudah mendapat tanda-tanda tersebut, mereka dikira dalam kategori dewasa dan sudah dipertanggungjawabkan dengan pahala dan dosa.<sup>52</sup>

Kanak-kanak merupakan amanah Allah SWT kepada ibu bapa, sudah menjadi kewajipan mereka untuk memastikan anak dijaga dan dipelihara dengan sebaik mungkin

---

<sup>49</sup> Alavi et. al, “Kerja Sosial di Sekolah: Memahami dan Menangani Penderaan Kanak-Kanak,” *Jurnal e-Bangi*, Vol.7 No.1, (2012), 17-37.

<sup>50</sup> Kamus Undang-Undang Selangor Darul Ehsan, 50, entri “battered child”.

<sup>51</sup> Kamus Undang-Undang Selangor Darul Ehsan, 86, entri “child abuse”.

<sup>52</sup> Atikah Ghazali dan Fauziah Mohammad, *Penganiayaan Kanak-Kanak Penyelesaian Menurut Islam*, (Selangor Darul Ehsan: Pustaka Ilmi, 1998), 5.

kerana anak ini dikatakan sama seperti harta kekayaan yang menjadi kebanggaan manusia.

### لِمَالٍ وَلِبَنِ وَنَفِنَةٍ لِجَوَاهِرَةٍ لِثُنْيَا

Al-Kahfi 18:46

Terjemahan: Harta benda dan anak-pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia.

Berdasarkan pengamatan pengkaji, walaupun isu berkenaan dengan istilah penderaan kanak-kanak tidak disebutkan secara langsung dalam buku-buku penulisan klasik Islam, tetapi wujud istilah *tarbiyyah* atau pendidikan yang perlu diterapkan terhadap kanak-kanak sebagai mana yang digariskan dengan ajaran Islam. Golongan kanak-kanak hendaklah sentiasa diberikan perlindungan, penjagaan, kasih sayang, pendidikan, pembelaan, belaian dan simpati dari orang dewasa kerana mereka masih lagi kerdil yang tidak mengerti apa pun dan baru sahaja mengenali hidup. Umumnya, mereka hanya tahu bermain, bersuka-ria dan aktif berfikir memandang apa yang ada di sekeliling mereka.<sup>53</sup>

Sehubungan dengan itu, perlindungan terhadap golongan kanak-kanak adalah dengan memberikan segala keperluan mental, fizikal, spiritual dan material berdasarkan fitrah manusia selaras dengan tuntutan syara'.<sup>54</sup> Islam mensyariatkan bahawa sudah menjadi kewajipan ibu bapa untuk mengasuh anak-anak dengan pendidikan Islam yang sempurna dan mengajar mereka untuk berakhlik yang mulia.<sup>55</sup> Dalam penulisan Hammudah ‘Abd. Al ‘Ati, beliau menekankan bahawa Islam memiliki prinsip sesuai

---

<sup>53</sup> Ibid.

<sup>54</sup> Siti Zulaikha Mohd Nor, *Perlindungan Kanak-Kanak Di Dalam Islam Perlaksanaannya Menurut Undang-Undang Di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1989), 1.

<sup>55</sup> Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan ‘Ali al-Sharbaji, *al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Madhhab al-Imam al-Syafi’i*, (Damsyik: Dar al-Qalam, 2012), 19.

dengan perintah Allah, ibu bapa dalam apa juga keadaan tidak boleh sekalipun menyebabkan kesengsaraan bagi anak-anak mereka dan begitu juga sebaliknya.<sup>56</sup>

Antara topik yang sering diperjelaskan dalam penulisan klasik Fikah dan pendidikan Islam adalah topik mengenai hak kanak-kanak dalam Islam. Di antara hak kanak-kanak<sup>57</sup> itu ialah hak untuk hidup, hak untuk memiliki harta, hak nafkah, susuan, pakaian, perubatan dan tempat tinggal, hak nasab, hak mendapatkan pendidikan dan hak pengasuhan (*Hadhanah*). Kanak-kanak berhak untuk hidup, keselamatan anggota dan dipelihara kehormatannya, sebagaimana dalam firman Allah SWT:

مَنْ قَتَلَ نَسِنًا بِغَيْرِ رِفَقٍ أُوْفِسَ أَوْفَسَ إِلَيْهِ الْأَرْضِ فَكُلَّ مَا قَتَلَ لَهُ اسْنَ جَمِيعًا وَمَنْ أَعْجَى اهْدِيَاهُ  
فَكُلَّ مَا أَعْجَى لَهُ اسْنَ جَمِيعًا

Al-Ma''idah 5:32

Terjemahan: Sesiapa yang membunuh seseorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya.

Ayat ini menegaskan bahawa manusia, tidak kira dewasa atau kanak-kanak berhak untuk hidup dan dilindungi nyawanya. Membunuh anak yang baru dilahirkan (*infanticide*), membuang atau menjualnya sebagai budak atau gundik merupakan amalan-amalan biasa yang diperaktik dalam masyarakat Arab kuno iaitu pada zaman Jahiliyyah.<sup>58</sup> Antara adat orang Jahiliyyah juga ialah anak-anak mereka ditanam hidup-hidup dan dibunuh sewenang-wenangnya oleh bapa mereka sendiri kerana bagi mereka, anak

---

<sup>56</sup> Hammudah 'Abd. Al 'Ati, *The Family Structure in Islam* (Keluarga Muslim), Alih Bahasa: Anshari Thayib, (Penerbit penamas Sdn. Bhd, Malaysia, 1985), 208.

<sup>57</sup> Prof Dato' Dr. Mahmud Saedon Awang Othman, *Hak Kanak-Kanak Menurut Pandangan Islam* dalam *Al-Ahkam Jilid 6, Undang-Undang Keluarga dan Pentadbiran Harta Wakaf*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 1998), 90-111.

<sup>58</sup> Ibid.

perempuan itu merupakan aib dan anak lelaki pula kerana ianya akan menyebabkan kemiskinan.<sup>59</sup>

Sekali lagi, Allah SWT menegaskan mengenai kanak-kanak, bahawa mereka berhak hidup dan tidak boleh dibunuh atau dianiaya.

وَلَا تُقْتِلُوا أَوْلَادَكُمْ خَرِيَّةٌ إِمْلَاقٌ مَّنْ حَنَّ رُقُّهُمْ وَلِيَكُمْ إِنَّ قَتْلَهُمْ فُمَّا كَانَ خَطْأً الْبَعِيرًا

Surah al-Isra' 17:31

Terjemahan: Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan; Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan besar.

Ibu bapa juga perlu mengetahui batas pukulan yang dibenarkan dari segi syara' atas dasar memberikan pendidikan dan pengajaran kepada anak-anak. Menurut Syeikh Syamsuddin Al-Imbani, antara kaedah memukul anak untuk tujuan mendidik yang berpandukan kepada ajaran Islam adalah pukulan tersebut tidak boleh dikenakan di satu bahagian anggota badan sahaja; ianya tidak boleh dilakukan berulang kali; tidak boleh mengayunkan tangan sehingga kelihatan ketiak supaya tidak menyebabkan anak-anak terasa sakit yang keterlaluan. Para ulama juga bersepakat bahawa pukulan tersebut tidak boleh sampai menyakiti dan melukai anak-anak.<sup>60</sup> Justeru itu, Islam mengira pukulan yang keluar daripada batas yang dibenarkan oleh syara' telah dikira sebagai penderaan terhadap fizikal kanak-kanak.

Dalam Islam, penganiayaan dalam bentuk apa sekalipun merupakan dosa besar dan jenayah yang sangat berat terhadap kanak-kanak. Setiap penderaan dan kezaliman yang dilakukan terhadap kanak-kanak akan dikenakan hukuman yang adil dan setimpal,

---

<sup>59</sup> Rafat Farid Swilam, *al-Islam wa Huquq al-Tifl* (Qahirah: Dar Muhsin, 2003), 51.

<sup>60</sup> Muhammad Nur Ibnu 'Abdul Hafidh Suwaid, *Manhaj al-Tarbiyyah al-Nabawiyyah lit-tifl* (Beirut: Dar Ibnu Katheer, 1998), 250.

kerana Islam jelas menjaga kehormatan dan menjamin keselamatan kanak-kanak dari sebarang penganiayaan yang dilakukan oleh orang yang tidak berperikemanusiaan.

### **2.3.3 Bentuk Penderaan Kanak-Kanak**

Penderaan kanak-kanak diklasifikasikan kepada 4 bentuk utama, iaitu:

#### **(a) *Penderaan Fizikal***

Penderaan fizikal didefinisikan sebagai keganasan secara fizikal yang dilakukan oleh ibu bapa, penjaga atau sesiapa sahaja yang bertanggungjawab menjaga kanak-kanak tersebut.<sup>61</sup> Turut diertikan sebagai kanak-kanak yang mengalami kecederaan pada tubuh badan akibat daripada perbuatan ibu bapa atau penjaganya.<sup>62</sup> Ia merupakan pengenaan hukuman atau penyebab kecederaan fizikal disebabkan oleh kesan tumbukan, pukulan, tendangan, gigitan, melecur anggota badan dan sebagainya yang membahayakan kanak-kanak. Kecederaan itu jarang dilakukan secara sengaja kerana ibu bapa beranggapan ia hanya sebagai cara mendisiplinkan anak-anak, walhal penggunaan kaedah pukul anak yang menyakitkan termasuk sebagai penderaan berbentuk fizikal terhadap kanak-kanak.<sup>63</sup>

Menurut Kempe, penderaan fizikal kanak-kanak merupakan satu masalah kesihatan yang dipanggil “*The Battered-Child Syndrome*”. Istilah ini digunakan untuk kanak-kanak yang mengalami penderaan fizikal di tahap kritikal yang membawa kepada kecacatan dan kematian. Sindrom ini diistilahkan bagi kanak-kanak yang menunjukkan tanda-tanda mengalami trauma dan diabaikan, seperti patah tulang, pendarahan kepala

---

<sup>61</sup> Khadijah Alavi, 16.

<sup>62</sup> Ibid.

<sup>63</sup> David A. Wolfe, *Child Abuse Applications for Child Development and Psychopathology*, (London: Sage Publications, 1987), 8.

(*subdual hematoma*), kecederaan pada tisu sel badan, kulit yang kurang sihat atau kekurangan zat makanan.<sup>64</sup>

**(b) *Penderaan Seksual***

Definisi Penderaan Seksual berbeza mengikut konteks negara-negara. Semua definisi lebih kurang merangkumi erti tubuh badan kanak-kanak digunakan untuk kepuasan seksual yang dilakukan dengan kekerasan atau dengan kerelaan mangsa tetapi tanpa pemahaman betul tentang perbuatan seksual itu.<sup>65</sup> Penjelasan lebih lanjut ada di subtopik 2.4.

**(c) *Penderaan Emosi***

Penderaan emosi bermaksud tidak memberikan kasih sayang yang mencukupi, tidak menghiraukan dan melayan karenah anak-anak, menyekat pergaulan mereka dengan kanak-kanak lain, sering memarahi, menengking, menakut-nakutkan kanak-kanak tersebut sehingga timbul kebencian terhadap anak mereka sendiri. Perbuatan ini dianggap sebagai satu penderaan sekiranya mencapai tahap kritikal atau melibatkan bentuk penderaan lain.<sup>66</sup>

**(d) *Pengabaian Kanak-Kanak***

Pengabaian dikategorikan sebagai kegagalan untuk memenuhi keperluan asasi kanak-kanak dari segi fizikal tubuh badan, pendidikan dan juga kasih sayang. Pengabaian dari segi fizikal termasuk kurang pengawasan dari ibu bapa atau penjaga, menangguh atau tidak mahu membawa anak untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan dan membiarkan mereka kelaparan dan kekurangan nutrisi yang sewajarnya.

---

<sup>64</sup> Henry Kempe et. al, 1962, the battered-child syndrome, 12 Classic Papers in Child Abuse, Ann Cohn Donelly & Kim Oates (editors), Sage Publications, 2000.

<sup>65</sup> Ibid.

<sup>66</sup> Khadijah Alavi, 18.

Pengabaian dari segi pendidikan pula bererti segala tindakan seperti tidak mengendahkan kalau anak selalu ponteng sekolah, gagal untuk mendaftarkan anak di sekolah atau mengabaikan pendidikan agama.

Manakala pengabaian dari segi emosi termasuk tidak memberikan tumpuan sewajarnya kepada keperluan untuk memberikan kasih sayang yang cukup untuk anak, tidak memikirkan perasaan anak apabila pasangan didera dihadapan matanya.<sup>67</sup>

#### **2.4 Dinamik Penderaan Seksual Kanak-Kanak**

Definisi penderaan seksual seringkali berbeza sama ada melalui konteks perundangan, klinikal atau sebarang penyelidikan yang berkaitan. Penderaan seksual kanak-kanak biasanya ditakrifkan sebagai tingkah laku seksual antara orang muda dan orang dewasa, di mana orang yang lebih tua menggunakan dominasinya untuk mengeksplorasikan atau melakukan paksaan terhadap orang muda tadi.<sup>68</sup>

Dalam konteks undang-undang Brunei, penderaan seksual kanak-kanak didefinisikan sebagai apabila seseorang kanak-kanak itu jika dia terlibat sebagai peserta atau pemerhati terhadap sebarang kegiatan yang bersifat seksual untuk tujuan pornografi, bahan-bahan lucah, gambar, rakaman, filem, videografi atau persembahan pornografi atau untuk tujuan pengeksplorasian seksual oleh mana-mana orang bagi pemuasan seksual orang itu atau pun orang lain.<sup>69</sup>

Menurut Nor Shafrin, penderaan seksual merupakan tingkah laku seksual yang dilakukan oleh individu yang mengambil kesempatan ke atas pemikiran kanak-kanak yang belum lagi matang dan tidak mengerti perbuatan tersebut salah serta melanggar

---

<sup>67</sup> David A. Wolfe, 8-9.

<sup>68</sup> David J. Hansen dan Kathryn R. Wilson, *Child Sexual Abuse, Encyclopedia of Psychology and Law*, ed. Brian L. Cutler (Newbury Park, CA: SAGE Publications, 2008), 1.

<sup>69</sup> Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219, (Bab 2).

norma sosial dalam hidup.<sup>70</sup> Dalam keadaan sedemikian, penderaan tidak selalunya melibatkan hubungan seksual atau paksaan secara fizikal tetapi lebih melibatkan manipulasi dan penipuan.<sup>71</sup> Tetapi dalam keadaan secara paksaan, mangsa diugut dan diancam yang membahayakan dirinya dengan senjata tajam dan seumpamanya.<sup>72</sup> Dalam erti kata lain, penderaan seksual meliputi segala bentuk aktiviti seksual bertujuan untuk memenuhi nafsu seks orang dewasa terhadap kanak-kanak dengan mengeksplotasi bahagian sulit mereka, mencabul kehormatan, merogol dan dipaksa menjadi pelacur.<sup>73</sup>

David Hansen dan Kathryn dalam kajian mereka menyatakan penderaan seksual meliputi *noncontact offences* seperti penyakit intai dan *contact offences* seperti rogol.<sup>74</sup> Manakala Kasmini Kassim membahagikan penderaan seksual kepada dua bentuk, iaitu *assaultive* (serangan) dan juga *non-assaultive* (bukan serangan). Dari sudut psikologi, mangsa yang mengalami penderaan berbentuk *assaultive* kebanyakannya meninggalkan kesan luka di badan mereka dan mengalami trauma yang berpanjangan. Bentuk penganiayaan '*Non-Assaultive*' pula sebaliknya, namun tidak kurang bahayanya kerana ia juga didapati kerap berlaku.<sup>75</sup>

Lazimnya menurut Nor Shafrin Ahmad, penderaan seksual boleh dikatakan mempunyai lima kategori, antaranya adalah rogol, sumbang mahram, pencabulan, seks di luar tabii (oral atau anal) dan tingkah laku lucu seperti pornografi, penyakit intai (*voyeurism*) dan mendedahkan kemaluan (*exhibitionism*).<sup>76</sup>

---

<sup>70</sup> C. Henry Kempe, Sexual Abuse Another Hidden Pediatric Problem, 1978, Classic Papers in Child Abuse, 105.

<sup>71</sup> Nor Shafrin Ahmad, Mangsa Dera Seksual, 8.

<sup>72</sup> Nor Shafrin Ahmad, "Mengenal pasti indikator tingkah laku mangsa penderaan seksual", *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jil.22, 107-125, 2007, 108

<sup>73</sup> Alavi et al., "Kerja Sosial Di Sekolah: Memahami dan Menangani Penderaan Kanak-Kanak", *Jurnal e-Bangi*, Vol.7, No.1, 17-37, 23, 2012.

<sup>74</sup> David J. Hansen dan Kathryn R. Wilson, 2.

<sup>75</sup> Ibid., 99.

<sup>76</sup> Ibid., 108.

Sekiranya pelaku mempunyai hubungan kekeluargaan dengannya, ia dipanggil sebagai penderaan seksual intrakeluarga, iaitu sumbang mahram. Kalau penderanya bukan dari lingkungan keluarganya, ia dipanggil sebagai penderaan ekstrakeluarga.<sup>77</sup>

Penderaan seksual terhadap kanak-kanak juga uniknya mempunyai istilah Pedofilia, iaitu merujuk kepada individu yang lebih tertarik untuk berhubungan seksual dengan kanak-kanak dari orang dewasa. Mereka selalunya merancang strategi untuk mendekatkan diri dengan kanak-kanak agar mereka dipercayai dan senang untuk memperdayakan kanak-kanak tersebut.<sup>78</sup>

Eksplotasi seksual juga merupakan satu istilah yang sering digunakan, kerana penderaan seksual mengakibatkan mangsa tidak berupaya untuk mengawal tubuh badannya sendiri. Tubuh badan mereka diexploitasikan untuk aktiviti-aktiviti seksual sama ada dilakukan oleh orang asing atau ahli keluarganya sendiri, iaitu inses yang selalunya berlanjutan selama beberapa tahun.<sup>79</sup>

Kebanyakan penderaan seksual kanak-kanak terjadi dalam lingkungan keluarga itu sendiri, sama ada dilakukan oleh ahli keluarga, saudara atau kawan kepada mereka yang dikenali oleh mangsa. Kes penderaan kanak-kanak dalam bentuk seksual ini merupakan penyelidikan yang agak sukar dikaji kerana mangsa sering merahsiakan apa yang berlaku, menafikan, enggan bersuara, malu dan rasa bersalah menyelubungi mangsa sehingga membiarkan dirinya dinodai berkali-kali. Semua ini merupakan komponen utama yang mengikuti sekitar senario penderaan seksual terhadap kanak-kanak.<sup>80</sup>

---

<sup>77</sup> David J. Hansen dan Kathryn R. Wilson, 2.

<sup>78</sup> Child Sexual Abuse, [http://www.who.int/violence\\_injury\\_prevention/resources/publications/en/guidelines\\_chap7.pdf](http://www.who.int/violence_injury_prevention/resources/publications/en/guidelines_chap7.pdf) (dicapai Mei 2018), 76.

<sup>79</sup> C. Henry Kempe, 1978, 105

<sup>80</sup> Ibid, 3.

## **2.5 Kerangka Teori**


### **a) Rangka Kerja ‘*The Ecological Framework*’**

Rangka kerja ini adalah berdasarkan kepada bukti bahawa satu faktor tidak mampu menjelaskan mengapa sebahagian orang lebih berisiko didera sementara yang lainnya terlindung dari penderaan, tetapi ianya diperjelas melalui kewujudan pelbagai faktor yang menyebabkan berlakunya penganiayaan terhadap individu yang terbabit. Rangka kerja ini melihat kepada interaksi faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya penderaan, antaranya dari peringkat individu itu sendiri, seperti mempunyai sejarah penderaan, penyakit kesejahteraan jiwa dan seumpamanya. Seterusnya, peringkat perhubungan dengan keluarga, orang-orang yang dipercayai dan terdekat seperti faktor sosioekonomi dan faktor keretakan rumah tangga. Diikuti dengan peringkat faktor sekeliling seperti di sekolah dan kawasan perjiranan yang bukan kondusif dan membahayakan kanak-kanak. Akhir sekali adalah peringkat masyarakat di mana corak sosial dan kebudayaan di sesuatu tempat seperti budaya lelaki boleh memukul perempuan sesuka hati atau ibu bapa boleh memukul anak-anak kerana bagi mereka, ia merupakan sesuatu yang normal dan sudah menjadi kebiasaan.<sup>81</sup>

---

<sup>81</sup> Violence Prevention Alliance, dicapai 4hb Januari 2018  
<http://www.who.int/violenceprevention/approach/ecology/en/>.

Rajah 2.1 The Ecological Framework



Sumber: World Health Organization

### b) Teori oleh David Finkelhorn<sup>82</sup> Khusus Penderaan Seksual Kanak-Kanak

Menurut David Finkelhor, terdapat empat prasyarat yang perlu ada untuk penderaan seksual berlaku, iaitu:

- i. Pelaku hendaklah mempunyai keinginan dan dorongan yang tinggi untuk mendera atau menganiaya kanak-kanak secara seksual. Ini selalunya merupakan kombinasi emosi tertentu yang hanya dapat dipenuhi oleh kanak-kanak, pelaku terangsang dan berkeinginan seks terhadap kanak-kanak tersebut dan nafsu seks mereka tidak dapat dipenuhi.

---

<sup>82</sup> David Finkelhorn, “Child Sexual Abuse Challenges Facing Child Protection and Mental Health Professionals” dalam *CHILDHOOD AND TRAUMA – SEPARATION, ABUSE, WAR*, ed. Elisabeth Ullman dan Werner Hilweg, (England: Ashgate Publishing Ltd), 105.

- ii. Pelaku perlu mengatasi kekangan dalaman untuk melakukan penderaan seksual, iaitu menghakis perasaan rasa bersalah atau takut kejadian ini dapat dihindu, meminum alkohol dan segala yang dirasakan rasional untuk meminimumkan keseriusan perbuatan mendera juga berperanan dalam menghakis kekangan dalaman yang dirasakannya.
- iii. Pelaku perlu mengatasi kekangan luaran untuk mendekati mangsa dan melakukan perbuatan seksual dengan kanak-kanak; ini terkait dengan hal pengawasan dan perlindungan oleh orang dewasa, seperti ibu bapa yang bercerai menyebabkan kanak-kanak terbiar dan ini menjadi peluang kepada pelaku untuk mendekatinya.
- iv. Akhir sekali, pelaku perlu mengatasi tentangan dari kanak-kanak; iaitu kanak-kanak mensyaki atau merasa tidak selesa dengan aktiviti seks yang membuatkan mereka cuba untuk melarikan diri dari pelaku.

## 2.6 Isu sekitar Sumbang Mahram

Sumbang Mahram atau Inses merupakan antara jenayah tertua yang dikenali di dunia dan diiktiraf sebagai satu bentuk penganiayaan dan penderaan terhadap kanak-kanak. Sumbang Mahram adalah sejenis perhubungan di antara seorang lelaki dan perempuan yang diharamkan untuk bernikah oleh adat dan agama.<sup>83</sup> Azizah Othman dan Azelin Aziz menambah sumbang mahram dalam pepatah melayu “haruan makan anak” dan “harapkan pagar, pagar makan padi”.<sup>84</sup> Nor Shafrin dalam kajiannya, sumbang mahram adalah penderaan seksual yang melibatkan perlakuan seksual antara individu yang sama-sama mempunyai kaitan kekeluargaan antara keduanya.<sup>85</sup>

---

<sup>83</sup> Abd. Hadi Zakaria, Ph. D, *Haruan Makan Anak: Inses di Semenanjung Malaysia*, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, 1998,6.

<sup>84</sup> Azizah Othman dan Azelin Aziz, *Fenomena sumbang mahram di Kalangan Masyarakat Islam Di Malaysia*, Universiti Utara Malaysia, 2.

<sup>85</sup> Ibid, 111.

Azizah Othman dan Azelin Aziz dalam kajian mereka menyatakan antara faktor yang menyebabkan berlakunya inses atau sumbang mahram adalah faktor kurang pendidikan Islam dan lemah iman, keperluan fisiologi dan psikologi, cara berpakaian anak perempuan itu sendiri, sikap isteri yang terlalu peka dengan keperluan anak sehingga mengabaikan keperluan suami, pergaulan anak dan bapa yang tidak sihat dan melampaui batas, kedudukan sosioekonomi yang rendah, pengaruh media massa dengan penjualan dan pengedaran video cakera padat dan hiburan lucu.<sup>86</sup>

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh Abd. Hadi Zakaria di Malaysia, pengkaji mendapati bapa kandung adalah individu yang paling ramai terlibat dalam kes sumbang mahram, diikuti dengan bapa tiri, bapa saudara, abang ipar dan datuk kepada mangsa.<sup>87</sup> Antara faktor penyumbang kepada penderaan tersebut menurut Kathleen Coulborn Faller adalah bapa sendiri didapati pernah dianiaya seksual waktu kanak-kanak.<sup>88</sup> Oleh kerana adanya tali perhubungan bapa dan anak, mangsa mudah terpedaya dan percaya sehingga merelakan perbuatan keji itu dilakukan terhadapnya. Ditambah dengan ahli keluarga lainnya yang tidak mempercayai apa yang cuba diberitahu oleh mangsa dan tidak mengendahkanya sehingga perbuatan keji itu terus berlaku di rumah sendiri. Di samping itu, keadaan rumah yang serba kekurangan seperti anak tidak memiliki bilik tidur sendiri lebih terdedah kepada ancaman berlakunya penganiayaan seks.<sup>89</sup>

Melalui kajian Azizah Othman dan Azelin Aziz, kesannya boleh dibahagikan kepada mangsa, keluarga dan masyarakat. Mangsa akan hilang kepercayaan terhadap ahli

---

<sup>86</sup> Ibid.

<sup>87</sup> Ibid, 19.

<sup>88</sup> Kathleen Coulborn Faller, "Why Sexual Abuse? An Exploration of the Intergenerational Hypothesis," dalam *Child Abuse & Neglect*, Vol.13 (1989), 543.

<sup>89</sup> Ibid, 86.

keluarga yang lain yang menyebabkan kerengganan hubungan kekeluargaan dan menimbulkan kebencian dalam diri mangsa. Mangsa akan merasa terhina dan tersisih dari masyarakat sekeliling. Kesan yang paling ekstrim adalah mangsa mengandung akibat perbuatan bapanya sendiri, dia yang menanggung malu dan ada yang sanggup menggugurkan kandungannya.<sup>90</sup> Salina Nen et. al juga bersepakat dalam kajiannya bahawa mangsa diselubungi kekeliruan, rasa bersalah, sering menyalahkan diri sendiri, sentiasa dalam ketakutan akibat dari trauma yang dialaminya.<sup>91</sup>

Antara punca yang menyebabkan mangsa lebih memilih untuk berdiam diri adalah adanya ancaman dari pelaku itu sendiri yang boleh membahayakan nyawanya, timbul keengganan dan rasa malu kepada masyarakat sekeliling kerana berhubungan seks tanpa nikah, takut dengan persepsi masyarakat walaupun menjadi mangsa keadaan, mangsa juga kebanyakannya didapati tidak mengetahui cara dan kepada siapa perlu dilaporkan.<sup>92</sup> Ini juga dinyatakan dalam kajian lain, timbul isu berkenaan stigma, takut didiskriminasikan oleh masyarakat menyebabkan mangsa memilih untuk tidak melaporkan kejadian yang berlaku.<sup>93</sup>

Selain persepsi masyarakat, faktor keluarga juga merupakan antara sebab mengapa kes seksual ini tidak dilaporkan kepada pihak yang berautoriti. Apabila berlaku kes sumbang mahram, kajian mendapati bahawa ahli keluarga tidak memberi sokongan dan bantuan yang sepatutnya kepada mangsa yang akhirnya menyebabkan perbicaraan kes tidak berjaya diselesaikan.<sup>94</sup> Ini turut dipersetujui dalam kajian lain, kurangnya

---

<sup>90</sup> Azizah Othman dan Azelin Aziz, "Fenomena Sumbang Mahram di Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia," Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), Hotel City Bayview Langkawi, 4-6 September 2004.

<sup>91</sup> Salina Nen et al., "Kajian Kes Inses Bapa-Anak Perempuan: Memahami Pengalaman dari Perspektif Mangsa," *Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol.7, No.1, April Special, Bangi (2012), 46.

<sup>92</sup> Ibid, 52-53.

<sup>93</sup> Mohd Idham Mohd Yusof et al., "Social Stigma of Incest in Malaysia," *International Academic Research Journal of Social Science* 1(2), (2015), 112-117.

<sup>94</sup> Ibid, 105.

sokongan dari pihak keluarga untuk melaporkan kejadian itu adalah disebabkan sepetimana yang telah dinyatakan sebelum ini, takut dipandang serong oleh masyarakat setempat, risau keluarga hilang sumber pendapatan apabila pelaku ditangkap dan dibicarakan yang akhirnya menyempitkan kehidupan sehari-hari keluarga itu.<sup>95</sup> Kesumbang mahram ini tidak dilaporkan kerana untuk menutup aib dan menjaga maruah keluarga. Mangsa yang terlalu trauma juga antara sebab tidak membuat sebarang laporan kepada pihak berkuasa kerana mangsa tidak mampu untuk menceritakan apa yang berlaku dan ada juga yang lupa butiran kejadian sehingga menyukarkan pihak polis untuk menerima laporan mereka.<sup>96</sup>

## 2.7 Faktor-faktor Penderaan Seksual Kanak-Kanak

Kajian-kajian terdahulu banyak menyenaraikan faktor-faktor yang membawa kepada penderaan seksual kanak-kanak dan ianya saling berkait antara satu dengan yang lain seperti dalam rangka kerja “*The Ecological Framework*”. Atikah Ghazali dan Fauziah Mohammad menyatakan antara faktor utama yang membawa kepada berlakunya penderaan adalah keimanan yang lemah.<sup>97</sup> Ini juga dinyatakan oleh Hajah Saadiah Haji Tamit dalam kajiannya bahawa kurang pengetahuan agama dan iman yang tipis menjadi penyumbang terbesar kepada berlakunya penderaan.<sup>98</sup> Atas dorongan hawa nafsu, pelaku tidak ada sekempen rasa bersalah pun di hati mereka apabila menganiaya kanak-kanak yang masih lagi kecil.<sup>99</sup>

Berdasarkan kajian David Finkelhorn di Amerika Syarikat, kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa golongan kanak-kanak yang didapati mempunyai risiko lebih

---

<sup>95</sup> Ibid, 86.

<sup>96</sup> Ibid, 87.

<sup>97</sup> Atikah Ghazali dan Fauziah Mohammad, 58.

<sup>98</sup> Datin Dr. Hajah Saadiah DDW Haji Tamit, *Transformasi Undang-Undang Keluarga Islam Brunei*, (Brunei: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2010), 120.

<sup>99</sup> Ibid.

tinggi kepada penderaan dari yang lain. Antaranya adalah kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa yang bercerai atau tinggal bersama dengan seorang ibu atau bapa dalam tempoh tertentu; kanak-kanak yang menetap dengan ibu bapa tiri; ibu bapa yang ganas atau bermusuhan antara satu dengan yang lain atau terhadap anak-anak mereka; ibu bapa yang ketagih dadah, peminum alkohol, atau mempunyai masalah kesejahteraan jiwa; kanak-kanak kurang upaya kerana terencat akal atau disebabkan oleh masalah fizikal seperti buta.<sup>100</sup>

Dari kesemua tadi, terdapat dua persamaan yang mendasari faktor-faktor tersebut. Pertamanya, keadaan yang melibatkan kuantiti dan kualiti pengawasan orang dewasa terhadap kanak-kanak; contoh, kanak-kanak yang tinggal dengan hanya seorang ibu atau bapa selalunya tidak mendapat pengawasan yang cukup. Kedua, keadaan di mana kanak-kanak tidak mendapat kasih sayang yang sewajarnya; contoh, ibu bapa yang menolak atau tidak ingin anak-anak mereka sendiri. Kedua perkara ini sering dieksplorasikan oleh pelaku untuk mendekati dan memanipulasi kanak-kanak untuk berhubungan seksual dengannya seperti dalam teori subtopik 2.5 sebelum ini. Bagi Finkelhorn, masalah sosial dan ekonomi bukan merupakan faktor utama yang membawa kepada penderaan seksual.<sup>101</sup>

Namun menurut Atikah Ghazali dan Fauziah Mohammad, faktor status sosioekonomi dianggap sebagai salah satu elemen penting yang mempengaruhi berlakunya insiden penderaan terhadap kanak-kanak.<sup>102</sup> Ini kerana rumah tangga yang berhadapan dengan masalah ekonomi akan merasa sangat terbeban untuk memenuhi keperluan keluarga lebih-lebih lagi yang mempunyai ramai anak. Lebih bertambah

---

<sup>100</sup> David Finkelhorn, 105.

<sup>101</sup> David Finkelhorn, 105.

<sup>102</sup> Ibid, 71.

bilangan anggota keluarga, semakin beratlah tanggungjawab ibu bapa.<sup>103</sup> Bebanan ini menyebabkan hidupnya susah dan rasa tertekan dengan masalah yang dihadapinya. Kajian membuktikan ibu bapa yang tidak dapat mengawal emosinya, kebanyakannya mendera anak-anak untuk melepaskan tekanan yang mereka alami.<sup>104</sup> Judith A. Cohen dan Anthony P. Mannarino turut bersepakat dengan kenyataan tersebut dengan menambah penyalahgunaan dadah, kaki minum dan penyakit depresi sebagai penyumbang kepada penderaan terhadap anak-anak.<sup>105</sup>

Kathleen Coulborn Faller dalam penulisannya menyatakan ibu bapa yang mempunyai sejarah penderaan waktu kanak-kanak juga berpotensi menyebabkan mereka menjadi pelaku dera terhadap anak-anak mereka sendiri.<sup>106</sup> Turut disepakati oleh Kasmini Kassim, ibu bapa yang pernah didera waktu kecil secara tidak sedar turut melakukan perbuatan buruk itu terhadap anak mereka.<sup>107</sup>

Ditambah lagi dengan kurangnya kemahiran ibu bapa menjalankan tanggungjawab dalam tumbesaran anak-anak mereka menjadi salah satu punca penderaan kanak-kanak. Ibu bapa yang kurang bersedia untuk menggalas tanggungjawab kerana masih muda, mudah cenderung berlakunya pergaduhan kerana kurang persefahaman sesama mereka. Keadaan rumah tangga yang huru-hara sebegini berisiko menyebabkan berlakunya keganasan terhadap anak-anak.<sup>108</sup> Khadijah Alavi dan Ann Wan Seng bersepakat penderaan kanak-kanak banyaknya berpunca dari masalah pengurusan

---

<sup>103</sup> Datin Dr. Hjh Saadiah DDW Hj Tamit, 122.

<sup>104</sup> Atikah Ghazali, 64.

<sup>105</sup> Judith A. Cohen dan Anthony P. Mannarino, "Factors That Mediate Treatment Outcome of Sexually Abused Preschool Children," *Journal of the American Academy of Child & Adolescent Psychiatry* (1996), 1402.

<sup>106</sup> Kathleen Coulborn Faller, *Understanding Child Sexual Maltreatment*, (Sage Publications, 1990), 58.

<sup>107</sup> Kasmini Kassim, *Memahami Jiwa Kanak-Kanak*, 100.

<sup>108</sup> Ibid, 100.

rumah tangga yang kucar-kacir, kerana ibu bapa tidak memiliki ilmu untuk mendidik anak-anak dengan cara yang betul.<sup>109</sup>

Selain itu, masalah keluarga lain seperti ibu bapa yang bercerai atau keluarga yang berpecah-belah juga berpengaruh menyebabkan berlakunya penderaan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Nor Shafrin Ahmad, ibu bapa yang sentiasa sibuk dengan kerja sehingga mengabaikan tanggungjawab menguruskan anak-anak mudah terdedah kepada pelbagai ancaman, termasuk menjadi mangsa didera seksual.<sup>110</sup> Ernest N. Jouriles turut bersetuju, kanak-kanak yang mempunyai masalah ibu bapa yang kerap bertengkar sehingga berlaku penderaan atau keganasan di antara keduanya berkemungkinan besar turut mendera anak mereka.<sup>111</sup>

Ibu bapa yang mengalami masalah psikologi akan mempengaruhi pembentukan dan perkembangan personaliti anak-anak.<sup>112</sup> Ini kerana kanak-kanak lazimnya sentiasa memandang dan memerhatikan setiap tingkah laku dan perbuatan ibu bapa mereka yang secara tidak langsung mempengaruhi corak pemikiran mereka.<sup>113</sup>

Selain itu, kurang keprihatinan masyarakat terhadap masalah penderaan kanak-kanak ini juga menjadi salah satu punca berleluasanya kes-kes penderaan terhadap kanak-kanak kerana masyarakat lebih suka berdiam diri dan menjaga hal masing-masing tanpa memikirkan mangsa kanak-kanak yang berkemungkinan telah dianiaya.<sup>114</sup>

---

<sup>109</sup> Khadijah Alavi dan Ann Wan Seng, 122.

<sup>110</sup> Nor Shafrin Ahmad, “Penderaan Seksual: Keperluan Kriteria Pegawai, Punca Penderaan, dan Kes Tidak Dilaporkan”, *Sosiohumanika*, 5(1), 2012, 85.

<sup>111</sup> Ernest N. Jouriles et. al., *Child Abuse in the Context of Domestic Violence: Prevalence, Explanations, and Practice Implications, Violence and Victims*, Vol.23, No. 2, 2008, 233.

<sup>112</sup> S.N. Madu, S. E. Idemudia dan A. S. Jegede, “Perceived Parental Disorders as Risk Factors for Child Sexual, Physical and Emotional Abuse among High School Students in the Mpumalanga Province, South Africa,” *J. Soc. Sci* 6, no. 2, (2002), 103.

<sup>113</sup> Ibid, 104-105.

<sup>114</sup> Ibid, 86.

## **2.8 Kesan-kesan Dialami Oleh Mangsa**

Secara umumnya, Atikah Ghazali dan Fauziah Mohammad menyatakan kesan terhadap mangsa penderaan melibatkan jiwa, mental dan fizikal kanak-kanak. Kanak-kanak ini akan merasa takut kepada bayang-bayang mereka sendiri. Mereka terlalu takut untuk menghadapi masa depan yang baginya sudah samar-samar. Sifat perikemanusiaan mereka juga berkemungkinan hilang akibat dari penderaan yang dialaminya dan menyebabkan personalitinya berubah menjadi lebih kasar dan sukar untuk dikawal.<sup>115</sup>

Dalam kajian yang dijalankan oleh Nor Shafrin Ahmad di Malaysia, kesemua mangsa penderaan bentuk seksual mengalami kemurungan yang sangat kritikal iaitu depresi sehingga mangsa kelihatan sangat tertekan, mudah marah, tidak mengendahkan pembelajaran, mengalami gangguan tidur, kurang selera makan dan yang paling teruk lagi ada yang cuba untuk bunuh diri.<sup>116</sup> Kesannya juga melibatkan fizikal kanak-kanak kerana penderaan fizikal mahupun seksual menurut Atikah Ghazali dan Fauziah Mohammad, berisiko menyebabkan kerosakan dan kecacatan pada anggota tubuh seperti tangan, kaki, alat kelamin atau pancaingeranya seperti menjadi buta, pekak dan bisu.<sup>117</sup>

Selain itu, Kathleen Kendall-Tickett dalam kajiannya menyatakan mangsa juga berisiko mengalami kecelaruan tekanan pascatrauma atau dikenali dengan istilah *Post-Traumatic Stress Disorder* (PTSD) yang seterusnya memudaratkan kesihatan mangsa.<sup>118</sup> Trauma yang dialami oleh mangsa didapati berbeza kerana menurut Rosanida Awang, trauma muncul dari beberapa faktor, antaranya faktor perhubungan antara mangsa dan pendera, intensiti penderaan, umur pertama kalinya didera dan pelbagai aspek lain.<sup>119</sup>

---

<sup>115</sup> Atikah Ghazali 52.

<sup>116</sup> Nor Shahrin Ahmad, "Mengenal Pasti Indikator Tingkah Laku Mangsa Penderaan Seksual," *Jurnal Pendidikan dan Pendidikan*, Jil.22 (2007), 107.

<sup>117</sup> Atikah Ghazali, 53.

<sup>118</sup> Kathleen Kendall-Tackett, The Health Effects of Childhood Abuse: Four Pathways by which Abuse Can Influence Health, Child Abuse and Neglect, Vol 6/7, 2002, 715-730.

<sup>119</sup> Rosanida Awang, 49.

Lebih teruk lagi apabila penderaan menyebabkan kerosakan pada mental kanak-kanak, kerana menurut Atikah Ghazali dan Fauziah Mohammad, harapan untuk memulihkan penyakit mental sememangnya sangat tipis dan hampir tidak memungkinkan untuk pulih.<sup>120</sup> Tambahan lagi, apabila insiden penderaan kanak-kanak berlaku dalam keadaan ibu bapa yang bercerai, ia lebih berisiko tinggi menyebabkan gangguan mental kanak-kanak kerana penderaan dan perceraian ibu bapa yang berlaku dalam masa yang sama lebih memberikan impak yang lagi teruk terhadap mangsa.<sup>121</sup>

Oleh yang demikian, kerosakan psikologi memang sukar dan mengambil masa lama untuk pulih. Kecederaan yang mereka alami itu bukan sahaja menjelaskan hubungan keluarga bahkan mengakibatkan kesan sampingan yang lain seperti mereka boleh jadi ter dorong melakukan benda yang sama di masa akan datang.<sup>122</sup> Ini juga dipersetujui oleh Melissa A. Polusny dan Victoria M. Follette bahawa mangsa dilaporkan mempunyai hubungan sosial yang lemah.<sup>123</sup>

Memang tidak diragukan lagi bahawa perbuatan dera itu bertindak sebagai indikator penting yang meningkatkan risiko permasalahan psikologi dari zaman kanak-kanak sehingga dewasa. Risiko seperti ini timbul bersumberkan kepada pengalaman dera seksual yang dialami mangsa, rasa dikhianati oleh orang yang dipercayainya dan rasa tidak mempunyai kuasa atau tidak berupaya untuk mengambil sebarang tindakan.<sup>124</sup> Mereka akan hilang kepercayaan terhadap orang lain terutama sekali jika penderaan tersebut dilakukan sendiri oleh ahli keluarga mangsa terbabit. Perasaan kasih sayang yang

---

<sup>120</sup> Ibid.

<sup>121</sup> Tracie O. Afifi et.al, The relationship between child abuse, parental divorce, and lifetime mental disorders and suicidality in a nationally representative adult sample, *Child Abuse & Neglect*, Vol.33 (2009), 139-147.

<sup>122</sup> Ibid., 103-104.

<sup>123</sup> Melissa A. Polusny dan Victoria M. Follette, "Long-term correlates of child sexual abuse: Theory and review of the empirical literature," Cambridge University Press, USA, (1995), 143.

<sup>124</sup> Ibid., 25.

sepatutnya menjadi fitrah manusia menjadi sukar untuk dirasakan kerana mangsa menganggap manusia semuanya sama dan zalim seperti penderanya.<sup>125</sup>

Kesemua kesan-kesan tadi dipersetujui dalam hasil dapatan kajian yang dilakukan oleh penulis dari Malaysia, beliau menyatakan bahawa implikasinya boleh dilihat dari cara pemikiran, emosi, tingkah laku dan fisiologi mangsa. Majoriti mangsa dera seksual mengalami kemurungan yang teruk seperti sentiasa bertindak pesimis, menyalahkan diri sendiri yang secara langsung menjaskan kehidupannya sehari-hari.<sup>126</sup>

## **2.9 Perlindungan Bagi Mangsa Penderaan Kanak-Kanak**

Keluarga adalah institusi utama yang berperanan memberikan penjagaan, pendidikan dan perlindungan kanak-kanak. Kajian yang dilakukan oleh Z.M Lukman membuktikan bahawa keluarga adalah institusi yang mampu mempengaruhi tahap kesihatan, tingkah laku dan hubungan sosial kanak-kanak kerana komponen inilah yang membentuk kehidupannya kelak.<sup>127</sup> Amran Hassan menyokong pendapat ini kerana kekuatan kesepaduan keluarga dan juga kemahiran ibu bapa memainkan peranan masing-masing merupakan faktor penting yang membawa kepada tahap psikologi yang baik dari kalangan ibu bapa sendiri dan juga anak-anak.<sup>128</sup> Ditambah lagi dengan bimbingan dan pendidikan keagamaan hendaklah sentiasa diterapkan supaya jiwa kanak-kanak terjaga.<sup>129</sup>

---

<sup>125</sup> Atikah Ghazali, 52.

<sup>126</sup> Ibid, 37.

<sup>127</sup> Z.M Lukman et al., “The Relationship Between Dysfunctional Family and the Involvement of Children in Prostitution,” *World Applied Sciences Journal 12 (Special Issue of Social and Psychological Sciences for Human Development*, IDOSI Publications (2011), 7.

<sup>128</sup> Amran Hassan et al., “Pengaruh Faktor Kesepaduan (Kefungsian Keluarga) dan Kemahiran Keibubapaan Terhadap Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Ibu Bapa dan Anak”, *Sains Humanika 3:1* (2014), 99-105.

<sup>129</sup> Ibid, 53.

Ibu bapa perlu memikul tanggungjawab dan menjalankan peranan mereka ketika berdepan dengan masalah penderaan anak-anak dengan berpandukan kepada garis panduan yang telah disusun. Freda Briggs dan Russell Hawkins dalam penulisan mereka menyatakan setiap ibu bapa atau penjaga dan juga guru perlu mengetahui peranan masing-masing ketika menangani masalah penderaan, seperti perlunya mengadakan sesi kaunseling atau perbicaraan hati ke hati dengan menggunakan kata-kata yang lembut dan positif supaya kanak-kanak tahu yang mereka mendapat sokongan dan tidak berseorangan dalam masalah ini. Proses ini memerlukan kesabaran, pemerhatian yang rapi, bimbingan dan perlu dilakukan secara berhikmah.<sup>130</sup> Pemulihan diperlukan untuk membantu mengurangkan rasa bersalah mangsa, membina kembali kepercayaan mangsa terhadap diri sendiri dan juga orang lain.<sup>131</sup>

Justeru itu, fungsi keluarga adalah sangat penting kerana ia memainkan peranan dalam sama-sama menyelesaikan kes sensitif seperti penderaan ini. Keluarga juga sepatutnya menjadi individu pertama yang menyelamatkan mangsa dan melaporkan kejadian tersebut kepada pihak-pihak berkuasa untuk prosedur selanjutnya.<sup>132</sup>

Menurut Christine Wekerle dan David A. Wolfe, pendekatan secara individu adalah yang paling berjaya dilakukan, kerana dari hubungan yang baik dengan keluarga dan mendapat sokongan mereka mampu memulihkan keadaan mangsa dari semasa ke semasa.<sup>133</sup> Walau bagaimanapun, kajian mendapati usaha pemulihan kanak-kanak mangsa penderaan melalui kaedah terapi masih belum berada di tahap yang terbaik. David Finkelhor dan Lucy Berliner berpendapat terdapat beberapa perkara yang perlu

---

<sup>130</sup> Ibid, 104.

<sup>131</sup> Ibid, 150.

<sup>132</sup> Ibid, 86.

<sup>133</sup> Christine Wekerle dan David A. Wolfe, "Prevention of Child Physical Abuse and Neglect: Promising New Directions," *Clinical Psychology Review*, Vol.13 (1993), 501.

dipertimbangkan dan diberi perhatian untuk menambahbaik terapi bagi mangsa yang didera. Antaranya, pakar perubatan perlu mengenal pasti bentuk penderaan yang dialami mangsa dengan terperinci, perlu menyesuaikan dan menetapkan tempoh rawatan yang perlu dilalui mangsa dan satu lagi yang perlu difikirkan adalah cara untuk memujuk mangsa yang enggan mendapatkan rawatan.<sup>134</sup>

Oleh yang demikian, tanpa sokongan dan terapi yang konsisten, mangsa berisiko tinggi mengalami gangguan emosi yang serius.<sup>135</sup> Ini juga dipersetujui oleh Rosanida Awang, kestabilan emosi dan kesihatan mental mereka berkemungkinan tergugat kerana tidak menerima rawatan yang sewajarnya.<sup>136</sup> Maka kerjasama di antara semua pihak perlu ditekankan bagi memastikan perkembangan yang positif bagi mangsa kanak-kanak.

Sementara program keselamatan diri haruslah diadakan sebagai salah satu cara untuk kanak-kanak melindungi diri dan mengambil tahu tentang penderaan seksual kanak-kanak atau pun yang sememangnya menjadi mangsa dera. Bagi mencapai hasil yang terbaik, Kenny menggalakkan agar program tersebut perlulah melibatkan kerjasama ibu bapa, pendedahan yang berterusan tentang senario penderaan kanak-kanak dan juga galakan mempelajari seni mempertahankan diri.<sup>137</sup> Program pencegahan seperti ini kata Barbara Yen perlu dilihat sebagai tanggungjawab bersama di antara ibu bapa, pihak berkuasa dan juga masyarakat umumnya.<sup>138</sup>

---

<sup>134</sup> David Finkelhor dan Lucy Berliner, “Research on the Treatment of Sexually Abused Children: A Review and Recommendations,” J. AM. ACAD. Child Adolesc. Psychiatry, 34:11, November (1995), 1408.

<sup>135</sup> Ibid.

<sup>136</sup> Rosanida Awang et. al., *Penderaan Seksual Kanak-Kanak*, (Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, 2015), 48.

<sup>137</sup> Kenny et al., “Child Sexual Abuse: From Prevention to Self-Protection,” Child Abuse Review, Vol. 17 (2008), 36-54.

<sup>138</sup> Barbara Yen, *Sexual Abuse of Children dalam Issues in Child Care Today*, (Selangor: Shelter, 1989), 31.

Selain itu, Rohayah berpandangan sokongan sosial juga merupakan faktor yang sangat signifikan kerana ia membantu untuk mempengaruhi perkembangan diri dan mengurangkan depresi mangsa.<sup>139</sup> Sehubungan dengan itu, Abdul Razak Abd Manaf dan Norliza binti Bakar dalam kajian yang dibuat pada tahun 2016, mereka telah menghuraikan beberapa isu dan masalah yang timbul berkaitan dengan sokongan sosial yang diberikan kepada mangsa penderaan seksual kanak-kanak. Antaranya, kesukaran mendapat sokongan sosial yang sepatutnya kerana kurangnya layanan atau perkhidmatan dari pihak yang berkenaan, sokongan yang tidak konsisten dan sentiasa berubah-ubah, kekurangan aktiviti atau program yang sewajarnya dijalankan untuk membantu memulihkan mangsa-mangsa ini dan sebagainya.<sup>140</sup>

Justeru, Rosanida Awang menekankan bahawa setiap ahli pakar yang mengendalikan kes penderaan kanak-kanak perlu peka dengan situasi yang berlaku, mampu mengawal keadaan serta berkemahiran dalam menjalankan tugas mereka. Sekiranya mereka gagal menjalankan tugas dengan berkesan ia hanya akan menimbulkan risiko kepada mangsa dan membawa kepada lebih banyak kesan negatif. Sokongan sosial ini perlu dan sangat signifikan untuk menentukan sama ada mangsa mampu bertahan melalui pascatrauma dengan pemikiran yang positif.<sup>141</sup>

Oleh yang demikian, mangsa perlu diberikan bimbingan dengan menggunakan gaya daya tindak aktif ketika berhadapan dengan masalah yang dihadapinya.<sup>142</sup> Ini kerana tanpa bantuan yang efektif dan sesuai dari sudut rawatan atau kaunseling, penderaan itu akan memberikan kesan terhadap kehidupan mangsa itu kelak. Mangsa akan terus merasa

---

<sup>139</sup> Rohayah et al., “Depression and Coping Strategies Among Sexually Abused Children in a Malay Community in Malaysia,” ASEAN Journal of Psychiatry, Vol. 10(2), July-Dec (2009).

<sup>140</sup> Abdul Razak Abd Manaf dan Norliza binti Mokhtar, “Isu-Isu Sokongan Sosial Dalam Kalangan Kanak-Kanak Mangsa Penderaan Seksual di Institusi Pemeliharaan dan Perlindungan”, *Journal of Techno Social*, Vol. 8, No. 2 (2016), 44-56.

<sup>141</sup> Rosanida Awang, 77.

<sup>142</sup> Ibid, 87.

tidak selamat dan takut kepada orang lain kerana jika mereka tidak percaya kepada diri sendiri atau orang lain, mereka tidak akan dapat merasai kasih sayang yang sewajarnya.<sup>143</sup>

Justeru itu, Mariani Mansor dan Asnarulkhadi selanjutnya menyatakan mangsa-mangsa yang dirawat dan diberi bimbingan yang konsisten, tidak mustahil ianya membantu dan memulihkan mentaliti mereka ke arah yang lebih positif kerana dari pemikiran positif, mangsa akan lebih berasa yakin dan kuat menjalani kehidupannya sehari-hari. Seterusnya, peningkatan terhadap perkembangan kepribadian diri boleh membantu untuk perkembangan diri yang positif dan membentuk individu yang lebih berfikiran ke hadapan untuk dirinya sendiri dan juga kepada orang sekelilingnya. Memiliki pandangan yang positif tentang diri dan juga orang lain adalah sangat penting kerana ia boleh meningkatkan daya tahan mereka yang seterusnya membuatkan mereka memandang dari perspektif positif kehidupan. Mangsa dera akan mampu melalui episod kesengsaraannya dan segala ujian hidup yang membolehkan dirinya untuk berfikir dari perspektif yang positif untuk masa hadapannya. Ibu bapa dan masyarakat umumnya perlu diberi kesedaran tentang implikasi negatif akibat dari penderaan kerana ia memberikan kesan bukan sahaja di luaran tetapi lebih banyak meninggalkan kesan terhadap emosi dan psikologi kanak-kanak.<sup>144</sup>

Golongan kanak-kanak ini memerlukan penjagaan dan perlindungan sepenuhnya yang bukan sahaja mencakup aspek kebajikan sosial bahkan lebih-lebih lagi dalam aspek perundangan untuk menuntut keadilan atas penyelewangan yang berlaku. Mereka belum lagi berfikiran matang secara zahir dan batin, mereka masih kecil yang fitrahnya ingin

---

<sup>143</sup> Mariani Mansor dan Asnarulkhadi Abu Samah, “A Descriptive Analysis On the Personality of Child Physical Abuse Victims”, *International Journal of Business and Social Science*, Vol. 2 No.14, 2011, 236.

<sup>144</sup> Ibid, 236.

bersuka ria, suka bermain, tetapi apabila insiden seperti ini berlaku, mereka tidak tahu apa yang patut dilakukan, bagaimana hendak menanganinya dan sebagainya.

Oleh itu, perlindungan terhadap mangsa kanak-kanak perlu dititik beratkan sebagaimana jenayah lain dengan peruntukan tertentu khusus untuk menangani kes penderaan kanak-kanak. Sebagai contoh di Malaysia dan Brunei, kedua negara ini merupakan antara negara yang menyertai Konvensyen Hak Kanak-Kanak (KHKK) 1989 dan mereka dikehendaki untuk menyediakan undang-undang dan program yang sewajarnya serta memastikan perlaksanaannya berjalan sepertimana yang dirancang.<sup>145</sup>

Mengambil contoh perundangan di Malaysia, undang-undang yang digunakan adalah Akta Kanak-Kanak 2001 yang dikatakan membawa perubahan besar kepada undang-undang perlindungan kanak-kanak di negara itu. Dengan wujudnya Akta 611 ini menurut Zulazhar, akta ini secara langsung dan tidak langsung dapat menjamin kebijakan dan perlindungan kanak-kanak terpelihara. Disamping penguatkuasaan undang-undang, beberapa pendekatan lain juga perlu diambil kira seperti kursus kekeluargaan, program motivasi dan aktiviti bermanfaat lainnya untuk sama-sama menjayakan proses intervensi bagi kanak-kanak.<sup>146</sup>

Manakala bagi Jal Zabdi, undang-undang ini akan berkesan sekiranya ia merangkumi tiga aspek pencegahan untuk menjadikannya lebih proaktif dan mencapai tujuan pencegahan. Aspek pencegahan pertama adalah pencegahan primer, iaitu mengadakan aktiviti dan program bersifat umum yang memberikan bimbingan dan pengetahuan mengenai pencegahan jenayah dengan menumpukan sasaran kepada masyarakat. Seterusnya adalah pencegahan sekunder, iaitu mengenal pasti mereka yang

---

<sup>145</sup> Ibid, 75.

<sup>146</sup> Ibid, 99.

berpotensi menjadi pendera dan mangsa, jika individu ini dapat dikenal pasti, ia akan memudahkan proses intervensi agar mereka betul-betul tidak menjadi pelaku atau mangsa. Kemudian, bagi pencegahan tertiar pula, ia adalah pencegahan yang menumpukan sasarannya kepada pelaku dera yang melibatkan hukuman undang-undang sehingga penjenayah tidak akan mengulangi perbuatan mereka. Menurut beliau, segala aktiviti dan program perlindungan dan pencegahan kes penderaan memerlukan sokongan sanksi undang-undang agar ianya lebih tersusun dan proses pencegahan lebih berkesan.<sup>147</sup>

## **2.10 Perlindungan Mangsa Penderaan Kanak-Kanak di Brunei**

Menurut Amy Young et al. dalam penulisan mereka, kajian akademik yang menumpukan isu berkenaan kanak-kanak masih sedikit dilakukan di Brunei. Kanak-kanak di Brunei secara umumnya dilindungi melalui aspek pendidikan, keugamaan, perundangan, komitmen komuniti sekeliling dan institusi keluarga di mana keluarga yang ideal dalam masyarakat Islam dikenali dengan ungkapan *Rumahku Syurgaku*.<sup>148</sup>

Hasnah Hassan dalam penulisannya menyatakan sebelum menyertai Konvensyen Hak Kanak-Kanak, Brunei tidak mempunyai akta khusus yang membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kebijakan dan hak kanak-kanak. Beberapa peruntukan yang ada pun dimasukkan ke dalam akta yang berlainan seperti Akta Kanun Jenayah (Penggal 7), Akta Kanun Tatacara Jenayah (Penggal 22), Perintah Undang-Undang Keluarga Islam 1999 dan lain-lain.<sup>149</sup>

Selepas penyertaan Brunei dalam konvensyen tersebut, Perintah Kanak-Kanak 2000 digubal khusus untuk memberikan perlindungan kanak-kanak yang teraniaya yang

---

<sup>147</sup> Ibid, 37-49.

<sup>148</sup> Amy Young et al., 6.

<sup>149</sup> Ibid, 82.

kemudiannya dimansuhkan kepada Perintah Kanak-Kanak dan Orang Muda 2006.<sup>150</sup> Di bawah perintah ini, sebuah kumpulan bertindak bagi kanak-kanak yang dikenali sebagai *The Action Team on Child Protection* (ATOCP) dibentuk untuk menangani kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak.<sup>151</sup> Sehubungan dengan itu, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dilantik sebagai ketua agensi bagi perlindungan kanak-kanak di Brunei.<sup>152</sup>

Antara kanak-kanak yang diberikan perlindungan di bawah akta ini ialah mangsa yang telah atau besar kemungkinan didera secara fizikal atau emosi, dianiaya secara seksual oleh penjaganya.<sup>153</sup> Bagi kesalahan seksual, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 digunakan untuk memberikan hukuman kepada pelaku.<sup>154</sup> Selain itu, perkhidmatan perubatan, tempat keselamatan dan penjagaan rapi buat mangsa kanak-kanak turut diperuntukkan dalam perundangan. Mohammad Yusree Junaidi dan Zuraini Sharbawi menegaskan bahawa undang-undang bukan sahaja merupakan platform yang berkesan untuk menangani pesalah jenayah, bahkan ianya dapat memastikan kebijakan mangsa yang terlibat dalam penderaan rumah tangga, penderaan seksual dan perdagangan manusia. Sistem keadilan jenayah perlu menjaga kesemua hak orang disyaki dan juga hak mangsa-mangsa yang teraniaya.<sup>155</sup> Penjelasan berkaitan dengan perundangan Brunei yang berkaitan dengan isu kanak-kanak ada dimasukkan dalam bab lima.

---

<sup>150</sup> Ibid, 82.

<sup>151</sup> \_\_\_, "Brunei Darussalam Statement," The Second Islamic Ministerial Conference On the Child, Khartoum, Republic of The Sudan, 2-3 Februari, 2009.

<sup>152</sup> \_\_\_, *Child Protection in the digital age National responses to online child sexual abuse and exploitation in ASEAN Member States*, Strengthening Child Protection System Series, No.6, UNICEF EAPRO, Bangkok, 2016, 31.

<sup>153</sup> Majlis Mesyuarat Negara Brunei Darussalam, 9 Mac 2016, 20. <http://www.councils.gov.bn/JMM%20Images/laporan2016/Laporan%20MMN%209%20Mac%202016%20pagi.pdf>

<sup>154</sup> Ibid, 53.

<sup>155</sup> Mohammad Yusree Junaidi dan Zuraini Sharbawi, The Protection of Victims, Particularly Women and Children, Against Domestic Violence, Sexual Offences and Human Trafficking- The Brunei Experience, Attorney General's Chambers, Brunei Darussalam.

Di samping kewujudan undang-undang untuk menangani penderaan seksual kanak-kanak, Brunei juga menyediakan pusat perlindungan bagi kanak-kanak yang terlibat.<sup>156</sup> Pusat perlindungan tersebut dinamakan Kompleks Rumah Kebajikan berada di bawah kelolaan Jabatan Pembangunan Masyarakat, mangsa kanak-kanak diberikan bimbingan agama dan perkhidmatan kaunseling dalam tempoh tertentu.<sup>157</sup> Penerangan lanjut ada dimasukkan dalam penulisan bab empat.

## 2.11 Kesimpulan

Berdasarkan pengamatan pengkaji terhadap kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati kajian ini perlu dan penting dilaksanakan untuk menambah informasi dan dapatan kajian tempatan. Dari sini, dapat disimpulkan bahawa antara faktor penyebab berlakunya penderaan seksual kanak-kanak adalah kurang pengetahuan ugama, masalah sosioekonomi, hubungan yang renggang antara ibu bapa dan anak-anak, rata-rata kajian menyatakan ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memastikan anak-anak dijaga dan dilindungi dengan sebaik-sebaik penjagaan, bukan untuk dijadikan tempat tempias kemarahan dan nafsu mereka. Akibat dari penderaan tersebut, timbul kesan terhadap mangsa dera, seperti mengalami gangguan emosi, kerosakan psikologi, trauma yang memberi kesan terhadap masa depan kanak-kanak itu nanti. Manakala dari segi perlindungan mangsa pula, pakar kanak-kanak perlu diperbanyak lagi kerana khidmat mereka amat diperlukan untuk sama-sama memikirkan langkah-langkah yang sesuai untuk diterapkan dalam sesi terapi atau kaunseling dengan mangsa kanak-kanak yang terbabit.

---

<sup>156</sup> Laporan The 20<sup>th</sup> Anniversary of The Convention On the Rights of the Child: OIC Member States and The CRC from The Perspective of Islamic Jurisdiction, Cairo, Egypt, 23-24 November 2009, 5.

<sup>157</sup> Ibid, 47.

Pengkaji mendapati kajian-kajian berkaitan dengan penderaan seksual kanak-kanak memang banyak, terutama dari sudut kajian faktor, impak perbuatan tersebut dan juga kajian dari sudut klinikal. Perbincangan mengenai perlindungan pula, memang ada tetapi lebih menjerumus kepada kaunseling, rawatan terapi, aktiviti-aktiviti berkebajikan dan seumpamanya. Manakala perlindungan dari sudut perundangan juga ada dinyatakan dalam kebanyakan kajian luar negara, tetapi sangat kurang didapati di kajian tempatan. Perbincangan umum mengenai isu kanak-kanak ada didapati dalam beberapa kajian yang menyentuh tentang aspek pendidikan, kesihatan, keselamatan dan perlindungan undang-undang, tetapi isu perundangan lebih bersifat kenyataan yang bersumberkan dari artikel dan akhbar-akhbar tempatan. Namun perbincangan secara mendalam yang menyelitkan analisis terhadap undang-undang yang berkaitan sangat sedikit, apakah lagi peruntukan khusus berkenaan dengan penderaan seksual terhadap kanak-kanak. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk melihat realiti semasa dan perkembangan sistem perlindungan kanak-kanak khususnya bagi mangsa yang didera seksual dan seterusnya menganalisis sebarang kelemahan atau kekurangan yang timbul dalam perlaksanaan sistem tersebut.

## **BAB 3: PENDERAAAN SEKSUAL KANAK-KANAK DI BRUNEI**

### **DARUSSALAM: REALITI SEMASA**

#### **3.1 PENGENALAN**

Bab tiga ini akan menerangkan realiti semasa penderaan kanak-kanak di Brunei dengan mengenal pasti faktor dan kesan penderaan seksual berdasarkan kepada kes-kes yang dilaporkan kepada pihak-pihak berkewajipan. Bagi mendapatkan data-data yang diperlukan, pengkaji telah berjumpa dan mengadakan temu bual bersama 7 orang informan yang terpilih dan berpengalaman dalam mengendalikan isu penderaan seksual kanak-kanak tetapi seorang informan memilih untuk menjawab persoalan berkaitan dengan perundangan sahaja yang akan dijelaskan dalam bab lima.

#### **3.2 Fakta Penderaan Seksual Kanak-Kanak di Brunei**

Brunei meletakkan keutamaan yang tinggi dalam memberikan kanak-kanak sebagai golongan lemah dengan menghapuskan segala bentuk keganasan terhadap mereka. Rata-rata wakil dari setiap agensi yang terpilih untuk ditemu bual menyatakan penderaan kanak-kanak yang berlaku sekarang di Brunei boleh dibahagikan kepada empat kategori utama, iaitu; penderaan fizikal dan seksual di mana kedua-duanya merupakan bentuk penderaan yang paling banyak terjadi di negara ini, disusuli dengan pengabaian kanak-kanak dan kategori terakhir adalah penderaan dari segi emosi kanak-kanak.

Antara kes-kes yang termasuk dalam kategori penderaan seksual yang banyak terjadi di Brunei adalah kes rogol, sumbang mahram, gangguan seksual dan seumpamanya. Menurut Penolong Pengguna Kompleks Rumah Kebajikan, Puan Hajah

Alus Binti Kula,<sup>158</sup> gangguan seksual ini bermaksud yang menjurus kepada bahaya moral mangsa, sepertinya bapa, adik beradik, bapa saudaranya yang tinggal serumah dengannya berisiko diganggu seksual atau cubaan merogol terhadapnya. Akan tetapi, kebanyakan kejadian ini dipercayai masih tidak dilaporkan dan menjadi kes terselindung dan hanya dibiarkan begitu sahaja tanpa tindakan sewajarnya.

Walaupun Brunei berkedudukan sebagai sebuah negara Islam yang majoriti penduduknya berbangsa Melayu dan beragama Islam, Brunei turut menghadapi beberapa kes penderaan seksual yang melibatkan mangsa kanak-kanak terutamanya perempuan. Berikut adalah beberapa statistik berkaitan dengan jumlah penderaan seksual kanak-kanak menurut laporan yang diterima oleh agensi-agensi kerajaan dari tahun 2013 sehingga 2017.

**Jadual 3.1. Jumlah Kes Penderaan Seksual Kanak-Kanak Yang Dilaporkan ke Jabatan Pembangunan Masyarakat dari tahun 2013 sehingga 2017**

Jenis Kes	2013	2014	2015	2016	2017	Jumlah
Rogol/Penganiayaan Seksual	2	4	11	18	9	44
Sumbang Mahram	5	3	1	-	2	10
	7	7	12	18	11	54

Sumber: Jabatan Pembangunan Masyarakat

---

<sup>158</sup> Hajah Alus Hj Kula (Penolong Penguasa Kompleks Rumah Kebajikan) dalam temubual bersama penulis di lokasi pejabat Kompleks Rumah Kebajikan, 29hb November 2017. (Selepas ini dirujuk sebagai Puan Hajah Alus).

**Jadual 3.2. Jumlah Kes Penderaan Kanak-Kanak yang dicatatkan oleh Perkhidmatan Kebajikan Perubatan dari tahun 2013 sehingga 2017**

Jenis Kes	2013	2014	2015	2016	2017	Jumlah
Penderaan Seksual	44	66	49	53	52	264

Sumber: Perkhidmatan Kebajikan Perubatan

**Jadual 3.3. Jumlah Penderaan Seksual Kanak-Kanak Yang Dicatatkan oleh Jabatan Perisikan Jenayah, Polis Diraja Brunei dari tahun 2013 sehingga 2017**

Tahun	2013	2014	2015	2016	2017
Daerah	Jumlah Kes				
Brunei Muara	3	2	6	2	5
Belait	0	1	0	0	2
Tutong	0	1	0	0	0
Temburong	0	1	0	0	0
Jumlah	3	5	6	2	7

Sumber: Jabatan Perisikan Jenayah, Polis Diraja Brunei

Merujuk kepada Jadual 3.1., Jadual 3.2., dan Jadual 3.3., didapati jumlah kes berbeza dari satu agensi dengan agensi yang lain. Dapat dilihat perbezaan ketara terutamanya kes yang diadukan ke Perkhidmatan Kebajikan Perubatan yang mencatatkan kes melebihi 200 aduan berbanding dengan statistik yang diperolehi oleh JAPEM dan Jabatan Perisikan Jenayah yang hanya mencatatkan kurang dari 20 kes setiap tahun. Berdasarkan kepada temu bual bersama kesemua informan, dapat difahami bahawa ketidaksamaan jumlah ini adalah disebabkan aduan dan kes datang dari sumber yang berbeza, ada kalanya masyarakat awam terus menghubungi pihak JAPEM, ada sebahagiannya tidak mahu membuat laporan kepada pihak polis dan membuat

pendakwaan memandangkan pelaku adalah orang yang tempat bergantung hidup, takut kehilangan mata pencarian keluarga. Sebahagian kes yang diadukan kepada JAPEM adalah melalui aduan dari Perkhidmatan Kebajikan Perubatan untuk tindakan perlindungan selanjutnya. Begitu juga ada kes yang akan dirujuk ke Unit Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak untuk tindakan undang-undang. Secara kesimpulannya, setiap agensi ini mempunyai peranan masing-masing dalam mengendalikan kes penderaan kanak-kanak dan mereka ini saling berhubung di antara satu sama lain dengan JAPEM sebagai agensi fokal dalam sistem perlindungan kanak-kanak di Brunei.

Menurut laporan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), anggaran jumlah penduduk bagi laporan terkini pada pertengahan tahun 2017 menunjukkan bilangan 421,300 penduduk. Manakala penduduk berumur 14 tahun ke bawah mencakup sekurang-kurangnya 91,700 orang.<sup>159</sup> Kalau dilihat kepada kedudukan kanak-kanak di Brunei dengan statistik penderaan seksual kanak-kanak, boleh dikatakan di tahap yang membimbangkan, kerana rata-rata informan menunjukkan kekhawatiran akan semakin menjadi-jadinya masalah penderaan ini di Brunei.

**Jadual 3.4. Jumlah Kemasukan Penghuni Kompleks Rumah Kebajikan dari tahun 2013 sehingga 2017:**

Kes Penganiayaan Seks	2013	2014	2015	2016	2017	Jumlah
Sumbang Mahram	3	-	-	2	2	7
Rogol	1	1	-	1	-	3
Gangguan Seksual	-	-	-	4	1	5
Jumlah	4	1	-	7	3	15

Sumber: Kompleks Rumah Kebajikan

---

<sup>159</sup> Jabatan Perangkaan, “Population”, laman sesawang rasmi Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, dicapai pada 3 Oktober 2018, <http://www.depd.gov.bn/SitePages/Population.aspx>.

Berdasarkan kepada Jadual 3.4. jumlah kemasukan penghuni Kompleks Rumah Kebajikan setiap tahun tidak melebihi dari 10 orang yang mana kebanyakannya dari kes sumbang mahram. Ini kerana Kompleks ini adalah rumah perlindungan dan merupakan alternatif terakhir oleh pihak JAPEM bagi menentukan mangsa kanak-kanak tersebut perlu tinggal di tempat tersebut atau pun tidak.

### **3.2.1 Status Hubungan Penderaan dengan Mangsa Kanak-Kanak Seksual**

Sebagaimana yang dinyatakan sebelumnya, kes penderaan seksual berelemen sumbang mahram adalah antara kes aduan yang paling banyak dilaporkan di Brunei. Puan Dr. Hjh Mawarni Hj Abd Hamid<sup>160</sup> selaku Konsultan Pediatrik memberitahu bahawa pelaku penderaan selalunya dari kalangan orang yang dikenali mangsa dan jarang sekali dilakukan oleh orang yang tidak dikenali.

*“... Family with good relationship with each other, kuat agama, less likely to happen, I say this because children are more likely to be sexually abused by people known to them. Selalunya known to them either someone from the family, teacher, less likely to be abused by stranger..*

Contoh kes apabila ibunya berkahwin lagi, berlaku beberapa kes gangguan seksual dan kes rogol oleh bapa tiri sendiri. Ini juga turut disepakati oleh Pegawai Penyiasat ASP Mohammad Amerol Bin Haji Metusin<sup>161</sup> dan Tuan Muhammad Tauhiduddin Bin Haji Rosli<sup>162</sup>, sebagai penolong pegawai Pembangunan Masyarakat menyatakan seringkali pelaku deranya adalah dari kalangan bapa tiri. Pegawai Kebajikan

---

<sup>160</sup> Dr Hjh Mawarni Hj Abd Hamid (Konsultan Pediatrik, Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha) dalam temubual bersama penulis di lokasi Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, 29hb November 2017. (Selepas ini dirujuk sebagai Dr. Hjh Mawarni).

<sup>161</sup> ASP Mohammad Amerol Bin Haji Metusin (Pegawai Penyiasat, Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Polis Diraja Brunei) dalam temubual bersama penulis di lokasi pejabat Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, 2hb November 2017. (Selepas ini dirujuk sebagai ASP Amerol).

<sup>162</sup> Muhammad Tauhiduddin Bin Haji Rosli (Penolong Pegawai, Unit Kanak-Kanak, Jabatan Pembangunan Masyarakat) dalam temubual bersama penulis di lokasi pejabat Jabatan Pembangunan Masyarakat, 30hb November 2017. (Selepas ini dirujuk sebagai Tuan Tauhiduddin).

Perubatan Puan Dk Nurizni Pg DP Hj Sallehuddin<sup>163</sup> dan ASP Amerol juga menambah pernah terjadi kes ibu atau bapa yang bersekedudukan tinggal serumah, pasangan ibunya mendera dan merogol anak teman wanitanya itu.

**Jadual 3.5. Status Perhubungan Antara Pelaku dan Mangsa Yang Dicatatkan oleh Kompleks Rumah Kebajikan dari 2013 sehingga 2017**

<b>Tahun</b>	<b>Pelaku Kesalahan</b>				
	Datuk Kandung/ Tiri	Bapa Kandung/ Tiri	Abang Kandung/ Tiri	Bapa Angkat/ Saudara & Abang Ipar/Sepupu	Orang Yang Tidak Dikenali
<b>2013</b>	1 (Datuk Kandung)	2 (Bapa Tiri)	-	1 (Sepupu)	-
<b>2014</b>	-	-	-	1 (Sepupu)	-
<b>2015</b>	-	-	-	-	-
<b>2016</b>	-	2 (Bapa Kandung)  2 (Bapa Tiri)	-	1 (Bapa Saudara)	2
<b>2017</b>	1 (Datuk Saudara)	1	-	1 (Bapa Saudara)	-
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>	<b>7</b>	<b>-</b>	<b>4</b>	<b>2</b>

Sumber: Kompleks Rumah Kebajikan

---

<sup>163</sup> Dk Nurizni Pg. DP Hj Sallehuddin (Pegawai Kebajikan Perubatan, Ketua Perkhidmatan Kebajikan Perubatan) dalam temubual dengan penulis di lokasi pejabat Perkhidmatan Kebajikan Perubatan, 8hb November 2017. (Selepas ini dirujuk sebagai Puan Dk Nurizni).

**Jadual 3.6. Status Perhubungan Antara Pelaku dan Mangsa Yang Dicatatkan oleh Jabatan Perisikan Jenayah dari tahun 2013 sehingga 2017**

<b>Tahun</b>	<b>Hubungan</b>	<b>Umur Mangsa</b>	<b>Jumlah</b>
2013	Bapa Kandung	13	1
	Lelaki Dikenali melalui kawan	12	1
	Tidak Dikenali	11	1
2014	Bapa Kandung (Malaysia, Brunei)	11,12	2
	Bapa Saudara	13	1
	Datuk Angkat	12	1
	Tidak dinyatakan	13	1
2015	Bapa Kandung	12,13	2
	Jiran	11	1
	Lelaki Baru dikenali	13	1
	Pekerja Pengubahsuai Rumah	11	1
	Tidak Dinyatakan	13	1
2016	Teman Lelaki	12	1
	Datuk	12, 12	2
2017	Bapa	13	1
	Bapa Saudara	12	1
	Sepupu	9	1
	Datuk	9	1
	Kawan	11	1
	Kawan Ayah	7	1
	Tidak Dinyatakn	13	1
		<b>JUMLAH</b>	<b>24</b>

Sumber:Jabatan Perisikan Jenayah

Jadual 3.5. dan 3.6. menunjukkan pelaku penderaan seksual yang paling banyak dilaporkan adalah dari kalangan orang yang dikenali mangsa terutamanya bapa sama ada kandung atau pun tiri. Ini menunjukkan bahawa orang yang paling dekat dan dipercayai oleh mangsa dirogol atau diganggu oleh bapanya sendiri, orang yang membesarkan dirinya dan tempatnya bergantung tergamak memakan anaknya sendiri. Manakala dari segi umur, kebanyakannya mangsa berumur sekitar 11 tahun sehingga 13 tahun dan yang paling muda berumur 7 tahun.

### **3.3 Faktor Penderaan Seksual Kanak-Kanak di Brunei**

Hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa faktor yang menjadi penyebab berlakunya kepada penderaan terhadap golongan kanak-kanak mengikut kes-kes yang dilaporkan di Brunei melalui istilah Faktor Risiko (*Risk Factors*). Pertubuhan Kanak-Kanak Sedunia menggunakan istilah ‘*Risk Factors*’ yang merujuk kepada ciri-ciri atau elemen berisiko yang mendedahkan individu kepada penyakit atau kecederaan<sup>164</sup>, dengan erti kata lain, ia adalah faktor-faktor yang berisiko menyebabkan terjadinya penderaan kepada individu di mana dalam kes ini merujuk kepada kanak-kanak. Antaranya adalah seperti berikut:

(a) ***Faktor Individu.***

Kanak-kanak itu sendiri terutamanya kanak-kanak yang berkeperluan khas berisiko kepada penderaan kerana menurut Puan Dk Nurizni,<sup>165</sup> kanak-kanak seperti ini selalunya memerlukan penjagaan yang lebih dari biasa yang boleh menyebabkan penjaganya merasa tertekan sehingga bertindak untuk mendera kanak-kanak tersebut. Ini juga turut dinyatakan oleh Penasihat Undang-Undang, Puan Hjh Rozaimah Hj Abd Rahman<sup>166</sup>, pernah terjadi satu kes melibatkan pelajar kanak-kanak sekolah yang mempunyai penyakit mental telah dibawa keluar dari sekolah oleh seorang pekerja lelaki untuk tujuan merogolnya. Cubaan tersebut dapat dipintas kerana gurunya ternampak kejadian tersebut, beliau terus membuat laporan kepada pihak polis. Dr. Hjh Mawarni menambah pernah terjadi kes anak kurang upaya mengandung akibat dirogol oleh bapanya sendiri. Berikut kenyataan dari beliau,

---

<sup>164</sup> \_\_\_, “Risk Factors”, dicapai pada 29hb April 2018, [http://www.who.int/topics/risk\\_factors/en/](http://www.who.int/topics/risk_factors/en/).

<sup>166</sup> Hjh Rozaimah Hj Abd Rahman (Penasihat Undang-Undang, Timbalan Pendakwaraya, Jabatan Peguam Negara) dalam temubual bersama penulis di lokasi pejabat Bahagian Keadilan Jenayah, 28hb November 2017. (Selepas ini dirujuk sebagai Puan Hjh Rozaimah).

*“...from health person, we tend to look at it from public health perspective.. the causes from individual, family, community, society, at large. This is the person.. sometimes a person is likely to be abused for example when he or she not able to protect themselves, say disabled child, we have had cases this mentally challenged girl got pregnant by the father..”*

Sebagaimana yang berlaku dalam kes antara *Public Prosecutor lawan Haji Remli bin Haji Nasir*<sup>167</sup> yang berhadapan dengan tuduhan merogol anak perempuannya yang berumur 16 tahun pada waktu kejadian, menurut laporan kesihatan, anaknya ini dikatakan mempunyai I.Q serendah 58 yang tergolong dalam kemerosotan intelektual (*intellectual impairment*) yang bererti mangsa tidak mengetahui apa yang betul atau salah, jadi mudah bagi pelaku untuk mengambil kesempatan ke atas dirinya. Bapanya pun dikenakan hukuman penjara 16 tahun dan 2 bulan. Ini jelas menunjukkan kanak-kanak bekeperluan khas lebih terdedah kepada bahaya kerana senang diperdaya oleh pelaku.

Kanak-kanak seperti ini juga menurut Puan Dk Nurizni termasuk dalam istilah perlindungan kanak-kanak yang memerlukan “*safeguarding*” kerana mereka mempunyai risiko akan menjaskan keadaan sosialnya dan seterusnya berisiko didera. Berikut adalah statistik yang dikeluarkan oleh Perkhidmatan Kebajikan Perubatan berkenaan dengan kanak-kanak berisiko dari tahun 2013 sehingga 2017.

**Jadual 3.7. Jumlah Kes Kanak-Kanak Berisiko Yang Dicatat oleh Perkhidmatan Kebajikan Perubatan dari tahun 2013 sehingga 2017**

Tahun	2013	2014	2015	2016	2017	Jumlah
Kanak-Kanak Berisiko ‘ <i>Significant Harm</i> ’ ( <i>Safeguarding</i> )	74	21	39	41	15	<b>190</b>

Sumber: Perkhidmatan Kebajikan Perubatan

<sup>167</sup> Public Prosecutor and Haji Remli bin Haji Nasir, [Criminal Trial No. 15 of 2015].

**(b) Faktor Dinamik Keluarga.**

Menurut Puan Hajah Alus dan Puan Dk Nurizni, masalah keluarga merupakan antara faktor utama kepada penderaan kanak-kanak. Ibu bapa yang mempunyai penyakit kesejahteraan jiwa, ibu bapa peminum, ibu bapa yang bercerai atau berkahwin lagi, semuanya mempengaruhi mereka menjadi pelaku kepada anak-anak mereka sendiri.

Selain itu, menurut ASP Amerol, ibu bapa atau ahli keluarga yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah juga menjadi punca kepada penderaan kerana ianya membuatkan pelaku bukan dalam keadaan normal atau dalam keadaan separuh sedar sehingga mempengaruhi permikirannya untuk melakukan penderaan terhadap kanak-kanak.

ASP Amerol, Puan Hajah Alus dan Tuan Tauhiduddin bersepakat bahawa kurangnya didikan terutama dari sudut agama juga menjadi faktor penyumbang kepada penderaan. Apabila ibu bapa tidak mempunyai pegangan agama yang kuat, perkara maksiat sering terjadi, contoh kes yang pernah dilaporkan ke pihak Polis, seorang suami tidak merasa puas atau sebab jarang melakukan hubungan persetubuhan intim dengan isterinya telah mendorongnya untuk melepaskan nafsu kepada anaknya sendiri.

Tuan Tauhiduddin turut menambah masalah kewangan juga berisiko menyebabkan penderaan terhadap kanak-kanak. Sebagaimana dalam kes antara *Public Prosecutor lawan Haji Bakar Bin Haji Bulat*<sup>168</sup>, mangsa adalah kanak-kanak perempuan yang berumur 12 tahun pada waktu kejadian. Ibu mangsa menjual anaknya untuk dijadikan sebagai pelacur atas desakan kewangan mereka. Mangsa melakukan persetubuhan dengan pesalah tanpa paksaan.

---

<sup>168</sup> Public Prosecutor v Haji Bakar Bin Haji Bulat, [Criminal Trial No.11 of 2009].

Kenyataan ini ditambah lagi oleh Dr. Hjh Mawarni, keadaan tempat tinggal yang sempit dan tidak kondusif yang mana ahli keluarga tinggal beramai dalam satu bilik, atau kebiasaan anak dara berpakaian seksi dalam rumah mengundang risiko penderaan dan gangguan seks oleh ahli keluarga sendiri.

Sebagaimana dalam kes *Mohammad Rieful Rizalmey Bin Mohd Azmi lawan Public Prosecutor*<sup>169</sup>, tertuduh merogol anak perempuan tirinya yang ketika itu baru berumur 13 tahun. Tertuduh bersama dengan isterinya, dua orang anak kembar dan mangsa tinggal berkumpul dalam sebuah bilik tidur dan apabila isterinya keluar bekerja malam, tertuduh mengganggu mangsa dan merogolnya.

**(c) *Faktor komuniti sekeliling.***

Sekiranya mereka tinggal di persekitaran yang menjadi tempat di mana berkumpulnya keluarga yang kurang berkemampuan atau tempat berleluasanya penyalahgunaan dadah, alkohol dan aktiviti-aktiviti lain yang tidak bermoral, semuanya menyebabkan kanak-kanak dalam risiko penderaan seperti yang dinyatakan oleh Puan Dk Nurizni dalam temu bual.

*“.....kalau mereka tinggal in a concentrated neighborhood disadvantage maksudnya neighborhood tempat tinggal itu ada high poverty rates, high unemployment rate, high rate of abusing drugs or alcohol, that itself puts them at risk. So a combination of those factors will be considered as why a child risks of being abused..”*

**(d) *Faktor masyarakat umumnya.***

Menurut Dr. Hjh Mawarni, pengaruh media massa dan media sosial juga memainkan peranan kepada berlakunya penderaan seksual kanak-kanak. Video pornografi semakin mudah untuk dilayari dari laman web sesawang, cerita-cerita barat juga kebanyakannya

---

<sup>169</sup> Mohammad Rieful Rizalmey Bin Mohd Azmi v Public Prosecutor, [Criminal Appeal No.7, 2010].

berbaur lucah, cerita panggung pun ada elemen seksual provokatif, sekarang semuanya senang dicari dan dilayari di mana-mana platform. Ini antaranya sebab penderaan seksual semakin tinggi sejak kebelakangan ini.

Kesemua informan bersepakat bahawa penderaan bukan berpunca dari satu faktor tetapi melalui gabungan beberapa faktor yang lain.

### **3.4 Kesan-Kesan Penderaan Seksual Terhadap Mangsa Kanak-Kanak di Brunei**

Hasil kajian menunjukkan terdapat pelbagai kesan yang timbul akibat dari penderaan yang dialami oleh mangsa kanak-kanak. Menurut Dr. Hjh Mawarni, apa-apa sahaja bentuk penderaan pun akan menjaskan kesihatan psikologi dan fizikal mangsa. Antara kesan fizikal yang paling ketara adalah mangsa mengandung akibat dirogol dan berisiko menghidap penyakit kelamin menular *Sexually Transmitted Diseases (STD)* disebabkan pelakunya menghidap infeksi di kelaminnya.

Berikut adalah jumlah kes kehamilan di bawah umur yang dikeluarkan oleh Perkhidmatan Kebajikan Sosial dari tahun 2013 sehingga 2017. Jadual 3.8. ini menunjukkan peningkatan jumlah pada tahun 2017 iaitu sebanyak 25 kes, berbanding dari tahun-tahun sebelumnya.

**Jadual 3.8. Jumlah Kes Kehamilan Di Bawah Umur Yang Dicatatkan oleh Perkhidmatan Kebajikan Sosial dari tahun 2013 sehingga 2017**

Tahun	2013	2014	2015	2016	2017	Jumlah
Kehamilan Bawah Umur	10	0	1	7	25	43

Sumber: Perkhidmatan Kebajikan Perubatan

Manakala dari sudut psikologi pula, mangsa mengalami trauma yang dikenali sebagai *Post-Traumatic Stress Disorder* (PTSD) dan masalah kesihatan mental seperti yang dikatakan oleh Konsultan Pediatrik Puan Dr. Hjh Mawarni:

*“ ...of course depends on that person resilient of protective factor, high intelligent, coping skill bagus.. you have immediate support from family, teachers.. then maybe you will get over it to some extend.. but then.. traumatizes psychologically, suicide, mental health... if you look at world health paper, a lot of mental issues related to suicide, depression, post-traumatic stress, they did a lot of study and a lot of them give history of being abused in the past.. some of them sexually abused, worldwide sexual abuse is high..”*

Ini juga disokong oleh ASP Amerol, kanak-kanak akan merasa trauma dan takut melihat lelaki sampai beliau sendiri yang sebagai penyiasat pun susah untuk meminta mangsa untuk membuka mulut dan menceritakan apa yang berlaku kepadanya. Jadi kanak-kanak sebegini selalunya akan dirujuk ke penyiasat perempuan untuk disoal siasat. Kesan lainnya, mangsa tidak dapat mengawal emosi, selalu murung, memberontak dan bersifat agresif.

Dr. Hjh Mawarni dan Puan Dk Nurizni bersepakat mangsa juga selalu menyisihkan diri, mangsa lebih memilih untuk mengasingkan diri dari kawan-kawan dan keluarga, jadi di sini boleh dikatakan hubungan sosial mangsa memang akan terjejas dan menyebabkannya anti sosial kerana kurangnya komunikasi dengan orang lain. ASP Amerol, Tuan Tauhiduddin dan Puan Hajah Alus juga bersepakat bahawa mangsa ini trauma sampai takut untuk berjumpa orang dan mangsa tidak tahu macam mana hendak masuk balik ke komuniti masyarakat sekelilingnya.

Contoh kes antara *Public Prosecutor lawan MRRMA*<sup>170</sup>, pelaku merogol anak perempuan tirinya Miss X yang berumur 13 tahun pada waktu kejadian. Berdasarkan

---

<sup>170</sup> Public Prosecutor and MRRMA, [Criminal Trial No.2 of 2010].

laporan pakar psikologi, didapati Miss X sangat takut terhadap defenden dan dilaporkan insiden rogol tersebut sangat memberikan kesan kepadanya sehingga Miss X trauma dan tidak mahu lagi tinggal di rumahnya kerana insiden itu sentiasa bermain-main di mindanya.

Menurut Dr. Hjh Mawarni, kadang-kadang ada kanak-kanak yang bertingkah laku seksual atau '*Sexualized Behavior*', kerana kanak-kanak kecil yang tidak sepatutnya tahu benda atau tema yang bersifat seksual pun boleh tahu. Tingkah Laku Seksual juga diertikan sebagai kanak-kanak yang berkelakuan seksual yang tidak normal bagi usia mereka, ia boleh timbul dari kesan trauma atau pun penderaan.<sup>171</sup>

Menurut Dr. Hjh Mawarni juga, mangsa ada kalanya mengalami masalah tidur atau insomnia dan selalu bermimpi buruk. Sebahagian kanak-kanak apabila sudah meningkat remaja dan dewasa, persepsi mereka terhadap sebuah perhubungan itu agak pesimis seperti kalau dia telah didera oleh ayahnya waktu kecil, dia pun rasa boleh melakukan hal yang sama kepada orang lain, dia tidak dapat percayakan orang kerana baginya semua orang sama sahaja seperti ayahnya.

Sebahagian orang mengatakan mangsa yang didera seksual seperti dirogol, bagi mereka, mangsa ini tidak lagi bersih, maka mangsa pun merasakan dirinya tidak mempunyai harga diri lagi. Puan Dk Nurizni juga bersependapat yang sama, mangsa sering bertanya kepada dirinya sendiri kenapa penderaan berlaku kepadanya, membuatkan mangsa rasa dirinya tidak berharga.

ASP Amerol, Dr. Hjh Mawarni dan Puan Dk Nurizni bersependapat bahawa dari sudut pembelajaran mangsa pun terkesan juga, seperti mangsa tidak mahu ke sekolah,

---

<sup>171</sup> Village Counselling Center, dicapai 31hb Januari 2018,  
[http://www.villagecounselingcenter.net/Sexually\\_Reactive\\_Children\\_Parent\\_Handbook.pdf](http://www.villagecounselingcenter.net/Sexually_Reactive_Children_Parent_Handbook.pdf).

malu berjumpa dengan kawan-kawan lainnya, keputusan pelajarannya merosot dan terabai lebih-lebih lagi sekiranya tidak ada sokongan keluarga untuknya. Oleh itu, pihak sekolah terutamanya perlu memikirkan inisiatif yang sewajarnya dilakukan untuk memujuk mangsa meneruskan pembelajarannya di sekolah.

Menurut Dr. Hjh Mawarni, apabila kanak-kanak ini dewasa, dia berisiko menjadi pelaku dera kerana baginya mendera orang itu sesuatu yang normal, kalau dia pernah didera, dia pun boleh mendera orang lain juga, ini yang dipanggil sebagai '*Cycle of Abuse*'. Berikut kenyataan beliau semasa sesi temu bual.

*"...Abuse is a bad thing, banyak kesannya, short.. long term, emotional behavior.. Sometimes when mereka adult, they can be perpetrators juga.. if it's done to you, you can do it to other people, so psychological thing I think.. Some of sexually abused.. they become..because they can't have normal sexual relationship with other, ada jadi prostitute.."*

Menurut pengalaman Tuan Tauhiduddin, selepas mangsa keluar dari Kompleks Rumah Kebajikan di mana sebelum ini menjadi mangsa rogol atau pun dijual-jual, ketagih melakukan seks bebas atau jadi perogol. Kalau sebelumnya didera fizikal di rumah, mereka pula membuli orang di sekolah dan seumpamanya. Menurut beliau,

*"...Selalunya kami menerima kes-kes teen pregnancy.. yang belum kahwin ini.. didapati sebelum ini mereka ada history dera sexually.. mereka bebas bergaul, tidak ada support dari parents..."*

Antara sebabnya, mungkin kaedah kaunseling tidak berhasil dan tidak sesuai dengannya, kurang kerjasama dan sokongan dari ahli keluarga, sokongan dari rumah sakit pun mungkin tidak mencukupi yang menyebabkan mangsa terbalik menjadi pelaku dan terlibat dalam pergaulan bebas.

### **3.5 Kesimpulan**

Sebagai kesimpulan bab ketiga ini, kes penderaan seksual yang berlaku di Brunei kebanyakannya merangkumi kes rogol dan sumbang mahram yang mana dilakukan oleh orang yang dikenali mangsa. Walaupun jumlah kes penderaan tidak sebanyak seperti negara-negara jiran, Brunei masih tidak terkecuali menghadapi masalah sosial yang sama. Penduduk Brunei yang berumur 14 tahun ke bawah hanya mencakup kurang dari 100,000 orang, kalau dikira-kira termasuk kes yang tidak dilaporkan dan dipanjangkan ke pihak polis dan mahkamah, boleh dikatakan kedudukan penderaan seksual di tahap yang membimbangkan kerana informan percaya banyak lagi terjadi kerana masalah seksual ini memang sifatnya terselindung kerana stigma masyarakat. Lebih-lebih lagi dengan penggunaan pelbagai platform media sosial oleh kanak-kanak zaman sekarang, tidak mustahil kes seksual pun semakin meningkat, kerana seperti yang dinyatakan dalam faktor sebelum ini, platform media merupakan antara faktor berisiko berlakunya kepada insiden penganiayaan seksual terhadap kanak-kanak.

Adapun faktor-faktor menurut pengalaman kes yang dialami oleh informan, mereka bersetuju penderaan tidak terjadi dengan satu faktor sahaja, malahan berkait dengan faktor lainnya. Manakala kesan penderaan pula boleh dibahagikan kepada kesan fizikal, kesan psikologi dan kesan tingkah laku yang boleh mempengaruhi kehidupannya kelak. Oleh itu, para informan bersepakat faktor-faktor risiko perlu diketahui dan dikaji oleh agensi-agensi kerajaan bagi menjalankan pelan tindakan bagi menangani insiden penderaan seksual terhadap kanak-kanak di negara. Perlindungan kanak-kanak perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin untuk mengelakkan kesan-kesan buruk ini dari berlaku kepada golongan kanak-kanak.

## **BAB 4: PERANAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN BRUNEI DALAM MEMBERIKAN PERLINDUNGAN MANGSA PENDEREAAN SEKSUAL KANAK-KANAK**

### **4.1 Pengenalan**

Dalam menangani isu penderaan terutamanya seksual terhadap kanak-kanak di Brunei, Kementerian Kesihatan terlebih dahulu menujuhan *The Hospital Children and Young Adults/Person Protection Committee* (HCYPPC) yang kemudiannya ditukar kepada Komiti Perlindungan Kanak-Kanak (KPK) di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM). Komiti ini merupakan sebuah pendekatan gabungan agensi-agensi termasuk unit penguatkuasaan undang-undang bersama bergabung tenaga untuk membantu dan melindungi mangsa kanak-kanak.<sup>172</sup>

Antara ahli Komiti Perlindungan Kanak-Kanak yang berperanan dan bertanggungjawab dalam menyusun strategi untuk mengatasi isu penderaan kanak-kanak dari terus merebak, adalah Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak dari Polis Diraja Brunei, Jabatan Pembangunan Masyarakat dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Perkhidmatan Kebajikan Perubatan di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha bersama dengan Konsultan Pediatrik dari Kementerian Kesihatan, Jabatan Peguam Negara dan agensi-agensi lain yang berkaitan. Bagi mencapai objektif ini, pengkaji menemu bual wakil dari agensi-agensi yang direkomendasikan kepada pengkaji, kesemua yang ditemu bual merupakan agensi yang paling utama dalam Komiti Perlindungan Kanak-Kanak di Brunei.

---

<sup>172</sup> Child Online Protection National Strategy Framework For Brunei Darussalam, 3<sup>rd</sup> edition April 2015 [http://www.japem.gov.bn/Themed/cop/cop\\_2015.pdf](http://www.japem.gov.bn/Themed/cop/cop_2015.pdf).

#### **4.2 Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak di Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei**

Menerusi temu bual bersama ASP Amerol memberitahu bahawa Unit Siasatan Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak ditubuhkan pada 1 April 1997. Fokus unit ini berperanan untuk menyisihkan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak, termasuk lelaki asalkan ada hubungan suami isteri dan hubungan dalam keluarga. Misi unit ini adalah untuk memerangi keganasan kanak-kanak, memelihara hak wanita dan kanak-kanak, menjaga remaja dari masalah gejala sosial di Brunei.

Fungsi utama unit penyiasatan ini terbahagi kepada 5 bahagian utama, iaitu:

a) Keganasan Rumahtangga

Keganasan rumahtangga ini melibatkan suami isteri, ibu bapa kandung, bapa tiri, bapa angkat, nenek, mertua, saudara-mara, ipar dan seumpamanya asal ada hubungan keluarga dengan mangsa adalah termasuk dalam kategori pertama.

b) Penderaan Kanak-Kanak dan Remaja

Penderaan ini melibatkan kanak-kanak bawah umur, contohnya kes guru memukul pelajar kanak-kanak, orang tua memukul kanak-kanak yang mana orang dewasa si pelakunya dan kanak-kanak mangsanya. Kategori kedua ini dikatakan sebagai penderaan fizikal.

c) Kesalahan Seksual

Antara kesalahan penderaan seksual adalah kesalahan rogol, sumbang mahram, menjatuhkan maruah, persetubuhan bawah umur atau *Unlawful Carnal Knowledge* dan kesalahan luar tabii'.

d) Pembuangan Anak Kecil

Berlakunya pembuangan anak kecil disebabkan oleh kes rogol, sumbang mahram atau pun perhubungan seksual berlaku atas dasar suka sama suka tetapi oleh sebab takut dan malu dengan keluarga dan masyarakat membuatkan dirinya bertindak untuk membuang anaknya sama ada secara kejam atau pun tidak.

e) Remaja Perempuan bermasalah

Kategori ini melibatkan remaja perempuan yang berumur 16 tahun ke bawah. Mereka ini diadukan sendiri oleh ahli keluarga ke pihak Polis kerana terjebak dalam masalah sosial yang tidak dapat dikawal lagi.

#### **4.2.1 Prosedur Penyiasatan Dalam Kes Penderaan Seksual Kanak-Kanak**

Dalam menangani isu penderaan kanak-kanak tidak kira apa sahaja bentuk penderaan, prosedur penyiasatannya adalah pegawai penyiasat mula-mula sekali menerima laporan daripada pelbagai pihak, sama ada melalui pihak sekolah, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Perkhidmatan Kebajikan Perubatan dan seumpamanya. Kemudian pegawai penyiasat akan berjumpa dan menemu bual mangsa kanak-kanak dengan menggunakan rakaman video dan anak patung yang dipanggil *Anatomical dolls*. Anak patung itu akan digunakan bagi memudahkan mangsa untuk menceritakan apa yang berlaku sebab kanak-kanak ini susah untuk bercerita dengan pengetahuannya yang terhad. Mangsa boleh menerangkan apa yang berlaku kepada penyiasat seperti bagaimana pelaku membuka baju dan seluarnya, cara dia menyentuh alat kelaminnya, bagaimana pergerakannya, semua pembentukan di anak patung tersebut akan ditanya dengan penuh terperinci. Kemudian rakaman video itu akan dibawa ke mahkamah untuk digunakan bagi mentafsirkan apa yang dilakukan oleh pelaku terhadap mangsa semasa kejadian. Ringkasnya, unit ini berperanan sebagai penyiasat dan membuat tangkapan terhadap

suspek penderaan dengan kerjasama agensi-agensi tertentu untuk tindakan undang-undang.

#### **4.2.2 Khidmat Perlindungan Yang Diberikan oleh Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak**

Menurut ASP Amerol, perlindungan yang mereka dapat berikan adalah ketika berlaku sesuatu kejadian di rumah atau di mana-mana tempat, contohnya kejadian kes rogol yang berlaku antara bapa dan anak, sudah setentunya rumah tersebut tidak lagi selamat bagi mangsa untuk menetap di sana selagi bapanya ada. Anak itu perlu dikeluarkan dan ditempatkan sama ada di rumah sakit atau pun Kompleks Rumah Kebajikan buat sementara waktu. Tetapi kalau sekiranya si pelaku sudah dikeluarkan dari rumah itu, mangsa boleh balik semula tetapi pihak polis jarang untuk membenarkannya balik ke rumah sebab ditakuti ia digangu oleh adik beradik dan ibunya sendiri untuk menggugurkan kes terhadap si pelaku. Justeru itu, pihak polis mengambil langkah berhati-hati walaupun mangsa selamat untuk balik ke rumah, mereka tetap menempatkannya di KRK untuk langkah perlindungan sehingga proses penyiasatan selesai dan lancar dijalankan dengan memberikan hukuman kepada si pelaku tadi.

#### **4.3 Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS)**

Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) merupakan sebuah jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang bermatlamat untuk memelihara kemaslahatan ahli masyarakat yang bekeperluan khas sama ada dari segi bantuan kewangan, tempat perlindungan dan perkhidmatan seumpamanya.<sup>173</sup>

---

<sup>173</sup> Jabatan Pembangunan Masyarakat, “Visi, Misi dan Matlamat” laman sesawang Jabatan Pembangunan Masyarakat, dicapai 7hb Januari 2018, <http://www.japem.gov.bn/TheMed/infojabatan/matlamat.htm>.

Jabatan ini memiliki unit tersendiri, antaranya unit bahagian keluarga yang mengendalikan kes-kes yang berkaitan dengan penceraian, nafkah, penjagaan anak dan juga perkara yang berhubung dengan kes-kes penderaan terhadap isteri dan wanita. Begitu juga dengan keterlibatan mereka dalam kes penganiayaan seks dan sebagainya dikendalikan oleh bahagian ini.<sup>174</sup>

JAPEM juga memiliki Unit Kanak-Kanak yang dibentuk bertujuan untuk mencegah kanak-kanak dari terjebak dalam masalah sosial masyarakat dan juga untuk melindungi mereka apabila berlaku kes penderaan.<sup>175</sup> JAPEM dianggap sebagai pelindung kanak-kanak di Brunei mengikut akta yang digunakan iaitu Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219 (*Children and Young Persons' Act CAP. 219*). Maka Pengarah JAPEM merupakan pelindung utama dan secara tidak langsungnya Unit Kanak-Kanak adalah wakil kepada pelindung dalam bertindak dengan isu penderaan kanak-kanak yang berlaku di Brunei. Mereka ini dianggap agensi fokal yang mengetuai sebarang perbincangan berkaitan dengan isu kanak-kanak di Brunei.<sup>176</sup>

#### **4.3.1 Prosedur Dalam Menangani Kes Penderaan Seksual Kanak-Kanak:**

Menurut Tuan Tauhiduddin, JAPEM menerima laporan atau aduan kes dari beberapa agensi kerajaan dan juga orang ramai. Sekiranya pihak JAPEM menerima kes dari Perkhidmatan Kebajikan Perubatan, mereka akan menjalankan pendekatan sama ada di jabatan sendiri atau pun mereka pergi ke rumah kanak-kanak tersebut, apabila mereka mendapati adanya unsur-unsur penderaan atau pun didapati kanak-kanak tersebut tidak selamat untuk menetap di tempat tinggal mereka, pihak JAPEM akan melakukan tindakan

---

<sup>174</sup> Jabatan Pembangunan Masyarakat, "Keluarga dan Kanak-Kanak" laman sesawang Jabatan Pembangunan Masyarakat, dicapai 7hb Januari 2018, <http://www.japem.gov.bn/Themed/perkhidmatan/family.htm>.

<sup>175</sup> Ibid.

<sup>176</sup> Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Bahagian IV, Bab 16).

perlindungan selanjutnya. Pihak JAPEM yang akan menentukan sama ada mangsa perlu ditempatkan di Kompleks Rumah Kebajikan untuk penempatan sementara atau tidak. Sekiranya perlu melibatkan pihak polis, kes ini akan dirujuk ke Unit Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Polis Diraja Brunei untuk siasatan selanjutnya. Pihak JAPEM lazimnya sentiasa berhubung dengan kedua-dua agensi tadi dalam sama-sama mengendalikan kes yang melibatkan kanak-kanak. JAPEM juga ada menerima laporan dari orang awam sekiranya mereka mendapati atau mensyaki apa-apa sahaja isu berhubung dengan masalah sosial atau pun penderaan melalui talian helpline kebajikan 141.

#### **4.3.2 Khidmat Perlindungan Yang Disediakan oleh JAPEM**

Menerusi temu bual bersama Tuan Tauhiduddin, kalau kanak-kanak didera, JAPEM menyediakan Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) untuk penempatan sementara. KRK ada diperjelaskan dalam sub topik 4.6.

Sekiranya dalam kes mangsa mengandung dan masih bersekolah, tindakan JAPEM adalah kalau mangsa dan keluarganya didapati tidak sesuai dan tidak layak untuk menjaga anak yang bakal lahir itu, JAPEM selalunya akan mengasuhkan dan memberikan anak tersebut kepada orang lain yang berkemampuan dan berkelayakan untuk menjaganya.

Unit Kanak-Kanak Pembangunan Masyarakat yang akan menjalankan segala proses pengurusan dengan pihak polis supaya pelaku ditangkap, proses penilaian dari segi kapasiti kewangan, cara penjagaan, tempat tinggal bersih dan sesuai, pencarian saudara-mara yang sesuai untuk ditempatkan sementara, membawa mangsa untuk pemeriksaan kesihatan ke rumah sakit, menyediakan kaunseling dan sebagainya.

#### **4.4 Perkhidmatan Kebajikan Perubatan, Kementerian Kesihatan**

Menerusi temu bual bersama Puan Dk Nurizni, peranan mereka sebagai bahagian dari kumpulan pelbagai multidisiplin rumah sakit adalah memastikan kebajikan kanak-kanak tersebut terjaga dengan menjalankan satu penilaian holistik dengan melihat keadaan sosialnya dan seterusnya menetapkan intervensi yang sewajarnya. Langkah intervensi itu termasuk berhubung dengan pihak polis dan pihak JAPEM memandangkan kedua agensi ini adalah agensi utama untuk mengaktifkan protokol perlindungan kanak-kanak.

##### **4.4.1 Prosedur Perkhidmatan Kebajikan Perubatan dalam Menangani Aduan Penderaan Seksual Kanak-Kanak**

Mereka menerima kes rujukan utama dari unit kecemasan, wad-wad atau pun klinik. Pada masa yang sama juga, mereka menerima kes dari pihak polis, JAPEM dan juga Jabatan Sekolah-Sekolah. Sekiranya aduan diterima dari rumah sakit kerana pesakit disyaki telah didera, dengan itu, pihak doktor kanak-kanak atau pediatrik akan merujuk ke Perkhidmatan ini untuk membuat penilaian yang dipanggil sebagai *Bio Psychosocial Assessment*.

*Bio Psychosocial Assessment* adalah penilaian terperinci, komprehensif dan holistik yang merangkumi penilaian terhadap keadaan kesihatan, emosi, sosioekonomi dan persekitaran kanak-kanak yang terbabit. Pihak Perkhidmatan Kebajikan Perubatan seterusnya akan menemubual pesakit bergantung kepada umurnya, ahli keluarganya, penjaganya atau sesiapa sahaja yang relevan dengan kes tersebut. Setelah pesakit selesai diperiksa, pesakit akan ditahan di rumah sakit sebagai tempat keselamatan buat sementara waktu. Pada masa yang sama, pihak rumah sakit ada menyediakan *practical health* dan memberikan kaunseling sokongan untuk memberikan pemahaman berkenaan dengan polisi perlindungan kanak-kanak kepada mangsa yang terbabit dan penjaganya. Kalau sekiranya perlu kaunseling berbentuk terapi, mereka akan dirujuk ke pakar psikologi dan

psikiatri. Pegawai-pegawai kebajikan perubatan ini lah yang akan membantu mereka menjalani proses pengurusan dengan agensi-agensi tertentu.

#### **4.5 Jabatan Peguam Negara**

Peguam Negara merupakan penasihat utama undang-undang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam kes-kes sivil dan jenayah. Yang Berhormat (YB) juga bertanggungjawab dalam penggubalan undang-undang dengan kerjasama menteri-menteri kerajaan Brunei dan mempunyai kuasa di bawah artikel 81 dalam Perlembagaan Brunei sama ada untuk membentuk, menjalankan atau memberhentikan sebarang perbicaraan selain daripada perbicaraan di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Tentera.<sup>177</sup>

Sehubungan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak, Jabatan Peguam Negara merupakan salah satu ahli Kumpulan Bertindak Perlindungan Kanak-Kanak di bawah Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda dan merupakan agensi bagi tindakan undang-undang kesalahan penderaan terhadap kanak-kanak. Menurut Puan Hjh Rozaimah, bagi mengukuhkan lagi undang-undang Brunei dalam perlindungan kanak-kanak daripada isu eksplorasi seksual, perintah pindaan terhadap Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 telah dibuat dan berkuatkuasa pada 24hb Mac 2012. Dengan perintah ini, kesalahan-kesalahan baru dan peruntukan yang sedia ada dipinda, pindaan tersebut termasuk bab 377(b) *Engaging in sexual activity in the presence of a person under the age of 16* dan bab 377C *Causing a person under the age of 16 to watch a sexual act*.

---

<sup>177</sup> Public Officers' Law Seminar: Understanding the Law 26<sup>th</sup> and 27<sup>th</sup> October 2016 <http://www.agc.gov.bn/SiteAssets/SitePages/Presentation%20Slides/Perlembagaan.pdf>, 17-18.

#### **4.6 Kompleks Rumah Kebajikan (KRK)**

Melalui temu bual bersama Puan Hajah Alus, menjelaskan bahawa Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) merupakan institusi kerajaan di bawah JAPEM yang disediakan untuk menempati individu yang memerlukan perlindungan dari kes penderaan atau pengabaian dan juga sebagai tempat pemulihan dan bimbingan bagi individu bermasalah sosial.

KRK (Unit Perlindungan) adalah rumah penempatan sementara bagi memberikan keselamatan dan perlindungan kepada sesiapa sahaja sama ada dewasa, kanak-kanak lelaki dan perempuan, kanak-kanak kecil yang terlibat dalam masalah keluarga seperti didera fizikal, seksual, emosi, terabai dan juga termasuk anak yang dibuang (anak laqit). Selain memberikan penjagaan dan perlindungan sementara, unit perlindungan juga menyediakan bimbingan dan latihan kepada penghuni dan residen agar menjadi individu berakhhlak mulia dan berdisiplin serta membantu untuk membentuk keperibadian mereka dengan meningkatkan kepercayaan diri dan keyakinan sebelum kembali semula ke pangkuan keluarga dan juga masyarakat.<sup>178</sup>

Akta dan perintah yang digunakan bagi melindungi dan menempatkan kes-kes adalah:

- a) Akta Perlindungan Bagi Perempuan-Perempuan dan Gadis-Gadis (Penggal 120)
- b) Perintah Kanak-Kanak dan Orang Muda 2006
- c) Perintah Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan) 2010
- d) Perintah Akta Perempuan-Perempuan Bersuami (Pindaan) 2010

---

<sup>178</sup> Lampiran nota diberikan oleh Puan Hajah Alus Binti Kula (Penolong Pengguna Rumah Kebajikan, Kompleks Rumah Kebajikan) dalam temu bual bersama penulis di lokasi Kompleks Rumah Kebajikan, 29hb November 2017.

Manakala Peraturan-Peraturan yang berhubungkait dengan Akta dan Perintah berkenaan adalah seperti berikut:

- a) Aturan-Aturan Perlindungan Bagi Perempuan-Perempuan dan Gadis-Gadis (Tempat Keselamatan) 2010
- b) Peraturan Kanak-Kanak dan Orang Muda (Tempat Keselamatan) 2010.<sup>179</sup>

#### **4.6.1 Prosedur Kemasukan Penghuni dan Residen ke KRK**

Menurut Puan Hajah Alus, prosedur kemasukan ke KRK adalah sama ada atas perintah daripada mahkamah Sivil atau Syariah untuk tempoh tertentu sementara disiasat kedudukan dan keadaan keluarganya, sekiranya tidak ada ahli keluarga yang sesuai untuk menjaganya, baru diperintahkan oleh pihak mahkamah untuk masuk ke KRK. Kemudian jika pihak JAPEM mampu mencari keluarga yang sesuai untuknya, baru lah ditamatkan penempatan sementaranya di sini. Pihak JAPEM seboleh-bolehnya berusaha untuk tidak memasukkannya di sini, penempatan di KRK dikira sebagai pilihan terakhir sekiranya tidak ada tempat selamat untuknya tinggal terutama sekali bagi kes sumbang mahram kerana ditakuti mangsa dipujuk-pujuk oleh ahli keluarga supaya menggugurkan kes dan seumpamanya.

Proses kemasukan juga boleh berlaku atas perintah Pesuruhjaya atau Pelindung iaitu Pengarah JAPEM melalui rujukan daripada agensi-agensi kerajaan seperti Polis, Rumah Sakit dan Jabatan Sekolah.

#### **4.6.2 Tempoh Perlindungan di KRK:**

Bagi residen kanak-kanak, perintah ditempatkan di sini sehingga umurnya 18 tahun sahaja, selepas itu mesti dikeluarkan dari KRK kerana umur 18 tahun sudah dianggap

---

<sup>179</sup> Ibid.

mampu berfikir dan berusaha sendiri untuk menyara kehidupannya tanpa bantuan KRK lagi. Tetapi menurut Tuan Tauhiduddin, setelah umur 18 tahun, sekiranya berlaku kes, kesnya tidak lagi dirujuk ke unit kanak-kanak tetapi kepada unit keluarga untuk tindakan selanjutnya.

#### **4.6.3 Jenis Rumah-Rumah Perlindungan di KRK:**

##### ***(a) Taman Noorhidayah 2***

Rumah perlindungan dan penjagaan bagi penghuni perempuan-perempuan dan gadis-gadis yang berumur di bawah 21 tahun iaitu yang menjadi mangsa penderaan, penganiayaan, pengabaian dan masalah keluarga.

##### ***(b) Darussakinah Putera***

Rumah perlindungan dan penjagaan khusus buat kanak-kanak lelaki yang berumur di bawah 18 tahun dan menjadi mangsa kepada kes-kes penderaan, pengabaian dan masalah keluarga.

##### ***(c) Darussakinah Puteri***

Rumah perlindungan dan penjagaan khusus buat kanak-kanak perempuan di bawah umur 18 tahun yang terlibat dalam kes-kes pengabaian, penganiayaan, penderaan dan masalah keluarga.

Bagi Rumah Perlindungan Darussakinah Putera dan Puteri kedua-duanya khusus ditempatkan bagi mangsa kanak-kanak di bawah perintah mahkamah Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda selagi mana belum ada tempat yang sesuai untuknya tinggal sehingga umurnya 18 tahun.

Kesemua rumah perlindungan dibentuk dengan konsep suasana dalam rumah (*homely environment*) mengikut kategori kes:

- (a) Penderaan Isteri dan anak-anak (berkeluarga)
- (b) Penderaan kanak-kanak lelaki dan perempuan (secara individu)
- (c) Penderaan perempuan dan lelaki remaja (secara individu)

#### **4.6.4 Perkhidmatan Yang Disediakan di KRK**

Khidmat Penjagaan dan Kemudahan yang disediakan oleh KRK adalah seperti berikut:

- (a) Tempat Tinggal
- (b) Makan dan Minum
- (c) Pakaian
- (d) Keperluan Harian
- (e) Penjagaan Kesihatan dan Perubatan
- (f) Menerima lawatan dari keluarga penghuni dan residen.

Menurut Puan Hajah Alus, khidmat penjagaan adalah 24 jam mesti sentiasa ada penjaga untuk memastikan kesejahteraan penghuni dan residen. Ada tukang masak, pengawas, penjaga ikut shif dan tenaga pengajar bagi kelas-kelas agama. Residen juga dihantar oleh penjaga KRK untuk belajar di sekolah rendah dan menengah yang berdekatan. Sekiranya penghuni dan residen ada masalah kesihatan dan kecederaan, mereka akan dihantar ke rumah sakit dengan serta merta, kerana itu penjaga mesti sentiasa ada untuk memantau keadaan mereka. Sebelum masuk dan selepas tamat tempoh penempatan memang disyaratkan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan terlebih dahulu.

Turut disediakan beberapa program dan aktiviti yang berbentuk dalaman dan luaran seperti berikut:

- (a) Dalaman iaitu seperti mengadakan kelas-kelas ugama, kelas bimbingan moral, usrah dan kuliah ugama, kaunseling secara individu, berkelompok dan keluarga, kelas computer, kelas kemahiran diri dan vokasional seperti urusan rumahtangga,

kraftangan, tenunan, songkok, aktiviti melukis dan berkebun. Permainan sukan dalam dewan, berkawad, bersenam robik dan juga menonton wayang.

- (b) Luaran pula iaitu kelas akademik di peringkat rendah dan menengah, aktiviti berenang, membuat lawatan ke tempat-tempat menarik dan sukan.

Menurut Puan Hajah Alus, waktu-waktu bulan puasa, hujung tahun, unit perlindungan seringkali menerima sumbangan kewangan dan sedekah berupa barang keperluan asas harian, pakaian, barang kelengkapan sekolah dan sebagainya dari agensi-agensi bukan kerajaan seperti Persatuan Wanita, Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM), kedai-kedai buku di Brunei dan banyak lagi. Banyak persatuan menjemput unit perlindungan contohnya untuk sama-sama mengaji al-Quran dan acara-acara makan luar untuk berbuka puasa di Bulan Ramadhan.

Pihak kerajaan juga ada menyediakan tabung KRK derma kewangan yang ditempatkan di JAPEM. Pada masa yang sama, KRK juga ada tabung sendiri yang dipanggil tabung kanak-kanak sekolah, kerana kanak-kanak yang dimasukkan ke KRK kebanyakannya dari keluarga yang tidak mampu, ibu bapanya tidak bekerja, ibu bapa yang masuk Pusat al-Islah, pusat rawatan dan pemulihan bagi penagih dadah atau ada yang masuk penjara. Maka KRK akan menggunakan tabung tersebut jika benar-benar diperlukan untuk menanggung perbelanjaan mereka.

Puan Hajah Alus juga memberitahu pihak KRK ada menerima lawatan dari ahli keluarga yang dibenarkan sahaja. Kalau bagi kes sumbang mahram, memang pelaku tidak dibenarkan melawat. Menurut Puan Hajah Alus juga, sekiranya si pelaku sumbang mahram dijatuhkan hukuman penjara, pihak KRK akan terus berusaha untuk mencari siapa yang layak dan sanggup menjaga si mangsa, kalau tidak, sampailah umurnya 18 tahun dia akan terus menetap di sana.

Menurut Tuan Tauhiduddin, sekiranya mangsa mengandung dan masih lagi bersekolah, kes ini akan dibawa ke meja perbincangan di antara ahli Komiti Perlindungan Kanak-Kanak, selain JAPEM, juga termasuk Perkhidmatan Kebajikan Perubatan, pakar pediatrik, pakar psikologi, Jabatan Sekolah-Sekolah, Polis dan Jabatan Peguam Negara. Contohnya, dari pihak sekolah-sekolah, apa tindakan yang perlu diambil untuk memastikan kanak-kanak tersebut bersekolah selepas melahirkan, kalau dibuang sekolah, umur pun masih lagi muda, besar kemungkinan ia termasuk dalam bulatan orang-orang yang tercicir yang berisiko menimbulkan lebih banyak masalah sosial yang lain. Dari pihak JAPEM pula, besar kemungkinan bayi tersebut diambil dan diasuhkan kepada orang yang layak dan sesuai untuk menjaganya walaupun ada masanya keluarga tidak mahu mengasuhkan sebab mereka rasa mampu untuk menjaganya tetapi sebenarnya tidak berkemampuan untuk menjaga bayi tersebut. Mangsa pun cuba dipujuk untuk mengasuhkan anaknya agar kehidupan anaknya lebih terjamin dan terpelihara.

#### **4.7 Permasalahan dan Kekurangan Yang Dihadapi oleh Komiti Perlindungan Kanak-Kanak**

Menerusi temu bual bersama dengan kesemua wakil agensi kerajaan, berikut adalah antara isu-isu utama yang timbul dalam memberikan khidmat perlindungan terhadap mangsa penderaan seksual kanak-kanak di Brunei:

- (a) Kekurangan Pakar.

Menurut Dr. Hjh Mawarni, Brunei kekurangan pakar dalam menangani kes-kes penderaan kanak-kanak, pakar diperlukan untuk membimbing dan membuat kursus untuk kakitangan kerajaan terutamanya mereka yang berinteraksi langsung dengan kanak-kanak. Paling penting bagi beliau, kepakaran dan kemahiran itu perlu ada supaya dapat berdepan dengan mangsa kanak-kanak dan menyelesaikan masalah secara profesional.

Puan Dk Nurizni juga bersetuju institusi kerajaan yang sepatutnya menjadi ketua dalam perlindungan kanak-kanak juga kekurang kakitangan pakar yang terlatih.

(b) Kekurangan kakitangan.

Setiap agensi memiliki masalah kekurangan kakitangan kerja, seperti JAPEM hanya memiliki lebih kurang 6 orang tenaga kerja dari Unit Kanak-Kanak, Perkhidmatan Kebajikan Perubatan pula mempunyai seorang pegawai sahaja khusus untuk menangani kes-kes penganiayaan kanak-kanak. Begitu juga menurut Puan Hajah Alus, mereka perlu bijak menyusun jadual kerja, dan masalah ini semakin terasa kalau sekiranya lebih ramai mangsa masuk ke Kompleks Rumah Kebajikan yang menyebabkan kesukaran untuk memberikan pemerhatian dan pengawasan sepenuhnya kepada mangsa. Kekurangan ini menyebabkan ketidaklancaran pengendalian kes-kes penderaan, lewat untuk bertindak, proses pengurusan pun menjadi lama dan lambat untuk diselesaikan.

(c) Kurang komunikasi sesama agensi kerajaan.

Menerusi temu bual bersama Tuan Tauhiduddin, beliau menekankan kepentingan untuk mewujudkan *Standard Operating System* (SOP) yang teratur, supaya setiap agensi tahu memainkan peranan masing-masing dan sedia maklum apa yang perlu dilakukan, sekaligus untuk mengelakkan sebarang kesalahfahaman antara mereka. Tanpa SOP, proses pengendalian kes boleh menimbulkan kecelaruan dan kurang persefahaman antara kakitangan dari agensi-agensi kerajaan.

(d) Kesukaran untuk melaksanakan beberapa pelan strategi tindakan perlindungan kanak-kanak.

Strategi seperti rangka kerja *Child Online Protection Framework*, masih belum dilaksanakan sepenuhnya sebagaimana yang dirancang kerana kekurangan sumber dan

penyelidikan. Rangka kerja ini melibatkan beberapa buah kementerian negara dari pendidikan, perundangan, kesihatan dan seumpamanya bagi menjayakan rancangan perlindungan kanak-kanak ini. Dari sudut perundangan, undang-undang Syariah Hudud belum dijalankan kerana perlunya penguatkuasa ugama, peguam syarie, orang yang akan menjalankan hukuman hendaklah yang betul-betul berkelayakan. Apabila Hudud dikuatkuasakan, kanak-kanak akan dilindungi sepenuhnya, kes-kes penderaan pun akan berkurang di Brunei.

#### (e) Kesulitan Dalam Menangani Kes

Menurut Puan Hjh Rozaimah, kesulitan yang dialami oleh pihak pengamal undang-undang adalah berusaha untuk menyakinkan mangsa untuk membuat aduan kepada mereka supaya tidak merasa takut dan tetap meneruskan kes. Untuk menyakinkan mereka supaya meluahkan apa yang terjadi kepada pihak autoriti pun susah dan untuk tampil di hadapan mahkamah pun sukar sebab ia bermain dengan emosi kanak-kanak. Lebih-lebih lagi ada juga yang menggugurkan kes atas pujuhan dan desakan dari ibunya sendiri, kes yang sampai berbulan-bulan pun terpaksa digugurkan.

### **4.8 Kesimpulan**

Setelah meneliti usaha agensi-agensi kerajaan daripada Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Perkhidmatan Kebajikan Perubatan, Kompleks Rumah Kebajikan dan Jabatan Peguam Negara, masing-masing telah memainkan peranan dan tanggungjawab mereka dalam memberikan perlindungan terhadap mangsa kanak-kanak di Brunei.

Bab ini menumpukan kepada prosedur setiap agensi kerajaan ketika menghadapi kes penderaan seksual terhadap kanak-kanak, setakat ini jelas agensi kerajaan memandang berat kepada isu penderaan ini dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan

kesihatan, kaunseling dan tempat perlindungan sementara untuk mangsa dera. Walaupun begitu, para informan turut menyatakan permasalahan dan kekurangan yang dihadapi oleh mereka terutamanya dari sudut kepakaran dan kekurangan tenaga kerja di Brunei. Jalan penyelesaian perlu difikirkan bagi memantapkan lagi perlindungan yang sedia ada yang mana ianya bukan sahaja melibatkan selepas penderaan berlaku, tetapi perlu difikirkan juga aspek pencegahannya, oleh kerana itu faktor-faktor berisiko perlu ditangani dengan sebaiknya untuk mengelakkan penderaan ini berlaku terhadap kanak-kanak.

## **BAB 5: RESPON UNDANG-UNDANG BRUNEI DALAM MENANGANI ISU PENDEREAAN SEKSUAL KANAK-KANAK**

### **5.1 Pengenalan**

Bab ini menumpukan kajian berkenaan dengan perlindungan mangsa kanak-kanak seksual dan hukuman kepada pendera dari sudut perundangan Brunei. Perlindungan yang diperuntukkan merupakan perlindungan selepas terjadinya penderaan terhadap mangsa kanak-kanak. Manakala peruntukan bagi kesalahan-kesalahan seksual dikira sebagai faktor pelindung dan pencegahan sebelum masalah sosial ini semakin berleluasa. Brunei mengamalkan dua sistem perundangan iaitu undang-undang Sivil dan Syariah. Perundangan Syariah meliputi hal ehwal kekeluargaan sahaja seperti perkahwinan, perceraian, persetubuhan luar nikah, khalwat, hak penjagaan anak dan seumpamanya tidak termasuk perkara yang dikenakan hudud dan qisas. Bagi kesalahan rogol secara khususnya hanya terdapat peruntukannya dalam undang-undang Sivil. Bab ini akan bermula daripada Perintah Kanak-Kanak 2000, Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219, Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak dan Orang Muda (Tempat Keselamatan) 2010, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 dan pindaan-pindaan 2012 dan 2017 dan akhir sekali menjelaskan perkembangan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 kerana di bawahnya terdapat beberapa peruntukan khusus berkenaan dengan kesalahan-kesalahan seksual.

### **5.2 Sorotan Ringkas Perkembangan mengenai pengubalan undang-undang Brunei berkaitan dengan penderaan kanak-kanak di Brunei Darussalam**

Pada tahun 1991, masyarakat Brunei telah dikejutkan dengan berita kes seorang kanak-kanak lelaki yang didera oleh saudaranya terdekat. Mangsa pada waktu itu mengalami kecederaan teruk yang mana anggota tubuhnya patah dan terdapat kesan terbakar akibat dicucuh puntung rokok di kulitnya. Kes ini merupakan kes yang pertama sekali disiarkan

dan disebarluaskan kepada seluruh masyarakat di Brunei.<sup>180</sup> Ini menunjukkan bahawa Brunei memang tidak terlepas dari masalah sosial yang membengkak negara-negara lain dan besar kemungkinan terdapat banyak lagi kes yang belum dirungkai sebelumnya.

Pada waktu itu, Brunei belum mempunyai undang-undang tertentu bagi mengendalikan isu yang berkaitan dengan keganasan terhadap kanak-kanak atau pun keluarga, tetapi itu tidak bererti sesiapa pun boleh lari dengan kesalahan yang dilakukan terhadap ahli keluarganya. Pendakwaan terhadap suspek pada tahun-tahun sebelumnya menggunakan undang-undang yang sedia ada iaitu Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 khususnya dalam kesalahan mencederakan dan melakukan pembunuhan.<sup>181</sup>

Dalam menangani isu berkenaan dengan keganasan dan penderaan terhadap kanak-kanak, Brunei telah menyertai beberapa persetujuan antarabangsa seperti Konvensyen Hak Kanak-Kanak (KHKK) pada 27 Disember 1995 dan juga *The Organisation of Islamic Cooperation's Covenant on the Rights of the Child in Islam* (OICCR).<sup>182</sup>

Dalam artikel 19 dan 34 dari dokumen KHKK menyatakan bahawa setiap negara hendaklah membentuk perundangan, pentadbiran, sosial dan pendidikan yang sejajar untuk melindungi kanak-kanak dari segala bentuk bahaya<sup>183</sup>:

*“Article 19*

*State Parties shall take all appropriate legislative, administrative, social and educational measures to protect the child from all forms of physical or mental violence,*

---

<sup>180</sup> Pg. Hjh. Zabaidah binti Pg. Hj. Kamaluddin, “Child and Family Violence, Brunei Darussalam (Legal Aspects)” (AWCO Forum, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, 5 April 1997).

<sup>181</sup> Ibid.

<sup>182</sup> Amy Young et al., 8.

<sup>183</sup> Convention on the Rights of the Child, (Article 19 dan 34).

*injury or abuse, neglect or negligent treatment, maltreatment or exploitation, including sexual abuse, while in the care of parent(s), legal guardian(s) or any other person who has the care of the child.*

#### *Article 34*

*State Parties undertake to protect the child from all forms of sexual exploitation and sexual abuse. For these purposes, States Parties shall in particular take all appropriate national, bilateral and multilateral measures to prevent:*

- (a) The inducement or coercion of a child to engage in any unlawful sexual activity;*
- (b) The exploitative use of children in prostitution or other unlawful sexual practices;*
- (c) The exploitative use of children in pornographic performances and materials."*

Brunei merupakan sebuah negara yang berideologikan Melayu Islam Beraja. Sebagaimana Islam sebagai agama rasmi negara, Brunei sentiasa mendukung prinsip Islam dengan memastikan semua amalan dan sistem perundangan negara patuh kepada hukum-hukum syari'i dan etika Islam. Sehubungan dengan menyertai KHKK 1989, Brunei diberikan hak pengecualian oleh PBB bagi menerima peruntukan-peruntukan yang bercanggah dengan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dan prinsip Islam yang dipegang oleh negara.<sup>184</sup>

Dengan penyertaan Brunei sebagai ahli kepada KHKK 1989 untuk menegakkan hak kanak-kanak, negara telah menggubal undang-undang baru khusus untuk melindungi kanak-kanak yang dianiaya, undang-undang tersebut dinamakan sebagai Perintah Kanak-Kanak 2000.

---

<sup>184</sup> Hasnah Hassan, 84.

### 5.3 Perintah Kanak-Kanak 2000

Perintah Kanak-Kanak 2000 digubal untuk mengadakan peruntukan bagi tujuan pemeliharaan, keselamatan dan perlindungan kanak-kanak dari dianaya. Kanak-kanak di bawah perintah ini ditafsirkan sebagai seorang yang berumur 18 tahun ke bawah. Perlindungan kanak-kanak bermaksud kanak-kanak yang didera secara **fizikal**, **emosi** dan **seksual** sebagaimana dinyatakan dalam bab 2<sup>185</sup>:

- (a) Seseorang kanak-kanak dicederakan secara **fizikal** jika terdapat kecederaan yang nyata dan dapat dilihat pada mana-mana bahagian badan kanak-kanak itu akibat dari penggunaan kekerasan yang disengajakan atau alat terhadap badan kanak-kanak itu yang dibuktikan dengan, antara lainnya, luka melebet, lebam, melelas, parut, patah atau kecederaan tulang yang lain, terkehel, terseliuh, perdarahan, pecah likat, meleput, melecur, kehilangan rambut atau mana-mana gigi;
- (b) Seseorang kanak-kanak perasaannya terluka jika terdapat kelemahan yang nyata dan dapat dilihat pada fungsi mental atau perasaan kanak-kanak itu yang dibuktikan dengan, antara lainnya, gangguan mental atau tingkah laku, termasuk kegelisahan, kemuraman, perangai menyisihkan diri, suka berkelahi atau perkembangan terbantut;
- (c) Seseorang kanak-kanak dianiyai secara **seksual** jika dia telah mengambil bahagian, sama ada sebagai peserta atau pemerhati, dalam sebarang kegiatan yang bersifat seksual untuk tujuan sebarang bahan, fotograf, rakaman, filem, pita video atau persembahan pornografi, lucah atau cabul atau untuk tujuan

---

<sup>185</sup> Perintah Kanak-Kanak 2000, (Bahagian I, Bab 2).

pengeksploitasi seksual oleh mana-mana orang bagi pemuasan seksual orang itu atau orang lain.

Di bawah perintah ini, Kumpulan Bertindak ke atas Penganiayaan Kanak-Kanak ditubuhkan bagi tujuan untuk menyelaraskan perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak jika memerlukan perlindungan atau disyaki memerlukan perlindungan.<sup>186</sup>

Perintah Kanak-Kanak 2000 memberi hukuman kepada sesiapa yang menganiaya dan mengabaikan kanak-kanak seperti yang dinyatakan dalam bab 26<sup>187</sup>:

(1) Mana-mana orang yang, iaitu orang yang memelihara seseorang kanak-kanak, menganiaya, mengabaikan, membiarkan atau mendedahkan kanak-kanak itu dengan cara yang mungkin menyebabkan fizikalnya tercedera atau perasaannya terluka atau menyebabkan atau membenarkannya dianiaya, diabaikan, dibiarkan atau didedahkan, hendaklah dihukum penjara sehingga 7 tahun dengan 10 kali sebatan atau dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$20,000 atau kedua-duanya sekali.

#### **5.4 Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219 (*Children and Young Persons Act Chapter.219*)**

Perintah Kanak-Kanak 2000 telah dimansuhkan dengan Akta terbaru yang dikenali dengan Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219 yang berkuatkuasa pada tahun 2010. Akta ini merupakan akta utama yang digunakan dalam menangani isu-isu berkaitan dengan kanak-kanak yang dibangun selaras dengan prinsip-prinsip Konvensyen Hak Kanak-Kanak. Di bawahnya, diwujudkan peruntukan khusus untuk memberikan perlindungan dan pemulihan kanak-kanak, penubuhan Mahkamah Juvana dan Kumpulan

---

<sup>186</sup> Perintah Kanak-Kanak 2000, (Bahagian III, Bab 9).

<sup>187</sup> Perintah Kanak-Kanak 2000, (Bahagian VI, Bab 26).

Bertindak Ke Atas Perlindungan Kanak-Kanak atau *Action Teams on Child Protection* (ATOCP) di bawah kelolaan JAPEM.<sup>188</sup>

#### **5.4.1 Tafsiran Kanak-Kanak**

“Kanak-kanak” ditafsirkan sebagai seseorang yang belum mencapai umur 14 tahun dan “Orang Muda” ditafsirkan sebagai seseorang yang mencapai umur 14 tahun tetapi belum mencapai umur 18 tahun.<sup>189</sup> Ini berlainan dengan definisi Perintah Kanak-Kanak 2000 sebelum ini yang menetapkan kanak-kanak sebagai seseorang yang belum mencapai umur 18 tahun. Berdasarkan kepada penerangan yang diberikan oleh ASP Amerol dan Puan Dk Nurizni, seseorang yang belum mencapai umur 18 tahun, masih dikira di bawah kes kanak-kanak kecuali dalam beberapa kesalahan yang tertentu. Penetapan umur ini berbeza dari sudut kesalahan dan hukuman, seperti kesalahan rogol hanya ditetapkan apabila mangsa berumur di bawah 14 tahun secara kemahuannya atau tidak. Namun bagi mangsa yang berumur 14 tahun sehingga 16 tahun dikenakan hukuman bagi kesalahan Persetubuhan Bawah Umur di bawah *Unlawful Carnal Knowledge Act Chapter 29*. Di sini perlunya penjelasan lanjut mengenai tafsiran kanak-kanak agar sesuai seperti yang dinyatakan dalam Artikel 1 KHKK 1989. Kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun melainkan ada peruntukan undang-undang domestik yang meletakkan umur dewasa lebih awal dari 18 tahun.

*“For the purposes of the present Convention, a child means every human being below the age of eighteen years unless, under the law applicable to the child, majority is attained earlier.”<sup>190</sup>*

---

<sup>188</sup> Noramizah Marali, National Statement, Agenda Item 69: Promotion and Protection of The Rights of Children, 72<sup>nd</sup> Session of the United Nations General Assembly, New York, U.S.A, 10 October 2017.

<sup>189</sup> Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219, (Bab 2).

<sup>190</sup> Convention on the Rights of the Child, (Article 1).

#### **5.4.2 Peruntukan-peruntukan Berkaitan dengan Perlindungan Mangsa Kanak-Kanak**

Bagi menangani isu penderaan dan penganiayaan kanak-kanak, Brunei menujuhan Kumpulan Bertindak Ke Atas Perlindungan Kanak-Kanak atau *Action Teams On Child Protection* (ATOCP) sebagaimana diperuntukkan di dalam bab 13 di bawah akta ini.<sup>191</sup> Di bawah ATOCP ini pula terdapat sebuah Komiti bekerja yang dipanggil sebagai Komiti Perlindungan Kanak-Kanak yang terdiri dari pelbagai institusi kerajaan yang berhubung langsung dengan isu penderaan kanak-kanak di Brunei. Antara khidmat perlindungan yang diperuntukkan, adalah:

- (a) Penjagaan Sementara.

Dalam bab 17 (1) mana-mana pelindung atau polis berpendapat bahawa kanak-kanak itu memerlukan perlindungan dengan sebab dikiranya munasabah, dia boleh mengambil kanak-kanak tersebut tanpa waran walaupun dengan paksaan dengan memasukkannya ke tempat perlindungan sementara.<sup>192</sup> Kemudian, bab 56 (1) menyatakan mangsa hendaklah dihadapkan ke Mahkamah Juvana untuk perbicaraan dalam tempoh 3 hari mangsa dibawa keluar.<sup>193</sup>

Sekiranya Mahkamah Juvana berpendapat bahawa kanak-kanak tersebut memang memerlukan perlindungan, Mahkamah berkuasa mengeluarkan perintah untuk menempatkan kanak-kanak tersebut dalam jagaan orang yang berkelayakan menurut tempoh yang ditetapkan oleh Mahkamah dengan tidak melebihi umur 18 tahun. Jika pihak berkenaan tidak menjumpai penjaga yang berkelayakan, Mahkamah akan

---

<sup>191</sup> Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219, (Bab 13).

<sup>192</sup> Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219, (Bab 17 (1)).

<sup>193</sup> Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219, (Bab 56 (1)).

memerintahkannya masuk ke tempat perlindungan selama 3 tahun atau sehingga umurnya 18 tahun atau pun sampai ada ibu bapa angkat yang layak untuk menjaganya.<sup>194</sup>

(b) Tempat Selamat Sementara bagi Mangsa Kanak-Kanak (*Place of Safety*)

Mangsa kanak-kanak akan ditempatkan di tempat selamat atau tempat perlindungan dalam tempoh tertentu, tempat tersebut hendaklah yang dianggap sesuai oleh Menteri seperti dinyatakan dalam bab 97 (1).<sup>195</sup> Tempat-tempat tersebut adalah seperti Kompleks Rumah Kebajikan (KRK), Rumah Sakit, rumah penjaga dan seumpamanya.

(c) Pemeriksaan dan Rawatan Kesihatan

Sekiranya pelindung merasakan kanak-kanak terbabit memerlukan pemeriksaan atau rawatan kesihatan, dia perlu menghantarnya ke pegawai kesihatan terlebih dahulu untuk tindakan selanjutnya seperti dinyatakan dalam bab 18 (1).<sup>196</sup> Manakala dalam bab 20 (1) dan (2) menyatakan apabila pegawai kesihatan itu berpandangan bahawa mangsa perlu tinggal di rumah sakit untuk mendapatkan rawatan sama ada disebabkan oleh penyakit biasa, mengalami kecederaan, penyakit serius yang memerlukan pembedahan atau rawatan *psychiatric*, pelindung hendaklah membenarkan rawatan tersebut.<sup>197</sup>

Begitu juga dalam bab 23 (1) sekiranya pegawai kesihatan mendapati bahawa kanak-kanak terbabit didera fizikal atau emosi kerana diabaikan, ditinggal-tinggalkan dan seumpamanya, hendaklah terus memberitahu hal tersebut kepada pelindung atau pun pihak polis.<sup>198</sup> Seterusnya apabila anggota keluarga percaya dengan alasan yang munasabah bahawa kanak-kanak tersebut didera secara fizikal, emosi atau pun didera

---

<sup>194</sup> Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219, (Bab 57).

<sup>195</sup> Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219, (Bab 97 (1)).

<sup>196</sup> Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219, (Bab 18).

<sup>197</sup> Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219, (Bab 20).

<sup>198</sup> Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219, (Bab 23).

seksual, dia perlu terus melanjutkan perkara ini kepada pelindung seperti dinyatakan dalam bab 25 (1).<sup>199</sup>

(d) Kaunseling dan Terapi

Dalam bab 59 (1) bila mana mangsa kanak-kanak didera atau diabaikan, Mahkamah boleh mengeluarkan perintah atau pun atas permohonan pelindung memberikan arahan untuk mangsa dan penjaganya melalui sesi kaunseling, penilaian, rawatan lain atau psikoterapi.<sup>200</sup> Rawatan Psikoterapi adalah kaedah untuk membantu orang yang memiliki penyakit mental, gangguan emosi, kesan trauma, depresi dan seumpamanya.<sup>201</sup> Sesi rawatan ini bertujuan untuk menambahbaik masalah perhubungan antara mangsa dengan penjaganya, membantu memulihkan mangsa serta menggalakkan dan melindungi kesejahteraan mangsa.

(e) Melindungi Identiti Mangsa Penderaan Kanak-Kanak

Dalam bab 95 (1) tidak seorang pun dibenarkan untuk menerbitkan dan menyebarkan sebarang bahan yang mendedahkan nama, alamat, sekolah atau apa sahaja yang boleh menunjukkan identiti mangsa. Oleh itu sesiapa yang didapati membuat kesalahan dikenakan denda tidak lebih \$5,000 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali.<sup>202</sup>

---

<sup>199</sup> Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219, (Bab 25).

<sup>200</sup> Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219, (Bab 59).

<sup>201</sup> Ranna Parekh, “What is Psychotherapy?”, laman sesawang *American Psychiatric Association*, dicapai 28 Julai 2018, <https://www.psychiatry.org/patients-families/psychotherapy>.

<sup>202</sup> Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219, (Bab 95).

## **5.5 Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak dan Orang Muda (Tempat Keselamatan), 2010**

Kanak-kanak yang dimasukkan ke suatu tempat keselamatan, seperti Kompleks Rumah Kebajikan dipanggil sebagai seorang residen.<sup>203</sup> Warden, iaitu orang yang bertugas di tempat keselamatan, hendaklah sentiasa membuat penelitian dan pemerhatian yang rapi ke atas tempat keselamatan dengan memastikan kemudahan, kebajikan dan pendidikan disediakan untuk memberikan peluang kepada residen untuk berkembang secara fizikal, mental, rohaniah dan sosial dalam suasana yang sihat. Residen dimestikan hadir untuk sesi kaunseling dan juga mereka hendaklah dibimbing dengan panduan kasih sayang bagi membangun hubungan yang positif agar dapat memupuk sikap saling hormat menghormati antara kakitangan dan residen lainnya.<sup>204</sup>

Residen juga akan mendapat kemudahan perubatan di tempat keselamatan tersebut. Mereka mesti menjalani pemeriksaan kesihatan mengikut penyusunan yang dibuat oleh penguasa selama residen tinggal di sana.<sup>205</sup> Di samping itu, Warden hendaklah menyediakan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat, menganjurkan permainan, lawatan dan seumpamanya untuk mengisi masa lapang residen.<sup>206</sup>

Dalam Bahagian IX di bawah peraturan ini, menyatakan residen hendaklah disediakan kelengkapan, perabot, jumlah mainan dan pakaian yang bersih. Residen juga diberikan menu pemakanan yang seimbang dan teratur sesuai tahap kesihatan masing-masing mengikut saranan dari pakar diet. Turut diperuntukkan, residen akan dibimbing

---

<sup>203</sup> Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak dan Orang Muda (Tempat Keselamatan), 2010, (Bahagian I, Bab 2).

<sup>204</sup> Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak dan Orang Muda (Tempat Keselamatan), 2010, (Bahagian III, Bab 12).

<sup>205</sup> Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak dan Orang Muda (Tempat Keselamatan), 2010, (Bahagian IV, Bab 19,21).

<sup>206</sup> Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak dan Orang Muda (Tempat Keselamatan), 2010, (Bahagian VI, Bab 40).

dengan ajaran agama Islam dan diberikan kemudahan untuk menunaikan ibadah bersama.<sup>207</sup>

Di samping itu, residen yang bersekolah hendaklah belajar di sekolah yang diiktiraf dan terletak hampir dari tempat keselamatan. Seterusnya, latihan pendidikan dan vokasional juga cuba dibukakan oleh penguasa mengikut kepandaian dan kemahiran masing-masing. Ini dihalakan sebagai persediaan mereka kelak dengan berbekalkan sesuatu jenis kemahiran sendiri.<sup>208</sup>

Secara ringkasnya, residen mangsa kanak-kanak yang ditempatkan sementara di suatu tempat keselamatan akan mendapat penjagaan dan perlindungan sepenuhnya oleh penguasa dan ahli kakitangan tempat tersebut.

## **5.6 Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 Dengan (Pindaan) 2012 dan (Pindaan) 2017**

Selain Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 digunakan sebagai undang-undang induk bagi memberikan hukuman kepada pelaku penderaan seksual kanak-kanak. Terdapat dua pindaan telah dibuat di bawah Perintah ini, iaitu pindaan 2012 dan 2017. Menurut ASP Amerol, pindaan 2012 lebih kepada isu yang berkaitan dengan kanak-kanak seperti dalam kes pembentukan seksual (*sexual grooming*), memiliki gambar atau memuat naik video kanak-kanak, aktiviti perdagangan kanak-kanak dan sebagainya. Manakala pindaan 2017 lebih tertumpu kepada kesalahan rogol dan kesalahan luar tabii. Bagi mengelakkkan kecelaruan, pengkaji akan menjelaskan setiap kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan kajian secara teratur beserta dengan

---

<sup>207</sup> Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak dan Orang Muda (Tempat Keselamatan), 2010, Bahagian IX, (Bab 49, 51, 52).

<sup>208</sup> Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak dan Orang Muda (Tempat Keselamatan), 2010, Bahagian IX, (Bab 53).

pindaan yang dibuat terhadap kesalahan yang termasuk dalam pindaan 2012 dan 2017 supaya pembaca lebih nampak perbezaan yang wujud disebabkan oleh pindaan-pindaan tersebut.

### **5.6.1 Kesalahan Rogol**

Dalam bab 375<sup>209</sup> menyatakan bahawa lelaki dikatakan melakukan kesalahan merogol apabila mengadakan hubungan seksual dengan wanita dalam 5 keadaan seperti berikut:

- (a) Tanpa kemahuannya;
- (b) Tanpa persetujuannya;
- (c) Dengan persetujuannya kerana diancam untuk dibunuh atau dicederakan;
- (d) Dengan persetujuannya di mana lelaki itu mengetahui dia bukan suami perempuan itu dan persetujuan itu dibuat kerana perempuan itu percaya lelaki tersebut suaminya yang sah;
- (e) Dengan atau tanpa persetujuan perempuan yang di bawah umur 14 tahun.

Manakala hukuman bagi kesalahan rogol ada dinyatakan dalam bab berikutnya 376 iaitu sesiapa yang melakukan kesalahan rogol akan dipenjara sehingga 30 tahun dengan sebatan. Seterusnya bagi sesiapa sahaja yang merogol dengan sengaja mencederakan perempuan itu atau mengancamnya untuk dibunuh atau dicederakan dan sesiapa sahaja yang merogol perempuan di bawah 14 tahun tanpa persetujuannya akan dihukum dengan penjara tidak kurang dari 8 tahun dan tidak melebihi 30 tahun dengan sebatan tidak kurang dari 12 kali sebatan.<sup>210</sup>

---

<sup>209</sup> Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22, (Bahagian Rape, Unnatural Offences, Incest, Bab 375).

<sup>210</sup> Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22, (Bahagian Rape, Unnatural Offences, Incest, Bab 376).

Dalam istilah rogol di atas, pelakunya adalah lelaki dan perempuan adalah mangsa, tidak ada peruntukan bila mana lelaki menjadi mangsa rogol dalam kanun ini tetapi ianya ada disebutkan dalam undang-undang Islam.

Sekiranya si pelaku melakukan hubungan seksual dengan perempuan di bawah umur 14 tahun, dan dia memberitahu bahawa pasangannya itu melakukannya atas dasar suka sama suka, itu bukannya alasan si pelaku untuk mempertahankan dirinya. Berlainan dengan undang-undang Islam, kes seperti ini tidak diistilahkan rogol jika perempuan itu rela tetapi dimasukkan dalam istilah zina di mana lelaki itu dikenakan hukuman zina dan peremuannya tidak dikenakan had sekiranya belum baligh.

Contoh-contoh kes bagi kesalahan rogol:

1. *Public Prosecutor v Kamaruddin bin Kamis*<sup>211</sup> menghadapi kesalahan rogol kerana melakukan hubungan seksual dengan kanak-kanak perempuan berumur 11 tahun dengan kerelaan mangsa. Pesalah dikenakan hukuman 8 tahun penjara dan 10 kali sebat.
2. *Public Prosecutor v Hj Junaidi* merogol anak tiri yang kecacatan mental yang berumur 13 tahun dihukum 10 tahun dan 12 kali sebatan.<sup>212</sup>
3. *Public Prosecutor v Harun* merogol anak tirinya yang berumur 13 tahun dan 9 bulan dijatuhkan hukuman 15 tahun dan 15 kali sebatan.<sup>213</sup>
4. *Public Prosecutor v Cpl. 6690 M bin T* dengan 4 tuduhan iaitu merogol 3 orang anaknya yang berumur 15,19 dan 18 tahun dalam waktu yang berbeza kemudian

---

<sup>211</sup> Public Prosecutor v Kamaruddin bin Kamis [Criminal Appeal No. 24 of 2010].

<sup>212</sup> Public Prosecutor v Hj Junaidi [Criminal Appeal No.18 of 2001].

<sup>213</sup> Public Prosecutor v Harun [Suit No.10 of 2004].

sekali cubaan merogol anaknya ketiga dijatuhkan hukuman penjara 16 tahun dan 15 kali sebatan.<sup>214</sup>

5. *Public Prosecutor v JBJ* atas kesalahan menjatuhkan maruah dan 2 kali merogol anak kandungnya dijatuhkan hukuman 16 tahun dan 12 kali sebatan.<sup>215</sup> *Public Prosecutor v Hamran Bin Bakar* merogol 3 orang anak kandungnya, masing-masing berumur 13,15,16 tahun waktu kejadian. Dijatuhkan hukuman 16 tahun penjara dan tanpa sebat.<sup>216</sup>
6. *Prosecutor v Hamran Bin Bakar* merogol 3 orang anak kandungnya, masing-masing berumur 13,15,16 tahun waktu kejadian. Dijatuhkan hukuman 16 tahun penjara dan tanpa sebat.<sup>216</sup>

#### **5.6.1.1 Pindaan 2017 Bagi Kesalahan Rogol**

Pada tahun 2017, KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah memperkenankan Perintah Kanun Hukuman Jenayah (Pindaan) 2017 di mana pindaan terbaru telah dibuat terhadap kesalahan rogol. Perintah ini berkuatkuasa pada 24 Julai 2017.<sup>217</sup>

Peruntukan di bawah bab 376 sebelum ini telah dimansuh dan digantikan dengan pindaan terbaru<sup>218</sup>:

376. (1) Tertakluk kepada ceraian-ceraian (2), (3) dan (4), barang siapa melakukan rogol hendaklah dihukum penjara bagi tempoh yang boleh sampai 30 tahun dan sebat.
- (2) Barang siapa-
- (a) untuk melakukan atau memudahkan suatu kesalahan rogol terhadap seorang perempuan dilakukan –

---

<sup>214</sup> Public Prosecutor v Cpl. 6690 M bin T [Criminal Trial No.10 of 2005].

<sup>215</sup> Public Prosecutor v JBJ Criminal Trial No.5 of 2014.

<sup>216</sup> Public Prosecutor v Hamran Bin Bakar [Criminal Appeal No.6 of 2016].

<sup>217</sup> Rafidah Jumat, “Hukuman Rogol dipinda”, laman sesawang *Media Permata*, 29 Julai 2017, dicapai 25 Julai 2018, <https://mediapermata.com.bn/hukuman-rogol-dipinda/>.

<sup>218</sup> Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 (Pindaan), 2017, (Bab 376).

(i) dengan sengaja menyebabkan kecederaan kepadanya atau kepada mana-mana orang lain;

(ii) meletakkannya dalam ketakutan kematian atau kecederaan terhadap dirinya atau mana-mana orang lain;

(b) melakukan rogol terhadap seorang perempuan yang berumur di bawah 14 tahun; atau

(c) dapat dipercayai atau berkuasa terhadap perempuan atau seseorang yang dengannya perempuan itu mempunyai hubungan kebergantungan, melakukan rogol terhadap seorang perempuan, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang dari 10 tahun dan tidak lebih dari 30 tahun dan sebat tidak kurang dari 12 sebatan.

(1) Barang siapa melakukan rogol terhadap seorang perempuan yang berumur di bawah 14 tahun –

(a) dengan sengaja menyebabkan kecederaan kepadanya atau kepada mana-mana orang lain;

(b) meletakkannya dalam ketakutan kematian atau kecederaan kepada dirinya atau mana-mana orang lain;

(c) dapat dipercayai atau berkuasa terhadap perempuan itu atau seseorang yang dengannya dia mempunyai hubungan kebergantungan, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang dari 15 tahun dan tidak lebih dari 30 tahun dan sebat tidak kurang dari 12 sebatan.

Berdasarkan kepada pindaan yang telah dibuat ini, mungkin terdapat sedikit kecelaruan di antara hukuman yang dinyatakan bagi kesalahan melakukan rogol terhadap seorang perempuan yang berumur 14 tahun ke bawah dalam seksyen 376 (2) (c) iaitu tidak kurang dari 10 tahun dan 376 (3) iaitu tidak kurang dari 15 tahun. Menurut Puan Hjh Rozaimah, sesiapa yang di bawah umur 14 tahun, sebelum ini digunakan seksyen 376 sahaja, kini ditambah dengan sekiranya pelakunya sama ada orang yang berkuasa kepadanya seperti ayah atau pun orang yang tidak dikenali, hukumannya dinaikkan dari tidak kurang dari 8 tahun kepada tidak kurang dari 15 tahun.

Kemudian ditambah lagi dengan seksyen 376 (4) menyatakan sesiapa yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah bab ini hendaklah dalam hal sabitan kedua atau berikutnya, dihukum penjara tidak kurang dari 20 tahun dan tidak lebih dari 50 tahun dengan sebat tidak kurang dari 20 kali sebatan. Manakala bagi pesalah yang berumur 50 tahun ke atas tidak dikenakan sebat tetapi sebagai gantinya ditambah tempoh sampai 12 bulan dalam penjara seperti yang dinyatakan dalam bab 258 dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7).

Sebelum pindaan-pindaan ini dibuat, peruntukan berkenaan kes sumbang mahram hanya dikenakan kepada orang yang bukan berbangsa Melayu. Tetapi setelah pindaan dibuat pada tahun 2017, definisi rogol telah diperluaskan dengan memasukkan sekiranya berlaku penderaan seksual oleh orang yang berkuasa kepada mangsa perempuan contoh ayah kandung dengan anak perempuannya sendiri. Tetapi dalam definisi ini tidak dimasukkan untuk mangsa kanak-kanak lelaki.

### **5.6.2 Kesalahan Sumbang Mahram**

Dalam bab 377 A (1) yang mengatakan lelaki yang melakukan hubungan seksual dengan perempuan yang diketahuinya sebagai datuknya, cucu, anak, adik beradik kandung atau tiri, ibunya ataupun perempuan yang melakukan hubungan seksual dengan lelaki yang

diketahuinya sebagai nenek, cucu, anak, adik beradik kandung atau tiri ataupun ayahnya sendiri. Kesalahan ini disebut sebagai inses dan hendaklah dihukum dengan penjara sehingga 10 tahun dengan bayaran denda. Akan tetapi kesalahan inses ini tidak dikenakan kepada orang melayu dan orang asli di Brunei yang memiliki aturan atau adat mereka sendiri.<sup>219</sup>

Oleh itu, menurut ASP Mohammad Amerol, sekiranya ada kes sumbang mahram di kalangan orang Melayu, mereka akan dikenakan hukuman kesalahan rogol walaupun pelakuannya sumbang mahram. Dalam undang-undang Islam pula, kesalahan sumbang mahram sama seperti zina sekiranya rela dan zina *biljabar* jika tanpa kerelaannya.

Bagi orang Islam yang melakukan persetubuhan haram dengan kerelaannya akan termasuk dalam Kesalahan Persetubuhan Luar Nikah di bawah Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 di bawah bab 178 (3)<sup>220</sup> yang menyatakan sesiapa yang melakukan persetubuhan dengan mana-mana orang yang dia, dan siapa yang diketahuinya atau mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa dia, ditegah oleh hukum syarak untuk kahwin, adalah melakukan kesalahan, lelaki dihukum penjara 5 tahun dan perempuan dipenjara selama setahun.

Adapun setelah pindaan dibuat pada tahun 2017 sepertimana yang dinyatakan pada subtopik 5.6.1.1, kesalahan sumbang mahram ini termasuk dalam kesalahan rogol memandangkan definisinya turut meliputi pelaku merupakan orang yang berkuasa kepada mangsa kanak-kanak.

---

<sup>219</sup> Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22, (Bahagian Rape, Unnatural Offences, Incest, Bab 377 A).

<sup>220</sup> Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, (Bab 178 (3)).

### **5.6.3 Kesalahan Menjatuhkan Maruah**

Bila mana berlaku serangan yang boleh menjatuhkan maruahnya, contohnya lelaki itu meraba kemaluan perempuan tersebut, selagi mana perempuan itu merasakan maruahnya tercaltar, dia boleh membuat laporan kepada pihak polis.<sup>221</sup> Menurut ASP Mohammad Amerol, bagi kesalahan ini juga boleh digunakan bagi lelaki yang diganggu atau sama juga diraba-raba, dia boleh melaporkan kesnya kepada pihak polis. Jika sabit kesalahannya akan dihukum penjara sehingga 5 tahun dengan sebatan.

#### **5.6.3.1 Pindaan 2012 Bagi Kesalahan Menjatuhkan Maruah**

Bab 354<sup>222</sup> bagi **kesalahan menjatuhkan maruah** dipinda dengan memasukkan dua bab baru, iaitu bab 354A bagi mencabul kehormatan yang keterlaluan, 354A (1) yang menyatakan sesiapa yang melakukan atau yang membantu untuk melakukan kesalahan ini terhadap sesiapa pun sampai menyebabkan kematian mangsa, kecederaan atau menyekatnya dari membuat sebarang laporan, hendaklah dihukum dengan penjara tidak kurang dari 2 tahun dan tidak melebihi 7 tahun dengan sebatan. Kemudian bagi bab 354A (2) sesiapa yang melakukan kesalahan di atas terhadap sesiapa sahaja yang berumur 14 tahun ke bawah akan dihukum dengan penjara tidak kurang dari 3 tahun dan tidak melebihi 7 tahun dengan sebatan.

Seterusnya bab 354B menyatakan sesiapa sahaja yang diberi kepercayaan terhadap seseorang yang berumur 18 tahun ke bawah, ertiya sesiapa yang mempunyai hubungan kebergantungan menyerang atau memaksa mangsa bertujuan untuk **menjatuhkan maruahnya** hendaklah dihukum penjara tidak kurang dari 3 tahun dan tidak melebihi 10 tahun dengan sebatan. Dari pindaan-pindaan yang dibuat dapat dilihat peningkatan dari segi hukumannya dan juga pembahagian kesalahan di antara pelaku

---

<sup>221</sup> Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22, (Bahagian Criminal Force and Assault, Bab 354).

<sup>222</sup> Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 (Pindaan) 2012, (Bab 354A dan 354 B).

yang tidak dikenali atau yang mempunyai hubungan dengan mangsa nampak lebih jelas dari sebelumnya. Contoh kes: *Public Prosecutor v Zainal Abidin Bin Hj Md Hashim*<sup>223</sup> menghadapi 3 tuduhan bagi kesalahan menjatuhkan maruah terhadap anak kandungnya yang berumur 11 dan 13 tahun pada waktu kejadian dihukum penjara 3 tahun 6 bulan dan 3 kali sebat.

#### **5.6.4 Kesalahan Kelakuan Luar Tabii'**

Dalam bab 377, sesiapa sahaja yang melakukan hubungan seksual melalui cara yang bukan sepatutnya sama ada dengan lelaki, perempuan atau binatang, hendaklah dihukum penjara sehingga 10 tahun dengan bayaran denda. Bagi kesalahan ini dan kesalahan rogol, asal sahaja masuk sedikit kemaluan lelaki itu sudah memadai dikenakan hukuman. Ini termasuk hubungan homoseksual atau liwat dan juga lesbian. Sekiranya berlaku hubungan seksual antara lelaki dengan lelaki sama ada secara rela atau pun diliwat akan dikenakan hukuman di bawah seksyen 377 ini.<sup>224</sup> Ini agak berbeza dengan undang-undang Islam, hubungan sejenis tetap dikenakan hadd zina sekiranya rela atau diistilahkan zina *biljabar* bagi kesalahan rogol.

Contoh Kes Liwat: *Public Prosecutor v Wan Yunus bin Hj Wan Idrus*<sup>225</sup> menghadapi 4 tuduhan meliwat dua orang kanak-kanak lelaki berumur 13 dan 16 tahun dijatuhkan hukuman penjara 3 tahun bagi setiap kesalahan dan menjalani hukuman penjara selama 12 tahun.

Dalam kes ini pelaku memberitahu mangsa bahawa dia dapat melihat makhluk halus dan untuk menjauhkan makhluk halus tersebut daripada mangsa, mereka perlu

---

<sup>223</sup> Public Prosecutor v Zainal Abidin Bin Hj Md Hashim [Criminal Appeal No.8 of 2016]

<sup>224</sup> Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22, (Bahagian Rape, Unnatural Offences, Incest, Bab 377).

<sup>225</sup> Public Prosecutor v Wan Yunus bin Hj Wan Idrus [HCCT no.13 of 2010].

bersodomi berkali-kali. Mangsa pun percaya dan rela disetubuhi oleh pelaku, ada pernah satu masa pelaku membawa mangsa berhubungan seksual dengannya dan isterinya juga.

Menurut ASP Amerol, pernah terjadi satu kes yang dipanggil *Teacher's pet* di mana mangsa berumur 13 tahun dan ia suka gurunya sendiri, mereka pun melakukan persetubuhan waktu umurnya 12 tahun. Jadi kes ini dikira kes rogol sebab mangsa masih berumur 14 tahun ke bawah. Dalam kedua-dua kes ini terdapat elemen pembentukan seksual (*sexual grooming*) di dalamnya, kerana pelaku mengajar mangsa untuk melakukan persetubuhan. Dua kes ini pun dijadikan kajian kes oleh pengamal undang-undang kerana adanya keperluan untuk meminda peruntukan yang sedia ada dan perlunya peningkatan dari segi hukuman.

#### **5.6.4.1 Pindaan 2017 Bagi Kesalahan Kelakuan Luar Tabii**

Bab 377 dimansuhkan digantikan dengan bab baru<sup>226</sup>:

377. (1) Barang siapa dengan sengaja melakukan persetubuhan bertentangan dengan aturan tabii dengan mana-mana lelaki, perempuan atau haiwan hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan sebat.
- (2) Barang siapa melakukan suatu kesalahan di bawah ceraian (1) terhadap seseorang yang berumur di bawah 14 tahun, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang dari 15 tahun dan tidak lebih dari 30 tahun dan sebat tidak kurang dari 12 sebatan, dan dalam hal sabitan kedua atau berikutnya, penjara bagi suatu tempoh tidak kurang dari 20 tahun dan tidak lebih dari 50 tahun dan sebat tidak kurang dari 20 sebatan.

---

<sup>226</sup> Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 (Pindaan), 2017, (Bab 377).

Bagi kesalahan luar tabii seperti persetubuhan homoseksual di antara lelaki dengan lelaki hanya dinyatakan dalam konteks umum tanpa penyataan umur mangsa dan seumpamanya. Setelah dipinda, mangsa lelaki yang berumur 14 tahun ke bawah ada dinyatakan tetapi secara umum tanpa menyatakan sekiranya ianya dilakukan oleh orang yang berkuasa kepadanya, jadi memerlukan klarifikasi berkenaan dengan perkara ini.

### **5.7 Akta Persetubuhan Bawah Umur (*Unlawful Carnal Knowledge Act CAP. 29*)**

Akta ini mempunyai kaitan dengan kesalahan rogol di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22). Kesalahan ini khas bagi sesiapa sahaja yang melakukan persetubuhan dengan perempuan yang berumur 14 tahun dan belum mencapai umur 16 tahun hendaklah dihukum dengan bayaran penalti, penjara tidak kurang dari 2 tahun dan tidak melebihi 7 tahun dengan sebatan tidak melebihi 24 kali sebatan bagi pelaku dewasa atau 12 kali sebatan bagi pelaku orang muda.<sup>227</sup> Walaupun pelakuan tersebut dilakukan dengan kerelaan, lelaki tersebut tetap dikenakan hukuman kecuali jika lelaki itu benar-benar tidak mengetahui umur perempuan tersebut, baginya nampak dewasa, itu boleh dijadikan alasan untuknya menolak dakwaan tersebut.

Ini berbeza dengan kesalahan rogol, rogol dikenakan apabila perempuan tersebut berumur 14 tahun ke bawah, bagi kesalahan ini khusus bagi umur di antara 14 tahun ke 16 tahun sahaja. Menurut Penasihat Undang-Undang Puan Hjh Rozaimah, walaupun perempuan yang berumur 16 tahun ke bawah memberikan keizinan, secara langsung masih dikira satu kesalahan kerana umurnya masih muda, mudah dipujuk dan dipengaruhi serta tidak berapa mengetahui kesan akibat dari hubungan seksual.

---

<sup>227</sup> Unlawful Carnal Knowledge Act CAP. 29, (Bab 2).

## **5.8 Kesalahan-Kesalahan Lain Yang Termasuk Dalam Pindaan 2012**

Selain pindaan terhadap kesalahan menjatuhkan maruah, pindaan 2012 ini juga tertumpu kepada kes-kes trend sekarang yang melibatkan mangsa kanak-kanak seperti pembentukan seksual, aktiviti-aktiviti berbentuk pornografi dan seumpamanya. Perlunya pindaan ini kerana kes gangguan dan penganiayaan seksual semakin menjadi-jadi dengan trend menggunakan media sosial sebagai salah satu tempat untuk si pelaku mencari mangsanya. Seperti yang diketahui, kebanyakan kanak-kanak menggunakan media sosial seperti *WhatsApp*, *Facebook*, *WeChat* dan sebagainya seperti kes Miss X berkenalan secara online, berjumpa, dibawa ke rumah, kemudian dirogol, setelah disiasat dan pelaku itu mengaku, dia dimasukkan ke penjara selama 20 tahun. Antara pindaan yang diperuntukkan di bawah kanun ini, adalah:

- (a) Dalam bab 293A yang menyatakan sesiapa yang **memiliki fotograf atau filem tidak senonoh kanak-kanak** adalah melakukan kesalahan dan dihukum penjara sehingga 5 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.<sup>228</sup>
- (b) Kemudian dalam bab seterusnya 293B, sesiapa yang **mengambil, mengedarkan, menunjukkan, mengiklankan dan mengakses fotograf atau filem tidak senonoh kanak-kanak** adalah melakukan kesalahan dan dihukum penjara sehingga 10 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.<sup>229</sup>
- (c) Bab 377B<sup>230</sup> bagi **kesalahan melibatkan diri dalam aktiviti seksual di hadapan orang yang berumur 16 tahun** adalah melakukan kesalahan dan hendaklah dihukum penjara sehingga 5 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

---

<sup>228</sup> Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 (Pindaan) 2012, (Bab 293A).

<sup>229</sup> Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 (Pindaan) 2012, (Bab 293B).

<sup>230</sup> Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 (Pindaan) 2012, (Bab 377B).

- (d) Bab seterusnya 377C<sup>231</sup> bagi **kesalahan sesiapa yang menyebabkan orang yang berumur 16 tahun melihat perbuatan seksual** hendaklah dihukum penjara sampai 5 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.
- (e) Bab 377D bagi **kesalahan seks perdagangan dengan orang yang berumur di bawah 18 tahun** hendaklah dihukum penjara tidak kurang dari 2 tahun dan tidak melebihi 7 tahun dan sebat.<sup>232</sup> Menurut ASP Amerol, setakat ini tidak ada kes seks perdagangan dilaporkan di Brunei.
- (f) **Pembentukan Seksual (*Sexual Grooming*)** merujuk kepada pelakuan yang sengaja dibuat bertujuan untuk berbaik-baik dan mempengaruhi kanak-kanak dengan maksud melakukan aktiviti seksual dengan kanak-kanak tersebut. Perbuatannya ini dilakukan dengan membentuk hubungan intim dengannya agar kanak-kanak itu mudah terpedaya dan percaya kepada si pelaku. Dalam hal ini, ‘grooming’ melibatkan manipulasi secara psikologi yang selalunya dilakukan secara halus, terkawal dan yang sudah direncana terlebih dahulu.<sup>233</sup>

Pembentukan seksual orang yang berumur 16 tahun ke bawah ada disebutkan dalam seksyen 377C yang menyatakan sesiapa sahaja yang berumur 21 tahun dan ke atas (A) telah berjumpa atau berkomunikasi dengan seseorang (B) dalam 2 kali atau lebih perjumpaan dan B berumur 16 tahun ke bawah akan dihukum sekiranya didapati bersalah. Pesalah hendaklah dihukum dengan penjara sehingga 3 tahun atau dengan denda, atau kedua-duanya sekali.<sup>234</sup>

---

<sup>231</sup> Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 (Pindaan) 2012, (Bab 377C).

<sup>232</sup> Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 (Pindaan), 2012, (Bab 377D).

<sup>233</sup> Trisha Randhawa and Scott Jacobs, Child Grooming: “Offending all the way through from the start”- Exploring the call for law reform 11, Dec. 2013, Child Wise, at <http://childwise.blob.core.windows.net/assets/uploads/files/Grooming%20-%20Exploring%20the%20call%20for%20law%20reform%20-%20Child%20Wise%20%28Web%29.pdf> (on file with the International Centre for Missing & Exploited Children).

<sup>234</sup> Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 (Pindaan) 2012, (Bab 377C).

Contoh kes: *Norin Bin Pungut v Public Prosecutor*<sup>235</sup> menghadapi kesalahan merogol Miss X, berumur 13 tahun, kesalahan memiliki gambar-gambar lucah Miss X, kesalahan persetubuhan bawah umur, pembentukan seksual dan memiliki gambar-gambar tidak senonoh Miss Y yang berumur 15 tahun. Pesalah dikenakan hukuman 12 tahun penjara dan 10 kali sebat.

Menurut ASP Mohammad Amerol, pernah terjadi kes si pelaku menggunakan *Facebook* untuk berkenalan dengan mangsa yang berumur 13 tahun, pelaku pula memberitahu dirinya berumur 19 tahun, tetapi sebenarnya umurnya 35 tahun, sudah berkahwin dan mempunyai 4 orang anak. Bila disiasat, pelaku didapati menggunakan gambar orang putih sebagai gambar profilnya, mereka pernah berjumpa lebih dari 2 kali perjumpaan, dia juga mengakui pernah memasukkan jarinya ke dalam kemaluan mangsa tetapi tidak sampai melakukan hubungan seksual dengannya. Tetapi elemen-elemen *sexual grooming* sudah ada dalam kes ini, maka ia pun dikenakan hukuman di bawah seksyen ini.

(g) **Kesalahan Voyeurisme** dinyatakan dalam bab 377H<sup>236</sup>, seseorang yang memerhatikan orang lain untuk tujuan memuaskan nafsunya, merakam perbuatan sulit orang lain, memasang peralatan atau menyesuaikan suatu struktur untuk melakukan kesalahan tersebut, mencetak dan menyiaran rakaman voyeuristik, boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 3 tahun, atau denda, atau keduanya sekali.

---

<sup>235</sup> Norin Bin Pungut v Public Prosecutor [Criminal Appeal No.16 of 2016].

<sup>236</sup> Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 (Pindaan), 2012, (Bab 377H).

## **5.9 Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013**

Pada tahun 2013, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan kuasa sepenuhnya mengumumkan penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah yang dinamakan sebagai Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 (selepas ini PKHJS 2013).<sup>237</sup>

Sebelum adanya PKHJS 2013, undang-undang Syariah hanya berkuasa untuk orang-orang Islam, manakala undang-undang Sivil dikenakan kepada seluruh rakyat Brunei. Kedua-dua sistem perundangan yang selama ini diamalkan akan bertukar dan terikat dengan PKHJS 2013. Sistem perundangan yang baru ini telah ditakrifkan oleh kerajaan sebagai gabungan atau campuran yang akan membawa kepada perlaksanaan undang-undang Islam yang sempurna dengan tidak hanya berbidang kuasa dalam hal ehwal keluarga, tetapi termasuk semua jenis kesalahan jenayah yang bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam.<sup>238</sup>

PKHJS 2013 ini akan digubal dalam 3 fasa. Sekarang Brunei menjalankan fasa pertama dan ianya sudah bermula sejak 1 Mei 2014. Ianya mengandungi 55 kesalahan am yang dikenakan hukuman takzir iaitu bayaran denda dan penjara. Fasa kedua pula akan dilaksanakan selepas 12 bulan dari tarikh perintah dikeluarkan. Menurut Pegawai Ugama Puan Siti Noorlilawati Binti Abd Rahman<sup>239</sup>, sekarang mereka masih menggunakan Kanun Peraturan Jenayah Penggal 7 Polis Diraja Brunei sementara menunggu Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah selesai dibuat. Fasa ketiga pula akan dilaksanakan selepas 2 tahun selepas fasa kedua berlangsung. Kedua-dua fasa ini mengandungi

---

<sup>237</sup> Tun Abdul Hamid Mohamad, “Implementation of Hudud in Brunei: Differences between Brunei and Malaysia”, Islam and Civilisational Renewal (ICR 5.2), IAIS Malaysia, 152-154.

<sup>238</sup> Tun Abdul Hamid Mohamad, 152-154.

<sup>239</sup> Siti Noorlilawati Binti Abd Rahman (Pegawai Ugama, Bahagian Penguatkuasaan Ugama) dalam temubual bersama penulis di lokasi pejabat Bahagian Penguatkuasaan Ugama, 25hb November 2017.

hukuman-hukuman yang lebih berat seperti hukuman bagi jenayah *hudud*, *qisas* dan pelbagai jenis pembayaran seperti *diyat*, *badal*, *badal al-sulh* dan ‘arsy.<sup>240</sup>

Setakat ini semua kes kesalahan jenayah seksual yang melibatkan kanak-kanak hanya terdapat di dalam bidang kuasa Mahkamah Sivil. Manakala Mahkamah Syariah pula berbidang kuasa dalam isu pengangkatan anak dan hak penjagaan anak (*hadhanah*) sahaja kerana menurut Puan Siti Noorlilawati, kesalahan seperti rogol itu termasuk dalam fasa kedua dan seterusnya.

Dalam PKHJS 2013, jenayah rogol atau *Zina bil-jabar* ada dinyatakan dalam **bab 75**, iaitu<sup>241</sup>:

75. Seseorang itu dikatakan melakukan zina bil-jabar jika lelaki atau perempuan itu melakukan persetubuhan dengan seorang perempuan atau lelaki yang mana keduanya tidak bernikah secara sah, dalam apa-apa pun keadaan seperti di bawah –

(a) bertentangan dengan kemauan mangsa;

(b) tanpa kerelaan mangsa;

(c) dengan kerelaan mangsa, apabila kerelaan itu diperolehi dengan ugutan bahawa mangsa itu akan dibunuh atau dicederakan;

(d) dengan kerelaan mangsa, apabila pesalah mengetahui bahawa pesalah tidak bernikah secara sah dengan mangsa dan kerelaan itu diberikan kerana mangsa percaya bahawa pesalah itu adalah orang lain yang kepadanya mangsa telah

---

<sup>240</sup> Ibid.

<sup>241</sup> Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013, (Bahagian IV Kesalahan-Kesalahan, Penggal I, Bab 75).

bernikah secara sah atau mangsa percaya dirinya bernikah secara sah kepada pesalah itu;

(e) dengan kerelaan mangsa, jika kerelaan itu diberi oleh mangsa dalam keadaan salah faham tentang fakta dan pesalah itu mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kerelaan itu telah diberi oleh sebab salah faham itu;

(f) dengan kerelaan mangsa, jika kerelaan itu diberikan oleh mangsa yang tidak sempurna akal atau oleh sebab mabuk, tidak boleh memahami keadaan dan akibat dari apa yang direlakan olehnya; atau jika kerelaan itu diberi oleh seseorang yang belum baligh.

Oleh itu, mangsa kanak-kanak juga termasuk di bawah bab ini sama ada mangsanya perempuan atau pun lelaki.

Hukuman bagi jenayah zina *bil-jabar* dinyatakan dalam **bab 76**, iaitu<sup>242</sup>:

76. (1) Mana-mana orang yang melakukan zina bil-jabar dan dibuktikan sama ada dengan ikrar tertuduh, atau dengan syahadah sekurang-kurangnya empat orang syahid menurut Hukum Syara' selain keterangan mangsa setelah Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al-syuhud* adalah melakukan suatu kesalahan, hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman had seperti berikut –

(a) jika dia *muhsan*, direjam sampai mati dengan disaksikan oleh sekumpulan orang Islam;

---

<sup>242</sup> Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013, (Bahagian IV Kesalahan-Kesalahan, Penggal I, Bab 76).

(b) jika dia *ghairu muhsan*, disebat 100 sebatan dan disaksikan oleh sekumpulan orang Islam dan dihukum penjara selama tempoh satu tahun.

(2) Mana-mana orang yang melakukan zina *bil-jabar* dan dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan di bawah ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan –

(a) jika dia *muhsan*, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan disebat 40 sebatan;

(b) jika dia *ghairu muhsan*, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun dan disebat 20 sebatan.

Percubaan melakukan zina *bil-jabar* dinyatakan dalam **bab 78**<sup>243</sup> iaitu mana-mana orang yang cuba melakukan zina *bil-jabar* atau cuba menyebabkan berlakunya zina *bil-jabar* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan –

(a) jika dia *muhsan*, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun dan disebat 20 sebatan;

(b) jika dia *ghairu muhsan*, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan disebat 20 sebatan.

Dalam **bab 80**, bagi orang yang bersubahat untuk melakukan zina *bil-jabar* di bawah bab 76 (1) adalah melakukan kesalahan, apabila sabit kesalahan dihukum penjara tidak melebihi 30 tahun dan disebat 40 sebatan. Manakala bagi orang yang bersubahat

---

<sup>243</sup> Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013, (Bahagian IV Kesalahan-Kesalahan, Penggal I, Bab 78).

untuk melakukan zina *bil-jabar* di bawah bab 76 (2) dihukum penjara tidak melebihi 15 tahun dan disebat 20 sebatan.<sup>244</sup>

Bagi jenayah liwat dinyatakan dalam peruntukan **bab 82**, mana-mana yang melakukan liwat adalah melakukan kesalahan, apabila sabit kesalahan dihukum sama seperti hukuman zina. Liwat bermaksud persetubuhan di antara seorang lelaki dengan lelaki atau di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan selain daripada isterinya, yang dilakukan diluar tabii iaitu melalui duburnya.<sup>245</sup>

### **5.10 Perbezaan di antara Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 (PKHJS 2013)**

1. Merujuk kepada istilah rogol dari perspektif Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 dan PKHJS 2013 ada perbezaan di mana seorang lelaki yang melakukan persetubuhan dengan perempuan yang di bawah umur 14 tahun sama ada dengan kerelaannya sendiri sebab suka sama suka atau pun kerana paksaan, lelaki itu tetap dikenakan hukuman rogol. Berlainan dengan PKHJS 2013, sesiapa yang mengadakan persetubuhan atas sebab kerelaan perempuan tersebut akan dikenakan hukuman zina mengikut apa yang diperuntukkan dalam bab 68<sup>246</sup>.

“68. (1) Seorang lelaki dan perempuan dikatakan telah melakukan zina jika lelaki dan perempuan itu dengan sengaja telah melakukan persetubuhan tanpa pernikahan yang sah antara mereka atau persetubuhan itu bukan persetubuhan syubhah.”

---

<sup>244</sup> Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013, (Bahagian IV Kesalahan-Kesalahan, Penggal I, Bab 80).

<sup>245</sup> Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013, (Bahagian IV Kesalahan-Kesalahan, Penggal I, Bab 82).

<sup>246</sup> Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013, (Bahagian IV Kesalahan-Kesalahan, Penggal I, Bab 68).

2. Istilah rogol dalam Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 hanya merujuk kepada lelaki sebagai pelaku dan perempuan sebagai mangsanya.

Berbeza dengan istilah rogol dalam PKHJS 2013 yang memperuntukkan sesiapa sahaja pelaku dan mangsanya tidak kira lelaki atau pun perempuan seperti dalam bab 75.

3. Dalam Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 ditentukan umur 14 tahun bagi mangsa kanak-kanak perempuan, tetapi PKHJS 2013 tidak menentukan umur bagi kesalahan rogol.

4. Dari segi hukuman rogol terhadap mangsa kanak-kanak, Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 menyatakan hukuman penjara bagi suatu tempoh tidak kurang dari 15 tahun dan tidak lebih dari 30 tahun dan sebat tidak kurang dari 12 sebatan.

Manakala bagi PKHJS 2013, sekiranya pembuktian dapat dilaksanakan melalui ikrar dan 4 orang saksi, *muhsan* direjam sampai mati, *ghairu muhsan* disebat 100 kali dan penjara setahun. Sekiranya melalui keterangan, *muhsan* dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan disebat 40 sebatan dan dia *ghairu muhsan*, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun dan disebat 20 sebatan.

Bila dilihat kepada hukuman antara keduanya, perbezaan yang ada dari segi hukuman rejam dan disebat 100 kali, bilangan sebat bagi PKHJS 2013 lebih tinggi dari KHJ. Akan tetapi boleh dikatakan ada persamaan dari segi tempoh penjara bagi pelaku yang tidak melebihi 30 tahun. Hukuman PKHJS 2013 lebih berat dan lebih menepati apa yang telah digariskan dalam undang-undang Islam.

5. Dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 bagi kesalahan luar tabii digabungkan bagi kesalahan persetubuhan sejenis dan persetubuhan dengan haiwan

dalam satu peruntukan bab 377 dengan hukuman penjara tidak melebihi 30 tahun dan sebat.

Manakala bagi PKHJS 2013, kesalahan-kesalahan tersebut mempunyai peruntukan masing-masing dan ditambah dengan persetubuhan dengan mayat. Hukumannya pun berlainan, seperti bagi kesalahan liwat, hukumannya sama dengan zina.

6. Menurut ASP Mohammad Amerol, bila mana kes rogol tidak dapat dibuktikan ianya rogol, kesalahannya akan diturunkan kes bab 354 Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 iaitu hukuman bagi kesalahan menjatuhkan maruah.

Tetapi dalam PKHJS 2013, bila mana kes rogol tidak dapat dibuktikan ianya rogol, dia dikenakan hukuman takzir.

7. Dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 terdapat peruntukan khusus bagi kesalahan menjatuhkan maruah beserta dengan hukumannya sekali. Tetapi dalam PKHJS 2013 tidak terdapat peruntukan mengenainya. Berdasarkan kepada keadaan sekarang, kes menjatuhkan maruah ini memang ada berlaku di Brunei, jadi di sana ada keperluan untuk mengadakan peruntukan khusus terhadap kesalahan menjatuhkan maruah ini atau pun memperluaskan lagi definisi bagi kesalahan cubaan merogol.

### **5.11 Kesimpulan**

Bab kelima ini dapat disimpulkan bahawa Brunei memandang serius dengan kes penderaan seksual kanak-kanak ini buktinya dengan mengadakan pindaan-pindaan yang bersesuaian dengan kejadian masa kini di Brunei. ASP Amerol dan Puan Hjh Rozaimah bersetuju bahawa peruntukan-peruntukan yang ada memadai dan mencukupi untuk melindungi mangsa penderaan kanak-kanak kerana ianya berpatutan dengan kedudukan kes-kes yang berlaku di Brunei. Manakala bagi Puan Siti Noorlilawati dan Dr. Hjh

Mawarni, mereka bersepakat undang-undang Allah sudah setentunya lebih berkesan dijalankan, tetapi sekarang masih lagi belum berjalan.

Merujuk kepada pandangan yang diberikan, penulis bersetuju dengan kedua-dua pendapat ini, peruntukan undang-undang sivil berkenaan kesalahan seksual memadai digunakan pada waktu ini kerana melihat kepada adanya peningkatan dari segi hukuman melalui pindaan-pindaan yang telah dibuat pada tahun 2012 dan 2017. Pindaan dibuat sekaligus bertindak sebagai pengukuhan undang-undang dan pencegahan dari mereka yang melakukan kesalahan. Menurut Puan Hjh Rozaimah, Brunei kebanyakannya mengambil contoh peruntukan seperti dari Singapura sebab kes mereka lebih berkembang dan lebih ke hadapan dalam menggubal kesalahan-kesalahan trend sekarang. Di sini dapat dilihat pengamal undang-undang Brunei turut mengambil langkah untuk menggubal beberapa peruntukan baru walaupun kes seperti seks perdagangan belum ada di Brunei, tetapi ini menunjukkan Brunei pun semakin ke hadapan untuk memastikan keselamatan dan perlindungan terutamanya bagi kanak-kanak lebih terjamin.

Akan tetapi peruntukan ini merupakan aturan manusia, jadi sudah setentunya undang-undang buatan manusia penuh dengan kekurangan kerana pengetahuan manusia sangat terhad. Dengan adanya PKHJS 2013 nanti, akan sempurna lah undang-undang Islam di Brunei. Tetapi di sini ada keperluan bagi memastikan peruntukan di bawahnya ada memasukkan kesalahan-kesalahan yang sedang *trend* sekarang mengikut kesesuaian dengan keadaan semasa di Brunei. Tidak mustahil juga terjadinya konflik dalam bidang kuasa antara kedua sistem perundangan bagi kes berkaitan dengan kesalahan seksual sama ada dari segi penyiasatan, pendakwaan, perbicaraan kes contohnya kes rogol, kes ini perlu dirujuk kepada pendakwa raya atau pun pendakwa syariah dan seumpamanya. Semua ini perlu diambil kira oleh pengamal undang-undang.

## BAB 6: ANALISIS DAPATAN KAJIAN

### 6.1 Pengenalan

Bab keenam ini akan menjelaskan analisis dapatan kajian yang telah dijalankan bermula dari jenis-jenis penderaan, senario penderaan dari perspektif global, diikuti dengan senario penderaan di Brunei. Seterusnya dirumuskan faktor-faktor penyebab kepada penderaan dan kesan-kesan terhadap mangsa kanak-kanak. Disusuli dengan peranan agensi-agensi kerajaan dalam memberikan perlindungan kanak-kanak dari aspek kebijakan sosial dan perundangan Brunei.

### 6.2 Analisis Dapatan Kajian Secara Menyeluruh

Berdasarkan kepada hasil pembacaan dan hasil kajian penulis, didapati bahawa penderaan kanak-kanak dibahagikan kepada empat bentuk utama iaitu penderaan fizikal, seksual, emosi dan pengabaian. Manakala bagi penderaan seksual yang menjadi tumpuan kajian ini mengandungi pelbagai jenis yang dikategorikan di bawahnya iaitu kes rogol, sumbang mahram, liwat, menjatuhkan maruah atau mencabul kehormatan, gangguan seksual, kes voyeurisme, pembentukan seksual (*sexual grooming*), pornografi kanak-kanak (*child pornography*) dan seumpamanya. Justeru, penderaan seksual berlaku sama ada secara sentuhan langsung atau pun tidak seperti mengintai dari tempat lain.

Dari perspektif senario global, penderaan kanak-kanak mendapat perhatian serius terutamanya dari Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang membentuk Konvensyen Hak Kanak-Kanak sebagai triti antarabangsa khusus bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan hak perlindungan kanak-kanak, Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan Pertubuhan Kerjasama Islam dalam Hak Kanak-Kanak dalam Islam. Lebih-lebih lagi dengan kemudahan internet dan komunikasi digital yang disalahgunakan oleh orang yang mencari kanak-kanak sebagai sasaran hingga menyebabkan timbul banyak kes penderaan dan eksloitasi seksual secara online.

Mereka menganggap penderaan seksual merupakan pencabulan hak kanak-kanak yang semakin berleluasa di seluruh dunia. Ia boleh terjadi dalam pelbagai bentuk seperti rogol, gangguan seks, eksplorasi seksual dalam pelacuran atau pornografi. Menurut kajian-kajian yang telah dibuat, terbukti bahawa penderaan memberi kesan terhadap kesihatan fizikal dan mental kanak-kanak dalam jangka masa pendek dan panjang, menjelaskan pembelajaran dan pergaulan mereka dan seterusnya menjelaskan masa hadapan mereka.

Justeru itu, setiap negara yang ikut serta dalam persatuan-persatuan antarabangsa ini bertanggungjawab untuk merencanakan langkah-langkah dan pelan tindakan strategi bagi membendung dan mengawal permasalahan penderaan ini dari berlaku dengan memperkenalkan peruntukan undang-undang tertentu yang berhubungkait dengan isu yang melibatkan kanak-kanak mengikut situasi negara masing-masing. Negara-negara ini sering mengadakan perjumpaan untuk membincangkan perihal kepentingan keselamatan kanak-kanak dengan membentangkan kedudukan negara mengenai perlindungan kanak-kanak. Hasil dari perbincangan kesemua negara membawaikan banyak input untuk menambahbaik perlindungan bagi kanak-kanak, ini juga termasuk Brunei. Setelah Brunei mengikuti persatuan-persatuan tersebut, perlindungan kanak-kanak semakin dititik beratkan oleh pihak kerajaan, buktinya saja dengan kewujudan akta khusus untuk keselamatan dan perlindungan kanak-kanak.

Di Brunei, melalui statistik oleh beberapa agensi kerajaan menyaksikan pendera yang paling ramai adalah dari kalangan orang yang dikenali dan paling dekat dengan mangsa terutamanya pelaku yang berstatus seorang bapa, sama ada bapa kandung, bapa tiri atau bapa angkat. Amat jarang sekali pelakunya dari orang yang tidak dikenali oleh mangsa. Ini berkoleransi dengan kes kesalahan seksual yang paling tinggi dicatatkan setakat ini adalah kesalahan rogol dan sumbang mahram. Akan tetapi apabila dilihat kepada keadaan sekarang dengan penyalahgunaan internet dan trend berjumpa secara

online, pengkaji menjangkakan adanya peningkatan pelaku dari kalangan orang yang tidak dikenali. Oleh itu, penulis memuji usaha pihak kerajaan yang membuat rangka kerja berkenaan dengan perlindungan kanak-kanak secara *online* sebagai suatu usaha gabungan agensi-agensi untuk membanteras penderaan seksual di Brunei.

Melihat kepada statistik juga, jumlah penderaan seksual tidak konsisten dari tahun ke tahun dan tidak sama dari satu agensi dengan agensi lain, ada yang menyaksikan jumlah yang agak tinggi dan sebaliknya. Perbezaan jumlah ini seperti yang dinyatakan sebelum ini adalah kerana sumber aduan itu berbeza mengikut pengalaman setiap agensi. Kesemua informan bersepakat bahawa mereka percaya jumlah kesalahan seksual ini sebenarnya lebih banyak lagi kes yang tidak dilaporkan dan mungkin boleh ditafsirkan agak sama jumlahnya dengan penderaan fizikal kerana dipercayai kes penderaan seksual ini banyak lagi yang masih tidak dilaporkan kerana dipujuk oleh ahli keluarga terutamanya ibu untuk tidak membuat sebarang laporan kepada pihak tertentu untuk menutup malu. Statistik juga menyatakan umur mangsa secara puratanya dari umur 7 tahun sehingga 13 tahun. Kanak-kanak secara fitrahnya memang *vulnerable* dan mudah dipujuk oleh orang dewasa, mereka tidak tahu kepada siapa untuk meminta bantuan kalau keluarga sendiri tidak mahu membantunya.

Menurut kajian yang dijalankan, kes-kes yang berlaku di Brunei adalah berpunca daripada kombinasi pelbagai faktor seperti faktor individu mangsa itu sendiri yang memiliki kemerosotan intelektual atau mempunyai penyakit mental berisiko tinggi terlibat dalam penderaan. Begitu juga faktor sekitar permasalahan keluarga, ibu bapa bercerai, ibu bapa yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan alkohol, keluarga yang berpecah-belah, mempunyai masalah kewangan, kesempitan hidup, keadaan rumah yang sempit dan tidak kondusif. Adapun menurut pengamatan penulis, faktor yang paling utama adalah kurangnya pendidikan dan pemahaman ugama oleh ibu bapa yang

menyebabkan keadaan rumah tangga kucar-kacir sehingga melibatkan anak-anak. Pelaku yang terdidik dengan ajaran Islam walau dalam keadaan apa sekalipun, ia dapat menahan dirinya dari melakukan kemungkaran. Faktor keadaan masyarakat sekeliling seperti di Brunei, mengumpulkan beberapa buah keluarga yang kurang berkemampuan dalam satu tempat yang berisiko menimbulkan permasalahan isu sosial lain. Penyalahgunaan media juga menyumbang kepada berlakunya kes penderaan seksual terhadap kanak-kanak terutamanya melalui platform media sosial yang berleluasa sekarang di seluruh negara.

Hasil daripada perbuatan dera seksual ini lahir implikasi buruk terhadap mangsa kanak-kanak sama ada dari sudut fizikal, psikologi, pembentukan personalitinya, pergaulannya, pembelajaran, kesihatan dan seumpamanya. Hasil dari perbuatan yang tidak bermoral itu, kesan yang paling ketara adalah kebanyakannya menyebabkan mangsa mengandung anak luar nikah di usia yang masih mentah. Buktinya saja kes kehamilan bawah umur mencatatkan 25 kes pada tahun 2017 dan ia menunjukkan peningkatan dari tahun-tahun sebelumnya.

Menurut Puan Dr. Hjh Mawarni, penderaan seksual merupakan antara bentuk yang paling buruk berbanding dengan bentuk penderaan lain kerana kesannya kekal walaupun sampai mangsa meningkat dewasa. Antara kesan psikologi yang biasa dialami adalah perasaan trauma, darinya timbul perasaan takut, tidak dapat mengawal emosi, takut melihat lelaki, lebih suka menyendiri dan sebagainya. Pembelajarannya pun merosot, tidak mahu belajar, tidak mahu ke sekolah, kalau dibiarkan akan menyebabkan masa depannya semakin gelap.

Setiap faktor-faktor yang berisiko kepada berlakunya penderaan perlu diambil kira sebagai kajian untuk menambahbaik perlindungan kanak-kanak yang sedia ada untuk disesuaikan dengan era globalisasi sekarang. Justeru itu, agensi-agensi kerajaan berperanan sangat penting dalam mengawal kes penderaan seksual ini dari terus berlaku

dan ianya perlu meliputi aspek pendidikan, perundangan, kebajikan sosial dan sebagainya.

Sebagai contoh bentuk perlindungan, Brunei mempunyai tempat keselamatan atau rumah perlindungan sementara yang dipanggil Kompleks Rumah Kebajikan yang dikelolakan di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat. Rumah Perlindungan ini memuatkan penghuni iaitu mangsa di bawah Akta Perlindungan bagi Perempuan-Perempuan dan Gadis-Gadis Penggal 120 dan residen iaitu mangsa kanak-kanak di bawah Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219. Mangsa disediakan tempat tinggal, makan minum yang cukup enam kali sehari, dijaga 24 jam sehari, kesihatan mereka pun dipastikan dalam keadaan baik. Bermacam-macam program disediakan untuk mereka, antaranya program kelas-kelas ugama, acara usrah, pendidikan rohani dan jasmani untuk membentuk keperibadian mereka. Mereka juga dimestikan mengikuti sesi kaunseling untuk menguatkan semangat dan perlahan-lahan memulihkan diri mereka ke arah yang lebih baik.

Tempoh maksimum residen menetap di KRK adalah sehingga umurnya 18 tahun tetapi seboleh-bolehnya ditempatkan dalam masa yang singkat sahaja kerana selain dari masalah bajet, mereka pun kekurangan kakitangan untuk menjaga dan mengawas semua penghuni dan residen.

Kemasukan ke KRK sebenarnya merupakan alternatif terakhir sekiranya tidak ada penjaga yang layak untuk menjaga kanak-kanak tersebut dan sebenarnya tidak berapa disyorkan untuk masuk di dalamnya kerana keadaan tempat tersebut tidak begitu sesuai untuk dipanggil rumah perlindungan. Tetapi pengkaji memuji usaha kerajaan, sekurang-kurangnya mangsa mempunyai tempat untuk mereka tinggal buat sementara waktu dan tidak dibiarkan begitu saja tanpa pengawasan. Walaupun pengkaji tidak dibenarkan untuk melawat masuk ke KRK, pengkaji dapat meninjau dari luar dan mendapati kawasan

tersebut tidak begitu sesuai dijadikan sebagai rumah perlindungan kerana kawasannya dikelilingi dengan pagar penjara. Tetapi pengkaji difahamkan penempatan mereka hanya sementara, tempat perlindungan yang sebenar dalam proses pengubahsuaian.

Selain itu, pelbagai program-program kesedaran memang rancak diadakan terutamanya untuk pelajar-pelajar sekolah, seminar dan forum pun sentiasa diadakan setiap tahun bersempena dengan Hari Kanak-Kanak Sedunia. Program kesedaran ini penting untuk golongan kanak-kanak sebab mereka ini lah yang menjadi pelapis negara di masa akan datang, mereka yang akan membimbing masyarakat dan negara.

Brunei membuat rangka kerja *Child Online Protection* dengan kerjasama beberapa buah agensi kerajaan untuk melindungi kanak-kanak dari terjebak dalam perangkap pelaku. Di bawah rangka kerja ini, terdapat pelbagai pelan strategi tindakan untuk membendung permasalahan ini, setiap institusi kerajaan mempunyai pelan langkah intervensinya sendiri mengikut peranan masing-masing.

Seterusnya, undang-undang memainkan peranan penting dalam membendung penderaan seksual ini dari terus berlaku. Undang-undang yang menjadi dasar dalam perlindungan mangsa dera seksual kanak-kanak adalah Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219 sebagai tindakan undang-undang selepas terjadinya kes penderaan seksual. Manakala Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 memperuntukkan kesalahan-kesalahan seksual dan hukumannya terhadap pelaku. Adapun kedua-duanya berbidang kuasa di bawah perundangan Sivil.

Kanak-kanak yang dilindungi di bawah Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda bermaksud kanak-kanak yang didera secara fizikal, seksual, emosi dan pengabaian. Perlindungan yang diperuntukkan di bawah Akta ini termasuk penubuhan Kumpulan Bertindak Atas Perlindungan Kanak-Kanak yang mana di bawahnya adalah kumpulan

bergerak Komiti Perlindungan Kanak-Kanak diketuai oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat sebagai ketua pelindung kanak-kanak di Brunei. Perlindungan yang diperuntukkan adalah penyediaan tempat keselamatan dan perlindungan sementara, kaunseling, terapi, kemudahan perubatan dan sebagainya.

Manakala Perintah Kanun Hukuman Jenayah 22 pula memasukkan beberapa peruntukan hukuman bagi kesalahan-kesalahan jenayah seksual, iaitu kesalahan rogol, sumbang mahram, menjatuhkan maruah dan kesalahan luar tabii termasuk persetubuhan melalui dubur dan liwat. Bagi kesalahan rogol, peruntukan mentafsirkan kanak-kanak sebagai orang yang 14 tahun ke bawah, manakala bagi yang berumur 14 tahun hingga 16 tahun termasuk dalam Akta Persetubuhan Bawah Umur (*Unlawful Carnal Knowledge Act*). Tetapi pernyataan umur ini tidak sama dan ianya tertakluk kepada jenis kesalahan yang diperuntukkan di dalamnya.

Bagi kes kesalahan rogol dikenakan hukuman penjara tidak kurang dari 8 tahun dan tidak lebih 30 tahun dan sebat tidak kurang 12 kali. Tetapi disebabkan semakin banyak kes rogol lebih-lebih lagi yang melakukan sumbang mahram, ditambah lagi dengan kes Wan Yunus yang di dalamnya ada elemen pembentukan seksual (*sexual grooming*) dan kesalahan meliwat, begitu juga pernah terjadi kes Shahdon yang membuat rakaman video lucah dan menyebarkannya membuatkan pengamal undang-undang melihat ada keperluan di situ untuk melakukan beberapa pindaan terhadap peruntukan yang sedia ada.

Pindaan telah dibuat pada tahun 2012 yang menjurus kepada kesalahan-kesalahan seksual termasuk pornografi kanak-kanak, memiliki foto, video lucah, menyebarkan gambar tidak senonoh kanak-kanak, kesalahan pembentukan seksual (*sexual grooming*), perdagangan seks dijadikan kesalahan jenayah dengan penentuan hukuman bagi setiap kesalahan.

Manakala pada tahun 2017, pindaan dibuat berkenaan dengan kesalahan rogol. Peruntukan di bawah kesalahan rogol ini diperluaskan lagi dengan menambah peruntukan berkenaan dengan pendera yang mempunyai kuasa terhadap mangsa kanak-kanak, iaitu seperti hubungan bapa dan anak. Di sini juga terdapat peningkatan dari segi hukuman, sebelum ini hukumannya tidak kurang dari 8 tahun, kini kalau mangsa berumur 14 tahun ke bawah, hukumannya tidak kurang dari 15 tahun.

Tambahan lain adalah peruntukan bagi perbuatan yang berulang, apabila pelaku keluar dari penjara, kemudian melakukan perbuatan yang sama, dia dihukum penjara tidak kurang dari 20 tahun dan tidak lebih dari 50 tahun dengan sebat. Begitu juga terjadi peningkatan hukuman dalam kesalahan luar tabii dari sebelumnya.

Manakala di bawah undang-undang Syariah pula, tidak ada peruntukan berkenaan dengan kanak-kanak yang didera atau dianiaya. Bukti, setakat ini hanya ada peruntukan terhad kepada perlindungan kanak-kanak dalam hak penjagaan anak, kewajipan nafkah dan seumpamanya.

Sehubungan dengan itu, Brunei menggubal Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 (PKHJS 2013) yang meliputi kesemua jenis kesalahan yang bercanggah dengan hukum syara' termasuk pengenaan hukuman bagi kesalahan jenayah *Hudud*, *Qisas* dan *Takzir*. Tetapi setakat ini, PKHJS 2013 ini masih di fasa pertama yang hanya menyentuh kesalahan-kesalahan am dengan hukuman bayaran *ta'zir*. Kesalahan jenayah seperti rogol iaitu *zina bil-jabar* hanya akan dilaksanakan setelah fasa kedua bermula.

Oleh itu, apabila dibuat perbandingan antara kedua sistem perundangan, undang-undang sivil mempunyai lebih banyak peruntukan berkenaan dengan penderaan seksual kanak-kanak, tambahan lagi dengan adanya akta khusus untuk kanak-kanak iaitu Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 219. Berbanding dengan undang-undang Syariah

pada masa ini, ruang peruntukannya amat terhad kerana Brunei masih lagi berada dalam fasa pertama. Tetapi kalau sudah dilaksanakan fasa kedua dan seterusnya, sudah setentunya hukuman di bawah undang-undang Syariah lagi berat berbanding hukuman di bawah undang-undang Sivil.

Berdasarkan kepada kedudukan kes penderaan seksual kanak-kanak di Brunei, dua orang informan bersetuju bahawa perundangan yang sedia ada mencukupi untuk membendung jenayah sosial ini dan ianya memadai untuk mencegah dari semakin berleluasanya kes-kes penderaan di negara. Manakala dua informan lagi menyatakan undang-undang Allah adalah peraturan yang paling berkesan untuk mengurangkan jenayah terhadap kanak-kanak. Sebagaimana yang dinyatakan dalam akhir bab lima, pengkaji bersepakat dengan kedua-duanya, apabila fasa kedua dikuatkuasakan, perlu diteliti sebarang permasalahan dan kekurangan yang ada bagi kajian yang akan datang.

Melalui temu bual bersama dengan para informan, pengkaji mendapati permasalahan yang timbul dalam sistem perlindungan kanak-kanak di Brunei berpunca daripada ketidakstabilan asas dan akar sistem itu sendiri, kerana Brunei sangat kekurangan pakar dan kemahiran dalam perlindungan kanak-kanak, kepakaran penting untuk memberikan tunjuk ajar kepada kakitangan yang berhubung langsung dengan kanak-kanak, ianya sekaligus dapat membantu melicinkan pelan tindakan yang direncanakan oleh agensi-agensi tempatan.

## BAB 7: PENUTUP

### 7.1 Pendahuluan

Perlindungan kanak-kanak ini merupakan tanggungjawab bersama dan bukan terletak di bahu kerajaan semata-mata, ia memerlukan pendekatan negara dengan melibatkan ibu bapa, keluarga, guru, jiran tetangga, masyarakat, agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Masyarakat perlu mendidik diri sendiri, sentiasa mengambil tahu keadaan sekeliling, sekiranya disyaki berlakunya penderaan, contohnya jiran tertangga perlulah mengambil inisiatif untuk melapor segera kepada pihak tertentu dan mengambil sikap jangan mementingkan diri sendiri. Kesemua faktor-faktor perlindungan mesti kuat dan sebolehnya dilaksanakan walaupun ianya tidak mampu mengekang sepenuhnya permasalahan ini tetapi sekurang-kurangnya berjaya mengurangkan kes-kes dari terus berlaku. Oleh itu, program kesedaran adalah sangat penting untuk orang ramai tahu realiti sekarang kerana kanak-kanak adalah komponen yang utama dalam membangun dan memajukan negara. Sekiranya isu penderaan ini dibiarkan tanpa usaha yang sewajarnya dari pihak-pihak tertentu, gejala ini akan terus membiak dan semakin menular masuk ke masyarakat.

### 7.2 Saranan

Bagi mengatasi faktor-faktor berisiko kepada penderaan, perlunya faktor-faktor untuk melindungi kanak-kanak tersebut daripada didera yang dipanggil sebagai “*Protective Factors*”. Berdasarkan kepada hasil yang didapati sepanjang kajian dijalankan, penulis menengahkan beberapa cadangan yang perlu diambil kira oleh pihak-pihak berkuasa untuk menangani permasalahan penderaan terhadap kanak-kanak di Brunei. Antaranya adalah seperti berikut:

## 1. Ibu Bapa

Ibu bapa berperanan sangat penting dalam pembesaran anak-anak sejak dalam kandungan lagi. Ibu bapa bertanggungjawab dalam membentuk kepribadian dan syaksiyah cemerlang dalam diri anak-anak dengan memberikan pendidikan ugama yang cukup sejak dari kecil lagi. Oleh itu, ibu bapa disarankan untuk melengkapkan diri dengan pendidikan ugama agar dapat mengajar anak-anak untuk menjaga akhlak dan moral mereka.

Selain itu, disarankan kepada kedua-duanya untuk melengkapkan diri dengan kemahiran ibu bapa, kemahiran ini perlu ada di setiap orang terutama yang bakal menjadi seorang ibu dan ayah. Kemahiran ini meliputi aspek untuk menambahbaik perhubungan dengan anak-anak, cara berkomunikasi yang baik, menjadi contoh yang baik supaya menjadi ikutan anak-anak, tahu cara menegur dan mendisiplinkan anak dengan cara yang sewajarnya dilakukan tanpa melakukan sebarang kekerasan yang boleh mengganggu mentaliti kanak-kanak dan seumpamanya. Mereka perlu sentiasa mengawas perilaku anak terutamanya dalam bab bersosial dengan kawan-kawan dan juga mengawal penggunaan internet tanpa menyebabkan anak merasa terlalu terkongkong oleh ibu bapa mereka.

Ibu bapa perlu sentiasa mengajar dan memberikan nasihat kepada anak-anak supaya tidak keluar atau jangan sekali-kali berhubung dengan orang yang tidak dikenali untuk tujuan keselamatan mereka sendiri, ini perlu diingatkan berulang kali agar tidak berlaku perkara yang tidak diingini.

Di samping itu, ibu bapa juga perlu dilengkapi dengan pengetahuan agama Islam bukan untuk mengajar anak-anak semata-mata tetapi untuk meningkatkan keimanan mereka agar sentiasa bersikap sabar dan tidak terus melepaskan kemarahan dengan cara menyakitkan anak-anak.

Perhubungan antara suami isteri juga hendaklah dijaga dengan memupuk sikap sentiasa berkomunikasi, bekerjasama dalam membina rumah tangga, sekiranya terjadi sebarang permasalahan hendaklah diselesaikan dengan cara berhikmah tanpa bertindak terburu-buru dan seumpamanya. Perhubungan yang kuat antara suami isteri mampu membangun keluarga yang harmoni dan ia merupakan faktor yang sangat signifikan dalam pembesaran anak-anak.

## 2. Kerajaan

Pihak kerajaan merupakan faktor kedua penting selepas ibu bapa dalam menangani penderaan kanak-kanak di sesebuah negara. Brunei telah mengambil pelbagai langkah dalam menangani permasalahan ini, tetapi menurut penelitian penulis, terdapat beberapa faktor penambakan yang dirasakan perlu untuk dilaksanakan dengan lebih berkesan. Perlindungan merujuk kepada bukan sahaja selepas berlakunya penderaan, tetapi juga merujuk kepada sebelum terjadinya sesuatu penderaan. Kerajaan di sini meliputi aspek pendidikan, perundangan, kerja-kerja kebajikan, kesihatan, program kesedaran dan sebagainya.

### a) Latihan Kepakaran

Menurut pengamatan penulis, sebelum membuat sebarang strategi untuk melindungi kanak-kanak, penulis bersepakat dengan Puan Dr. Hjh Mawarni bahawa Brunei memerlukan latihan kepakaran dan kemahiran dalam perlindungan kanak-kanak terutamanya bagi sesiapa sahaja yang kerjayanya melibatkan kanak-kanak. Brunei kekurangan orang yang benar-benar mempunyai kepakaran, mungkin sebab Brunei negara kecil dan kes-kes pun tidak sebanyak negara-negara lain, tetapi keperluan tersebut perlu diambil kira kerana menurut penulis, ia merupakan salah satu dasar untuk melicinkan lagi langkah dan strategi yang dibuat dalam perlindungan kanak-kanak.

Sebagai contoh di United Kingdom (UK), UK mempunyai satu latihan khusus yang dipanggil sebagai *Child Protection Training UK*. Ia merupakan satu syarikat latihan pakar antarabangsa yang menyediakan latihan untuk melindungi kanak-kanak dari segi kesihatan, kebajikan sosial dan sektor pendidikan. Syarikat ini juga menyediakan konsultasi, projek pengurusan dan perkhidmatan latihan kursus kepada orang ramai. Latihan ini mengandungi peringkat-peringkat mengikut kesesuaian, seperti:

- i) Peringkat Pertama: Latihan kursus dalam kesedaran perlindungan kanak-kanak, peringkat ini lebih kepada penjaga dan pengasuh.
- ii) Peringkat Kedua: Latihan kursus lanjutan dalam kesedaran perlindungan kanak-kanak.
- iii) Peringkat Ketiga: Latihan kursus yang ditetapkan untuk pelindung kanak-kanak seperti doktor-doktor, pegawai kebajikan dan seumpamanya.<sup>247</sup>

Sebagai contoh guru-guru yang dilengkapi dengan kepakaran seperti ini, mereka tahu macam mana untuk mengendalikan dan memberikan bantuan sekiranya terjadi atau disyaki ada elemen penderaan terhadap anak murid yang terbabit, sekaligus memudahkan proses laporan dan penyiasatan terhadap aduan yang dihadapkan.

- b) Memperkenalkan pengajian jurusan kebajikan sosial di institusi-institusi.

Menurut Tuan Muhammad Tauhiduddin dan Puan Dk Nurizni, antara permasalahan yang dihadapi sekarang adalah kekurangan tenaga pekerja. Oleh itu penulis turut menyarankan untuk memperkenalkan pengajian dalam jurusan kebajikan sosial di institusi-institusi pengajian di Brunei. Ini bertujuan agar

---

<sup>247</sup> Laman Sesawang *Child Protection Training UK*, dicapai 1 Februari 2018, <https://www.safeguardingkids.co.uk/>.

semakin ramai pelajar berminat untuk ikut serta dalam bidang kebajikan sosial dan juga supaya mereka lebih memahami gambaran penderaan yang berlaku sekarang dengan banyak melibatkan diri dalam program-program berkebajikan. Sekaligus, ia akan melahirkan lebih ramai orang yang berkemahiran dan mempunyai kepakaran dalam perlindungan kanak-kanak. Sebab itu latihan kepakaran adalah sangat penting untuk merealisasikan pelan dan langkah-langkah perlindungan dengan lebih efisien dan profesional.

- c) Tempat perlindungan sementara di Kompleks Rumah Kebajikan perlu diperelokkan lagi dari segi fasilitinya dan memastikannya mempunyai persekitaran yang lebih *home friendly* supaya residen kanak-kanak tidak terasa terlalu terkongkong seperti dalam penjara. Begitu juga perlu dipastikan untuk mengasingkan rumah perlindungan dari rumah pemulihan kerana sekarang ini disatukan dalam satu kawasan yang asalnya didiami oleh penghuni unit pemulihan sahaja, jadi suasannya tidak sesuai dengan nama rumah perlindungan.
- d) Kepentingan pendidikan agama.

Bagi penulis, pendidikan agama adalah sangat penting untuk pembangunan masyarakat di sesebuah negara. Pendidikan di sini bukan bermaksud untuk menambah pengetahuan agama sahaja tetapi lebih kepada mendidik dan membentuk seseorang yang mempunyai moral dan akhlak yang mulia dan sejajar dengan ajaran agama Islam. Orang yang terdidik dengan agama akan menjauhkan dirinya dari melakukan perbuatan yang dimurkai oleh Allah SWT seperti perbuatan yang boleh mencederakan, menyakiti dan menganiaya sesama manusia, tahu untuk menghormati orang tidak kira usia, tahu untuk mengawal nafsunya dan sentiasa melakukan kebaikan.

Di sini letaknya peranan yang semestinya perlu dipikul terutamanya oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai ketua dalam mencapai visi negara sebagai negara zikir dan *baldatun tayyibatun wa rabbun ghafur* (Negara yang aman makmur dan Tuhan Yang Maha Pengampun).<sup>248</sup> Setakat ini, banyak program ugama dijalankan, pengkaji mencadangkan untuk memvariasikan lagi program tersebut, memperbanyakkan kempen-kempen keugamaan, mengadakan ceramah-ceramah yang menyentuh isu sosial penderaan kanak-kanak dengan kerjasama agensi-agensi lain dan seumpamanya.

- e) Bagi menangani isu penderaan dan eksplotasi seksual kanak-kanak secara online, Brunei membuat satu rangka kerja yang dipanggil sebagai *Child Online Protection (COP) Framework* yang diperkenalkan sejak dari tahun 2012. Rangka kerja ini merupakan usaha sama beberapa agensi sebagai langkah perlindungan dan intervensi bagi permasalahan ini. Antaranya adalah mengadakan program kesedaran dalam penggunaan internet dengan memasukkannya sebagai kelas kokurikulum di sekolah-sekolah, memperbanyak seminar, forum, kursus-kursus dan sebagainya.

Pada era digital ini, internet digunakan sebagai alat pencari maklumat, tetapi juga digunakan untuk tujuan mencari mangsa kanak-kanak terutamanya oleh orang dewasa iaitu pelaku pedofil. Internet mudah digunakan di mana-mana, senang untuk melayari beberapa laman web seperti aplikasi *Facebook*, *Whatsapp* dan seumpamanya untuk mencari kenalan. Dalam pada itu, pelaku

---

<sup>248</sup> *Child Online Protection National Strategy Framework for Brunei Darussalam*, 3<sup>rd</sup> Edition, April 2015, 18.

mengambil kesempatan untuk berkenalan dengan kanak-kanak untuk tujuan melakukan hubungan seksual dengannya.

Sehubungan dengan itu, penulis menyarankan untuk mengetatkan sekuriti dengan menghalang atau '*block*' semua laman web pornografi dari terus mudah untuk dilayari di internet.

Penulis berpendapat pentingnya kerjasama bersepadu antara agensi-agensi tertentu untuk sama-sama membanteras permasalahan ini berlaku terhadap kanak-kanak. Bertitik tolak dari ini perlunya *Standard Operating Procedures* (SOP) yang tersusun untuk menyelaraskan setiap agensi supaya mereka tahu peranan masing-masing, apabila berlaku kes dera, mereka terus bertindak mengikut peranan yang dinyatakan dalam SOP bagi mengelakkan salah faham dan kurang komunikasi antara sesama agensi.

f) Perundangan

Perundangan dianggap sebagai salah satu faktor pelindung yang penting dalam mengurangkan dan membendung kes penderaan dari terus berlaku. Brunei menggubal beberapa peruntukan secara langsung seperti Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 dalam kesalahan-kesalahan penderaan dan pengabaian kanak-kanak. Manakala peruntukan yang secara tidak langsung membantu untuk mengurangkan permasalahan jika dilaksanakan dengan betul adalah seperti:

i. Perintah Pendidikan Ugama Wajib, 2013

Perintah ini mewajibkan kanak-kanak yang berumur 7 tahun ke atas untuk mendapatkan pendidikan ugama prasekolah dan rendah iaitu mengikut ajaran ugama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

Penulis memuji usaha ini yang mewajibkan pembelajaran Islam terhadap kanak-kanak kerana walau dalam apa pun keadaan yang menimpa, jika kanak-kanak itu dididik dengan ajaran dan etika Islam sedari kecil lagi, sedikit sebanyak ia akan membiasakan dirinya untuk membuat kebaikan dan menjauhkan diri dari melakukan maksiat kepada diri dan orang lain.

- ii. Akta *Censorship of Films and Public Entertainments Act*, Penggal 69
- Penulis menyarankan agar sentiasa menyemak dan meneliti sesebuah filem sebelum ditayangkan di panggung wayang atau di TV. Penulis mendapati kekurangan dari sudut perlaksanaannya, oleh itu penulis berharap pihak tertentu betul-betul menapis filem dan mengenal pasti elemen-elemen seksual atau lucah dalamnya sebelum memberikan kebenaran untuk ditayangkan.

Dalam pada itu, pengkaji berharap Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 segera melaksanakan fasa kedua yang merangkumi hukuman Hudud bagi pesalah zina, rogol dan seumpamanya untuk mengurangkan kes-kes rogol dari terus berleluasa, sekurang-kurangnya ia dapat menerbitkan rasa takut kepada pelaku dengan hukuman berat di bawah PKHJS 2013. Undang-undang Syariah ini menurut mufti kerajaan Brunei adalah berkonsepkan kepada *amr ma'ruf dan nahy munkar* yang membawa maksud sebagai menyeru kepada kebaikan dan menegah dari sebarang kemungkar, wujudnya undang-undang Allah adalah sebagai pengajaran untuk memelihara manusia dan bukannya semata-mata sebagai hukuman.<sup>249</sup>


---

<sup>249</sup> Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, *Qanun Jenayah Syari'ah Satu Pengenalan*, (Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri), 2013, 237.

- g) Memperbanyakkan kajian untuk menambah informasi berkenaan dengan sistem perlindungan kepada mangsa penderaan kanak-kanak di Brunei

*Public Health* memiliki beberapa prinsip dalam menyediakan rangka kerja bagi membuat kajian untuk memahami punca dan kesan keganasan serta untuk mencegah ianya berlaku melalui program-program pencegahan dan sokongan-sokongan yang perlu ada untuk merealisasikan pelan perlindungan. Pendekatan ini dipanggil sebagai *The Public Health Approach* seperti dalam Rajah 7.1 ini.<sup>250</sup>

**Rajah 7.1. Pendekatan *The Public Health Approach***



Sumber: World Health Organization

<sup>250</sup> WHO, The Public Health Approach, dicapai 4hb Januari 2018, [http://www.who.int/violenceprevention/approach/public\\_health/en/](http://www.who.int/violenceprevention/approach/public_health/en/).

Langkah-langkah bagi pendekatan ini bermula dengan mengenal pasti permasalahan yang berlaku, kemudian mengadakan kajian untuk mencari faktor yang menyebabkan penderaan itu terjadi dan kesannya kepada siapa. Setelah itu, langkah membangunkan dan menilai beberapa intervensi yang dirasakan sesuai dilaksanakan dan menentukan sasaran intervensi tersebut. Seterusnya, langkah perlaksanaan bagi intervensi yang efektif dan diyakini membawa hasil dan disusuli dengan menilai impak serta keberkesanan kos intervensi tersebut.

Rangka kerja ini hendaklah betul-betul diterapkan sebelum membuat sebarang pelan tindakan, kajian-kajian perlu dibuat terlebih dahulu untuk disesuaikan dengan keadaan di Brunei. Pelan strategi yang bijak lahir dari banyak penyelidikan dengan kerjasama semua agensi dalam memastikan pelan intervensi berhasil dijalankan.

### 3. Media

Program-program kesedaran memang banyak diadakan tidak kira di peringkat mana pun, tetapi penulis menyarankan perlunya ditekankan cara atau metod yang digunakan untuk mengadakan program tersebut. Dewasa kini, media merupakan alat atau platform untuk menyampaikan sebarang berita dan maklumat kepada orang ramai. Seperti yang diketahui umumnya media boleh dibahagikan kepada media cetak seperti akhbar, majalah dan jurnal; media elektronik seperti televisyen, radio; dan media sosial seperti laman-laman web, *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *whatsApp*, blog dan sebagainya.

Pengkaji menyarankan kepada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk menggunakan media sepenuhnya untuk menyebarkan kesedaran kepada seluruh peringkat masyarakat.

Sebagai contoh, selain dari mengadakan program atau ceramah kepada pelajar-pelajar sekolah yang memang telah banyak diadakan, mungkin pihak JAPEM dengan

kerjasama pihak *Authority for Info-communications Technology Industry* (AITI) boleh menyebarkan maklumat berkenaan dengan cara-cara intervensi atau perlindungan melalui saluran media sebagai rancangan TV atau memaparkan iklan-iklan di pusat-pusat membeli belah dan menyalurkan informasi melalui radio.

Penulis juga menyarankan untuk menyediakan aplikasi yang dapat dimuat turun secara online yang mana dalamnya mengandungi informasi tentang siapa yang perlu dituju untuk membuat laporan dan memberi pengetahuan akan bahayanya isu ini dari terus berlaku di Brunei. Di Australia, mereka mempunyai *The Mako/Files-online* iaitu maklumat tentang senarai pelaku seksual yang boleh didapati secara *online*<sup>251</sup>. Ini yang dimaksudkan penulis untuk menggunakan sepenuhnya platfom media sebagai penyalur maklumat kepada masyarakat supaya ianya tersebar dalam waktu yang cepat.

#### 4. Kajian Akan Datang Berkaitan Dengan Penderaan Kanak-Kanak

Kajian berkaitan dengan isu penderaan kanak-kanak secara umumnya kurang mendapat perhatian dari para pengkaji tempatan. Disebabkan oleh limitasi kajian yang dialami oleh pengkaji seperti yang dinyatakan pada bab pertama, diharapkan pengkaji yang akan datang dapat mempelbagaikan lagi kajian tentang insiden penderaan yang melibatkan kanak-kanak tidak kira dari aspek mana pun.

Selain berjaya memperoleh statistik jumlah kes mengikut umur, daerah dan jenis penderaan, pengkaji juga berharap agensi-agensi perlindungan kanak-kanak dapat menyediakan data-data yang lebih terperinci seperti faktor dan kesan penderaan agar lebih memudahkan pengkaji selanjutnya untuk membuat lebih banyak analisis tanpa

---

<sup>251</sup> MAKO/Files Online – Listing Australian Paedophiles/Sex Offenders/Child Killers, dicapai 1 Februari 2018, <http://archive.is/SVpPh>.

bergantung sepenuhnya kepada temu bual. Begitu juga, diharap terdapat kajian tentang perkembangan isu penderaan kanak-kanak selepas undang-undang Syariah fasa kedua bermula untuk melihat keberkesanan dari sudut perlaksanaannya, pendakwaannya dan penyelarasannya dengan undang-undang sivil.

## BIBLIOGRAFI

### a) Rujukan Buku

- Abd. Hadi Zakaria, Ph. D, *Haruan Makan Anak: Inses di Semenanjung Malaysia*, (Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, 1998).
- Afifi, Tracie O. et. al., “The relationship between child abuse, parental divorce, and lifetime mental disorders and suicidality in a nationally representative adult sample”, dalam *Child Abuse & Neglect*, Vol.33, 2009.
- Al-Khin, Mustafa, al-Bugha, Mustafa dan al-Sharbaji, ‘Ali, *al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Madhhab al-Imam al-Syafi’I*, (Damsyik: Dar al-Qalam,2012).
- Atikah Ghazali dan Fauziah Mohammad, *Penganiayaan Kanak-Kanak Penyelesaian Menurut Islam*, (Selangor Darul Ehsan: Pustaka Ilmi, 1998).
- Barbara Yen, *Sexual Abuse of Children* dalam *Issues in Child Care Today*, (Selangor: Shelter, 1989).
- Briggs, Freda and Hawkins, Russell, *Child Protection A guide for teachers and child care professionals*, Allen & Unwin, February 1997.
- Child Protection in the digital age National responses to online child sexual abuse and exploitation in ASEAN Member States*, Strengthening Child Protection System Series, No.6, UNICEF EAPRO, Bangkok, 2016, 31.
- Faller, Kathleen Coulborn, *Understanding Child Sexual Maltreatment*, (Sage Publications, 1990).
- Faller, Kathleen Coulborn, “Why Sexual Abuse? An Exploration of the Intergenerational Hypothesis,” dalam *Child Abuse & Neglect*, Vol.13, 1989.
- Glaser, Danya and Frosh, Stephen, *Child Sexual Abuse*, (The Macmillan Press LTD, 1993).
- Hajah Saadiah DDW Haji Tamit, Datin Dr., *Transformasi Undang-Undang Keluarga Islam Brunei*, (Brunei: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2010).
- Siti Uzairiah Mohb Tabi, *KAJIAN KUALITATIF DAN ANALISIS TEMU BUAL*, (Kuala Lumpur: Aras Publisher, Malaysia, Jun 2017),
- Jabatan Pembangunan Masyarakat, *Report on The Convention on the Rights of the Child*, (Brunei: Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Julai 2001).
- Jal Zabdi Mohd Yusoff, *Jenayah Penderaan Kanak-Kanak*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2010).

Jouriles, Ernest N. et. al., Child Abuse in the Context of Domestic Violence: Prevalence, Explanations, and Practice Implications, *Violence and Victims*, Vol. 23, No.2, 2008.

Kasmini Kassim, *Memahami Jiwa Kanak-Kanak*, (Kuala Lumpur: 'K' Publishing & Distributors Sdn. Bhd, 1990).

Kasmini Kassim, *Penderaan Emosi Kanak-kanak Trauma Terselindung*, Syarahan Perdana, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998).

Khadijah Alavi dan Ann Wan Seng, *Memahami Latar Belakang Penderaan Kanak-Kanak*, (Darul Makmur: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd, 2003).

Kempe, C. Henry et al., "The Battered-Child Syndrome" dalam *Child Abuse & Neglect*, Vol.9, 1985.

Kempe, C. Henry et. al, 1962, "the battered-child syndrome," 12 Classic Papers in Child Abuse, ed. Ann Cohn Donelly dan Kim Oates, (Sage Publications, 2000).

Kempe, C. Henry, *Sexual Abuse Another Hidden Pediatric Problem*, 1978, Classic Papers in Child Abuse.

Kendall-Tackett, Kathleen "The Health Effects of Childhood Abuse: Four Pathways by which Abuse Can Influence Health", dalam *Child Abuse and Neglect*, Vol. 6/7, 2002.

Merriam, Sharan B. and Tisdell, Elizabeth J., *Qualitative Research A guide to Design and Implementation*, Fourth Edition, (San Francisco, US: Jossey-Bass, A Wiley Brand, 2016).

Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, (Selangor: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd., 2013).

Nor Shafrin Ahmad, *Mangsa Dera Seksual*, (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2012).

Randhawa, Trisha and Jacobs, Scott, Child Grooming: "Offending all the way through from the start"- Exploring the call for law reform 11, Dec. 2013, Child Wise, file with the International Centre for Missing & Exploited Children.

Rosanida Awang et al., *Penderaan Seksual Kanak-Kanak*, (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015).

Suwaid, Muhammad Nur Ibnu 'Abdul Hafidh, *Manhaj al-Tarbiyyah al-Nabawiyyah Lit-tifli*. (Beirut: Dar Ibnu Katheer, 1998).

Swilam, Rafat Farid, *al-Islam wa Huquq al-Tifl*. (Kahirah: Dar Muhaisin, 2003.Berut: Dar Ibnu Katheer, 1998).

Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr, *Qanun Jenayah Syari'ah Satu Pengenalan*, (Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri), 2013.

Wolfe, David A., *Child Abuse Applications for Child Development and Psychopathology*, (London: Sage Publications, 1987).

Zulazhar Tahir, *Meninjau Isu Penderaan Kanak-Kanak dari Perspektif Akta Kanak-Kanak 2001*. Siti Zaharah Jamaluddin et al., *Siri Undang-Undang Mimi Kamariah Akta Kanak-Kanak 2001*, (Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2002).

**b) Rujukan Jurnal dan Artikel**

Abdul Hamid Mohamad, "Implementation of Hudud in Brunei: Differences between Brunei and Malaysia", *Islam and Civilisational Renewal* (ICR 5.2), IAIS Malaysia.

Abdul Razak Abd Manaf dan Norliza binti Mokhtar, "Isu-Isu Sokongan Sosial Dalam Kalangan Kanak-Kanak Mangsa Penderaan Seksual di Institusi Pemeliharaan dan Perlindungan", *Journal of Techno Social*, Vol. 8, No. 2, 2016.

Amran Hassan et al., "Pengaruh Faktor Kesepadan (Kefungsian Keluarga) dan Kemahiran Keibubapaan Terhadap Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Ibu Bapa dan Anak", *Sains Humanika* 3:1 2014.

Braun, Virginia and Clarke, Victoria., "Using thematic analysis in psychology", *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), pp. 77-101., (Bristol, University of the West of England).

*Child Online Protection National Strategy Framework for Brunei Darussalam*, 3<sup>rd</sup> Edition, April 2015, 18.

Cohen, Judith A. and Mannarino, Anthony P., "Factors That Mediate Treatment Outcome of Sexually Abused Preschool Children," *Journal of the American Academy of Child & Adolescent Psychiatry*, 1996.

Finkelhorn, David and Berliner,Lucy, "Research on the Treatment of Sexually Abused Children: A Review and Recommendations," *J. AM. ACAD. Child Adolesc. Psychiatry*, November 1995.

Finkelhorn, David "Child Sexual Abuse Challenges Facing Child Protection and Mental Health Professionals" dalam *CHILDHOOD AND TRAUMA – SEPERATION, ABUSE, WAR*, Elisabeth Ullman dan Werner Hilweg, (England: Ashgate Publishing Ltd).

Kenny, Maureen C. et al., "Child Sexual Abuse: From Prevention to Self-Protection," *Child Abuse Review*, Vol. 17 (2008).

Khadijah Alavi et. al, "Kerja Sosial di Sekolah: Memahami dan Menangani Penderaan Kanak-Kanak", *Jurnal e-Bangi*, Vol.7, No.1, 2012.

Hasnah Hassan, "Pemeliharaan Kanak-Kanak Di Bawah United Nations Convention On the Rights of the Child Dan Perbandingannya Dari Perspektif Undang-Undang

Islam Dan Sivil," *Jurnal Undang-Undang Syariah Brunei Darussalam*, No.2 (Januari-Jun, 2002).

Madu, S.N., Idemudia, S. E. dan Jegede, A. S., "Perceived Parental Disorders as Risk Factors for Child Sexual, Physical and Emotional Abuse among High School Students in the Mpumalanga Province, South Africa," *J. Soc. Sci.*, 6(2), 2002.

Mariani Mansor dan Asnarulkhadi Abu Samah, "A Descriptive Analysis On the Personality of Child Physical Abuse Victims," *International Journal of Business and Social Science*, Vol.2, No.14, 2011.

Mohd Idham Mohd Yusof et al., "Social Stigma of Incest in Malaysia", *International Academic Research Journal of Social Science* 1(2), 2015.

Nor Shafrin Ahmad, "Mengenal Pasti Indikator Tingkah Laku Mangsa Penderaan Seksual," *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jil.22, 2007.

Nor Shafrin Ahmad, "Penderaan Seksual: Keperluan Kriteria Pegawai, Punca Penderaan, dan Kes Tidak Dilaporkan", *Sosiohumanika*, Vol. 5(1), 2012.

Nurwahidah, "Kejahatan Terhadap Anak dan Solusinya Menurut Hukum Islam," *Syariah Jurnal Ilmu Hukum*, Vol.15 (2), Disember 2015, 125-140.

Polusny, Melissa A. and Follette, Victoria M., "Long-term correlates of child sexual abuse: Theory and review of the empirical literature," Cambridge University Press, USA, 1995.

Rohayah Husain et al., "Depression and Coping Strategies Among Sexually Abused Children in a Malay Community in Malaysia", *ASEAN Journal of Psychiatry*, Vol. 10(2), July-Dec 2009.

Salina Nen et al., "Kajian Kes Inses Bapa-Anak Perempuan: Memahami Pengalaman dari Perspektif Mangsa," *Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol.7, No.1, April Special, Bangi, 2012.

Wekerle, Christine and Wolfe, David A., "Prevention of Child Physical Abuse and Neglect: Promising New Directions," *Clinical Psychology Review*, Vol.13, 1993.

Wissow, Lawrence S., "Current Concepts Child Abuse and Neglect," *The New England Journal of Medicine*, Vol.332 (1995), No. 21.

Z.M. Lukman, "Childhood Abuse among Children Involved in Prostitution in Malaysia," *The Social Sciences*, 4(6), 2009.

Z.M Lukman et al., "The Relationship Between Dysfunctional Family and the Involvement of Children in Prostitution," *World Applied Sciences Journal 12 (Special Issue of Social and Psychological Sciences for Human Development*, IDOSI Publications, 2011.

**c) Rujukan Disertasi**

Wan Noor Hazlina Wan Jusoh, “Penganiayaan Kanak-Kanak: Suatu Tinjauan Mengikut Undang-Undang di Malaysia”. Disertasi Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya, 2003.

**d) Kertas Kerja Persidangan**

Azizah Othman dan Azelin Aziz, “Fenomena Sumbang Mahram di Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia,” Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004), Hotel City Bayview Langkawi, 4-6 September 2004.

Mohd Dahlan A. Malek dan Ida Shafinaz Mohamed Kamil, “Jenayah dan Masalah Sosial Di Kalangan Remaja: Cabaran dan Realiti Dunia Siber,” Program Jenayah Cyber dan Isu Pemerdagangan Manusia di Malaysia, 26 Ogos 2010, Resital Hall, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.

“Brunei Darussalam Statement,” The Second Islamic Ministerial Conference On the Child, Khartoum, Republic of The Sudan, 2-3 Februari, 2009.

Laporan The 20<sup>th</sup> Anniversary of The Convention On the Rights of the Child: OIC Member States and The CRC from The Perspective of Islamic Jurisdiction, Cairo, Egypt, 23-24 November 2009.

Pg. Hjh. Zabaidah binti Pg. Hj. Kamaluddin, “Child and Family Violence, Brunei Darussalam (Legal Aspects)” (AWCO Forum, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, 5 April 1997).

**e) Rujukan Laman Sesawang dan Keratan Akhbar**

Aimi Sani, “Penderaan Ganggu Pertumbuhan Kesihatan Kanak-Kanak,” laman sesawang *Pelita Brunei*, 9 April 2013, <http://www.pelitabrunei.gov.bn/nasional/item/2140-penderaan-ganggu-pertumbuhan-kesihatan-kanak-kanak>

Stephen, Ignatius, “Man Charged with abusing boy, aged 5”, *Borneo Bulletin*, 17/18 Oktober 1998.

Jabatan Perangkaan, “Population”, laman sesawang rasmi Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, dicapai pada 3 Oktober 2018, <http://www.depd.gov.bn/SitePages/Population.aspx>.

Khartini Hamir, “NBD Mengutamakan Perlindungan Keselamatan Kanak-Kanak,” laman sesawang *Pelita Brunei*, 22 November 2015, <http://www.pelitabrunei.gov.bn/nasional/item/23061-nbd-mengutamakan-perlindungan-selamatan-kanak-kanak>

Laman Sesawang *Child Protection Training UK*, dicapai 1 Februari 2018, <https://www.safeguardingkids.co.uk/>

Laporan Majlis Mesyuarat Negara Brunei Darussalam, Dewan Negara, 9 Mac 2016,  
<http://majlis-mesyuarat.gov.bn/JMM%20Images/laporan2016/Laporan%20MMN%209%20Mac%202016%20pagi.pdf>

Liza Mohamad, “Dad escapes with a warning”, Pelita Brunei, 28 September 2000.

MAKO/Files Online – Listing Australian Paedophiles/Sex Offenders/Child Killers, dicapai 1 Februari 2018, <http://archive.is/SVpPh>.

Mohammad Yusree Junaidi dan Zuraini Sharbawi, “The Protection of Victims, Particularly Women and Children, Against Domestic Violence”, Sexual Offences and Human Trafficking- The Brunei Experience, Attorney General’s Chambers, Brunei Darussalam.

Parekh, Ranna, “What is Psychotherapy?”, laman sesawang *American Psychiatric Association*, dicapai 28 Julai 2018, <https://www.psychiatry.org/patients-families/psychotherapy>.

Rafidah Jumat, “Liwat: Nasib Shahdon diketahui hari ini,” laman sesawang *Media Permata*, 2 Julai 2015, <http://mediapermata.com.bn/liwat-nasib-shahdon-diketahui-hari-ini/>

Siti Hajar, “Call to save Brunei’s young girls from sexual abuse,” laman sesawang *Borneo Bulletin*, 1 Julai 2015, <http://borneobulletin.com.bn/call-to-save-bruneis-young-girls-from-sexual-abuse/>

Thien, Rachel, “Brunei needs firm child protection strategy,” laman sesawang *The Brunei Times*, 15 Januari 2016, <https://btarchive.org/news/national/2016/01/15/brunei-needs-firm-child-protection-strategy>

“Children from all walks of life endure violence, and millions more are at risk,” laman sesawang *UNICEF*, dikemaskini Disember 2017, dicapai 4hb Januari 2018, <https://data.unicef.org/topic/child-protection/violence/#>.

“Handover Ceremony of Child Online Protection (COP) Framework,” laman sesawang rasmi AITI, 5 Mac 2014, [http://www.aiti.gov.bn/news/allnews/Pages/Handover-ceremony-of-Child-Online-Protection-\(COP\)-framework.aspx](http://www.aiti.gov.bn/news/allnews/Pages/Handover-ceremony-of-Child-Online-Protection-(COP)-framework.aspx)

“Protecting children from violence, exploitation and abuse,” laman sesawang *UNICEF*, 21 Mac 2011, dicapai 4hb Januari 2018, [https://www.unicef.org/protection/57929\\_57972.html](https://www.unicef.org/protection/57929_57972.html).

“Sexual violence against children,” laman sesawang *UNICEF*, dikemaskini 3 Januari 2018, dicapai 4hb Januari 2018, [https://www.unicef.org/protection/57929\\_58006.html](https://www.unicef.org/protection/57929_58006.html).

“Suspek kes cabul diberkas,” laman sesawang *Media Permata*, 2 Julai 2015, <http://mediapermata.com.bn/suspek-kes-cabul-diberkas/>

“UNICEF seeks to prevent and respond to violence, exploitation and abuse of children everywhere,” laman sesawang *UNICEF*, dikemaskini Disember 2017, dicapai 4hb Januari 2018, <https://data.unicef.org/topic/child-protection/overview/#>.

“UNICEF’s approach to child protection,” laman sesawang UNICEF, dikemaskini 28 November 2017, dicapai 4hb Januari 2018, [https://www.unicef.org/protection/57929\\_57990.html](https://www.unicef.org/protection/57929_57990.html).

“Utamakan Perlindungan, Keselamatan Kanak-Kanak dari ancaman negatif,” laman sesawang *Pelita Brunei*, 2 Disember, 2015, <http://www.pelitabrunei.gov.bn/haluan/item/23300-utamakan-perlindungan-keselamatan-kanak-kanak-dari-ancaman-negatif>

Village Counselling Center, dicapai 31hb Januari 2018, [http://www.villagecounselingcenter.net/Sexually\\_Reactive\\_Children\\_Parent\\_Handbook.pdf](http://www.villagecounselingcenter.net/Sexually_Reactive_Children_Parent_Handbook.pdf)

WHO, The Public Health Approach, dicapai 4hb Januari 2018, [http://www.who.int/violenceprevention/approach/public\\_health/en/](http://www.who.int/violenceprevention/approach/public_health/en/).